

**Bil. 47**

**Selasa  
14 Oktober 1997**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN</b>	(Ruangan	1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Ruangan	12)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) (No.2) 1997		
<b><u>Jawatankuasa:</u></b>		
<b><u>Jadual -</u></b>		
Maksud B.1, B.3, B.7, dan B.11	(Ruangan	13)
Maksud B.16	(Ruangan	35)
Maksud B.18	(Ruangan	49)
Maksud B.19	(Ruangan	54)
Maksud B.22	(Ruangan	56)
Maksud B.25	(Ruangan	57)
Maksud B.26	(Ruangan	58)
Maksud B.28, B.29, B.30, B.31 dan B.32	(Ruangan	60)
Maksud B.34	(Ruangan	63)
Maksud B.36, B.37 dan B.39	(Ruangan	64)
Maksud B.42	(Ruangan	68)
<b>USUL-USUL:</b>		
Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1997		
<b><u>Jawatankuasa:</u></b>		
Maksud P.7	(Ruangan	13)
Maksud P.14	(Ruangan	35)
Maksud P.17	(Ruangan	46)
Maksud P.19	(Ruangan	54)
Maksud P.28	(Ruangan	60)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan	34)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)

Yang Berhormat Puan Chua Soon Bui (Tawau)

- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

- Yang Berhormat Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- Yang Berhormat      Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “                      Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “                      Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “                      Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “                      Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “                      Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “                      Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “                      Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “                      Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “                      Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “                      Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “                      Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “                      Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “                      Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “                      Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “                      Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “                      Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “                      Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “                      Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “                      Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “                      Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “                      Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “                      Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “                      Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “                      Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “                      Tuan Tiong Thai King (Lanang)

- Yang Berhormat      Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “                      Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “                      Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “                      Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “                      Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “                      Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “                      Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “                      Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “                      Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “                      Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “                      Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “                      Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “                      Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “                      Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “                      Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala  
Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,  
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.  
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman  
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Salamat  
Puan Nor Hayatee binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

- Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT**

Selasa, 14 Oktober 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPANMULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TEKNOLOGI MAKLUMAT (IT) - JURANG  
PERBEZAAN DI SEGI KEMAMPUAN  
PENGUASAAN**

1. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan, perancangan dan kajian ilmiah yang telah dilakukan untuk mengadakan sesuatu dasar yang sesuai bagi mengimbang dan mencegah kewujudan kelompok jurang perbezaan sosio-ekonomi yang besar di antara mereka yang berkemampuan menguasai Teknologi Maklumat (IT) sebagai sumber ilmu dan wang, jika dibandingkan dengan mereka yang ramai miskin dari segi kewangan dan daif di bidang IT, di mana majoritinya terdiri di kalangan bumiputera, khususnya yang ramai tinggal di luar bandar.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, perancangan dan kajian ilmiah telah dibuat sebelum kerajaan bertindak melaksanakan penggunaan IT di negara kita. Maklumat yang tepat, segera dan terkini adalah amat penting bagi sesebuah negara untuk membuat dasar, program dan jadual bertindak di dalam semua bidang yang berkaitan bagi menentukan perkembangan dan kemajuan sesebuah negara. Kerajaan berpendapat bertindak segera melaksanakan penggunaan IT adalah lebih baik dan berfaedah daripada kita melihat sahaja dan menunggu semua orang pandai IT dan kaya. Kita yakin apabila dasar yang kita buat berdasarkan kepada perkembangan semasa mungkin faedahnya banyak boleh kita perolehi dan ini akan menjadikan negara kita maju dan seluruh rakyat juga akan dapat faedahnya dari kemajuan tersebut.

Kerajaan telah meningkatkan pelajaran dan pengajian IT dan Komputer Sains di universiti-universiti, kolej-kolej dan kerajaan akan menentukan supaya di seluruh sekolah menengah dan rendah di bandar dan luar bandar didedahkan dengan pelajaran

tersebut. Kerajaan juga meluaskan akses melalui infrastruktur khasnya rangkaian telekomunikasi di seluruh negara dan lain-lain kemudahan asas yang berkaitan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan bahawa dalam pembangunan IT tidak menunjukkan dua kelas, IT kaya dan IT miskin, khasnya antara mereka di bandar dan di desa, bukankah satu strategi mustahak ialah mengadakan satu grid telekomunikasi yang terkini di mana-mana pun di seluruh negara, sama ada rakyat di bandar atau di luar bandar bolehlah hubungi kepada Internet dan menggunakan maklumat teknologi. Adakah satu pelan di mana bila satu grid telekomunikasi nasional di mana-mana tempat siapa pun boleh hubungi kepada infrastruktur maklumat ini boleh diadakan. Adakah kerajaan satu sasaran sama ada lima tahun, sepuluh tahun di mana negara, dengan izin, fully wired daripada mana-mana bahagian.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, Internet ini kita menggunakan talian telefon, sebab itulah kerajaan sekarang sedang giat membanyakkan talian telefon bukan sahaja di bandar, tetapi juga di luar bandar kerana perkara ini berkait dengan perkara itu. Kita yakin apabila talian telefon ini didapati di seluruh negara, jadi rakyat boleh menggunakan Internet itu bila-bila masa dan di mana-mana tempat. Istimewanya pula Internet ini ialah apabila kita mendapat kod kita, kita boleh gunakan di mana-mana asalkan ada talian telefon. Dia tidak macam telefon, mesti ubah nombor telefon itu, tetapi Internet kita boleh gunakan. Sebab itulah kerajaan menekankan bahawa membanyakkan talian telefon itu adalah mustahak dan inilah di antara dasar dan tindakan kerajaan buat sekarang untuk memenuhi hasrat dan kehendak ini supaya kita boleh gunakan Internet ini di bandar dan di luar bandar.

Saya juga yakin kalau di luar bandar, mungkin tidak semua orang akan menggunakan Internet tetapi mungkin dia menggunakan koperasi ataupun pertubuhan tertentu. Katalah seorang kumpulan nelayan, mungkin pejabatnya ada Internet yang boleh mendapat maklumat segera daripada mana sekalipun, katalah berkehendakkan barangan gantian motorbot yang rosak, barang gantiannya tidak ada, dia boleh gunakan Internet daripada pejabatnya dan dia tahu mana-mana syarikat yang menjual barang-barang ganti. Tidak perlu setiap orang perseorangan yang ada Internet? Jadi, maknanya kita boleh gunakan keseluruhan faedah itu sama ada cara perseorangan atau berkumpulan. Ini adalah merupakan dasar kerajaan yang kita hendak buat

sekarang. Setakat ini saya tidak tahu sama ada kerajaan hendak membuat satu grid khas, tetapi hakikatnya kerana dengan itu kita percaya, kita boleh memberi faedah kepada seluruh rakyat.

### ORANG ASLI - PERANAN DEWAN NEGARA

2. **Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) apakah beliau berpuas hati kepentingan Orang Asli dapat disuarakan dengan baik di dalam Dewan Negara; dan
- (b) apakah Jabatan Perkhidmatan Awam bercadang untuk memberi keutamaan kepada calon-calon daripada golongan Orang Asli yang berkelayakan bagi mengisi jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan memang mendapati kepentingan Orang Asli dapat disuarakan dengan baik di Dewan Negara. Seperti yang diketahui, Dewan Negara mempunyai seorang Senator yang dilantik oleh kerajaan untuk menyuarakan kepentingan kumpulan minoriti Orang Asli di Parlimen Malaysia. Buat masa ini Senator yang dilantik dari masyarakat Orang Asli ialah Yang Berhormat Senator Long bin Jidin. Pihak kerajaan mendapati kepentingan dan masalah Orang Asli sentiasa dibangkitkan di Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara.
- (b) Pengisian sesuatu jawatan di dalam perkhidmatan awam adalah bergantung kepada calon-calon berkenaan membuat permohonan dan memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan mengikut skim perkhidmatan jawatan yang berkaitan. Selain itu, mereka juga perlu melalui proses temuduga yang mana kesesuaian calon-calon berkenaan ditentukan untuk mengisi sesuatu jawatan tersebut. Pada masa ini, Jabatan Perkhidmatan Awam tidak ada cadangan untuk memberi keutamaan kepada calon-calon daripada mana-mana kalangan termasuk daripada kalangan Orang Asli yang berkelayakan bagi mengisi jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam atau ditentukan lebih awal keutamaan jawatan tersebut diisi oleh calon-calon daripada golongan tertentu. Semua kaum

adalah diberikan pertimbangan yang sewajarnya dan seadil-adilnya berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang disebutkan.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai soalan tambahan, saya ingin mengetahui apakah benar Orang Asli tidak diiktirafkan sebagai bumiputera?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jawapannya mudah, iaitu tidak benar.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu walaupun kerajaan tidak menentukan keutamaan ataupun keistimewaan yang diberikan kepada Orang-orang Asli. Setakat hari ini di dalam perangkaan yang ada pada kerajaan, berapa ramai anak-anak Orang Asli yang terpelajar, yang lulusan daripada universiti ataupun kolej seperti ITM dan sebagainya, yang telah menjawat jawatan di dalam kerajaan di pelbagai jawatan.

Keduanya, saya ingin tahu apakah panduan ataupun pedoman yang boleh diberi atau dimainkan oleh jabatan-jabatan berkenaan untuk memberikan panduan dan juga galakan kepada lulusan institusi pengajian tinggi kepada anak-anak Orang Asli untuk mendapat pekerjaan sama ada sementara ataupun tetap setakat hari ini yang telah diberi dan diaturkan oleh kerajaan.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan yang pertama, saya tidak ada perangkaan yang terperinci dan saya memerlukan notis, saya akan hantarkan kepada Yang Berhormat.

Menjawab soalan yang kedua, saya telah menyatakan awal-awal tadi bahawasanya kerajaan tidak bercadang untuk menentukan kuota Orang Asli atau mana-mana kalangan. Saya percaya mana-mana juga Orang Asli yang telah menamatkan pendidikannya sampai ke tahap universiti, dia adalah sama layak untuk memasuki mana-mana jawatan di dalam perkhidmatan jabatan kerajaan asalkan dia membuat permohonan dan dia juga memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Sekiranya itu berlaku, maka tidak ada halangan bagi mana-mana golongan masyarakat kita, sama ada Orang Asli atau sebaliknya untuk mendapat jawatan di dalam jabatan kerajaan.

### PELANCONG ASING - SEBAB BILANGAN MEROSOT

3. **Dr. L. Krishnan [Telok Kemang]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan memandangkan pelancong-pelancong asing mengunjungi ke negara ini telah merosot pada tahun 1996 berbanding dengan tahun 1995:

- (a) adakah kementerian mengenal pasti sebab-sebabnya dan cara-cara untuk mengatasinya. Apakah program kementerian untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara kita yang indah ini; dan
- (b) sejauh manakah keadaan jerebu yang melanda negara kita pada masa kini telah menjejaskan kunjungan pelancong-pelancong asing ke negara kita.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Walaupun jumlah kedatangan pelancong bagi tahun 1996 iaitu seramai 7.1 juta orang, iaitu berkurangan berbanding tahun 1995 seramai 7.5 juta orang, tetapi jumlah pendapatan telah bertambah iaitu daripada RM9.9 bilion kepada RM11.2 bilion. Ini adalah kerana kita telah memberikan penekanan kepada pelancong berkualiti yang mempunyai kuasa berbelanja lebih tinggi dan tinggal lebih lama di Malaysia.

Untuk menarik lebih ramai pelancong berkualiti ke negara ini di masa-masa akan datang, kerajaan telah mengambil langkah-langkah secara berterusan, iaitu:-

- mengadakan promosi dan kempen-kempen pemasaran, antaranya ialah kempen Tahun Sukan dan Rekreasi Tahun 1998;
- mengadakan kalendar acara tahunan yang melibatkan penyertaan pelancong dalam dan luar negara;
- menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan produk-produk pelancongan yang dapat memenuhi cita rasa pelancong; dan
- mempromosikan pelancongan negara melalui destinasi-destinasi pelancongan yang mempunyai kekuatan untuk menarik pelancong. Sebanyak 12 destinasi telah dipilih,

antaranya ialah Gunung Kinabalu, Taman Negara, Langkawi, Melaka dan Kuala Lumpur sendiri.

- (b) Keadaan jerebu yang melanda negara ini masih belum dapat dipastikan kesannya lagi ke atas kunjungan pelancong, kerana kerajaan belum lagi mendapat angka-angka ketibaan yang kemas kini. Walaupun demikian, berdasarkan kepada maklumat rambang, terdapat pembatalan dan penjadualan semula penerbangan yang mengakibatkan kesan negatif ke atas kedatangan pelancong. Kemerosotan kadar penginapan hotel dan perniagaan syarikat pelancongan yang menunjukkan adanya kesan kepada kedatangan pelancong akibat jerebu tersebut.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah bagaimanakah kementerian, dengan izin, reconcile di antara dua faktor ini, iaitu faktor kejatuhan nilai Ringgit kita yang merupakan faktor tarikan dan faktor tolakan iaitu jerebu, supaya industri pelancongan dapat dipertahankan ataupun terus dapat dimajukan.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, kita menganggap dengan kejatuhan nilai Ringgit berbanding dengan Dolar Amerika menjadi satu tarikan kepada kita membawa pelancong-pelancong luar negara datang ke sini, kerana dengan harga Ringgit yang sama, mereka membayar wang mereka lebih murah. Walau bagaimanapun, ini perlu diseimbangkan dengan kegiatan promosi. Kalau tidak diterangkan kepada mereka, maka keuntungan yang ada pada kita itu sia-sia sahaja.

Berkenaan dengan jerebu, saya rasa Yang Berhormat pun maklum bahawa perkara ini adalah kerana kegiatan yang pada dasarnya di luar kemampuan Kementerian Pelancongan sendiri.

**Dr. L. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan adanya Sukan Komanwel pada tahun depan, apakah kementerian menyediakan beberapa package tour dalam negeri khas untuk pelancong-pelancong asing yang mengunjungi negara ini sebelum dan selepas Sukan Komanwel yang akan datang itu?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak mengadakan pakej-pakej. Yang mengadakan pakej-pakej ini ialah pihak swasta. Kita menekankan tentang kebaikan ataupun keelokan satu-satu tempat dan kita menggalakkan pihak-pihak swasta, terutama sekali agensi-agensi

pelancongan membuat pakej-pakej yang menarik dan kita membantu mereka untuk membuat promosi, sama ada di dalam ataupun di luar negara. Tetapi yang berniaga, yang mencari pelanggan bukan kerajaan, tetapi pihak swasta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Dr. Sanusi bin Daeng Mariok.

*[Soalan No. 4 - Y.B. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok [Rantau Panjang] tidak hadir]*

#### JEREBU - HASIL NELAYAN DAN PETANI TERJEJAS

**5. Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) adakah masalah jerebu yang melanda negara ini telah menjejaskan hasil tangkapan ikan oleh para nelayan, hasil pertanian dan kualiti hasil pertanian; dan
- (b) berapakah jumlah kerugian yang dialami oleh para nelayan dan petani dan apakah kerajaan bercadang untuk memberikan bantuan kepada mereka yang terlibat.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada umumnya masalah jerebu tidak banyak memberi kesan terhadap hasil tangkapan nelayan. Berdasarkan jumlah hasil tangkapan nelayan yang didaratkan di kompleks-kompleks perikanan LKIM, ianya tidak menunjukkan perbezaan yang nyata berbanding dengan masa sebelum jerebu melanda. Bagaimanapun, masalah jerebu ini agak menyulitkan para nelayan, khususnya nelayan-nelayan pantai kerana masalah jarak penglihatan serta keberkesanan mengesan kumpulan-kumpulan ikan. Masalah jerebu ini juga tidak banyak memberi kesan terhadap pengeluaran dan kualiti hasil pertanian dalam jangka masa pendek, iaitu dalam tempoh kurang daripada enam minggu. Bagaimanapun, pihak MARDI sedang membuat penelitian terperinci ke atas kesan-kesan jerebu secara kuantifikasi. Berdasarkan penelitian MARDI pada 15 September 1997 hingga 30 September 1997, tahap radiasi matahari menurun sebanyak 70% daripada tahap optimum. Ini menyebabkan pengurangan proses fotosintesis dan pembentukan biomas.

Sekiranya keadaan ini berterusan sehingga dua atau tiga bulan, ianya akan memberi kesan terhadap tahap pengeluaran dan kualiti hasil pertanian terutama jangka pendek yang memerlukan sinaran matahari yang tinggi.

- (b) Memandangkan kesan jerebu ke atas hasil tangkapan para nelayan dan hasil-hasil pertanian tidak begitu ketara. Soal memberi bantuan kepada mereka yang terlibat tidak timbul pada masa ini. Walau bagaimanapun, sekiranya masalah jerebu ini berterusan, kajian menyeluruh akan dibuat. Sama ada kerajaan akan memberi bantuan kepada mereka yang terlibat, adalah bergantung kepada hasil laporan tersebut.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah berlaku apa-apa kemalangan dan kehilangan nelayan dalam masa bencana jerebu. Dan apakah langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh kerajaan bagi mengelak daripada kemalangan dan kehilangan di masa bencana tersebut?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Memang kemalangan-kemalangan kecil ada berlaku terutama sekali dalam saat-saat jerebu yang agak begitu teruk. Namun demikian, Jabatan Perikanan telah mengarahkan kepada bot-bot, terutama laut dalam, dapat membawa kompas untuk menentukan hala tuju dan juga dapat memasang lampu signal pada masa-masa yang difikirkan perlu. Namun demikian, setengah-setengah nelayan mengatakan dengan jerebulah mereka dapat lebih banyak lagi ikan kerana mereka boleh pasang lampu waktu siang hari juga untuk menarik tangkapan mereka. Jadi, sehingga ini sejauh mana kenyataan itu benar, saya tidak dapat nyatakan tetapi kalau dibanding dengan pendaratan ikan itu memang meningkat dari bulan ke bulan, sampai bulan Ogos sekalipun. Misalnya bulan Julai, kita telah dapat mendaratkan 9,574 tan kepada 11,669 tan. Ini agaknya ada kesan baik akibat jerebu.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri mengenai soalan penangkapan ikan juga. Kawasan saya merangkumi sepanjang tidak kurang daripada 600 kilometer tepian sungai dan sebahagian lebih kurang 70% nelayan. Rata-rata orang daripada kawasan saya mengatakan mereka tidak boleh keluar menangkap ikan semenjak

hujung bulan 8, bulan 9 dan bulan 10 ini dan sekarang pun masih masalah hendak keluar. Sebab-sebabnya ialah bukan kerana ikan tidak keluar, seperti mana Yang Berhormat dari Marang cakap, mungkin ikan itu banyak keluar tetapi masalahnya nelayan pun tidak boleh keluar kerana tidak boleh lihat sungai hendak balik daripada laut.

Soalannya, adakah kementerian bercadang hendak buat satu penyelidikan khusus untuk nelayan-nelayan tepi pantai, maknanya orang bumiputera yang terkena, yang tidak boleh keluar menangkap ikan di masa mana ikan itu banyak keluar, kerana selepas ini pula orang Sarawak kata 'musim landas', tidak boleh menangkap ikan hingga bulan 3 kerana laut bergelora. Maknanya, daripada bulan 8 hingga ke bulan 3 tahun akan datang tidak boleh menangkap ikan, maknanya kedudukan kehidupan mereka akan terjejas. Macam mana pandangan Dato' Timbalan Menteri?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Ini agaknya laporan pertama yang kita terima bahawa kita tidak memikirkan ada kejadian-kejadian yang agak menyebabkan ramai daripada nelayan kita yang tidak dapat ke laut. Oleh kerana Yang Berhormat mendapati dalam kawasan Yang Berhormat bahawa perkara ini telah berlaku, maka kementerian saya akan mengarahkan Jabatan Perikanan di Sarawak untuk membuat kajian sejauh mana kesan akibat daripada jerebu, khususnya kepada nelayan-nelayan pantai. Kita juga bersimpati di atas apa yang berlaku dan kita sama-sama doakanlah semoga jerebu akan dapat dikurangkan dan nelayan-nelayan akan dapat balik ke laut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Henrynus Amin.

*[Soalan No. 6 - Y.B. Tuan Henrynus Amin [Kinabalu] tidak hadir]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Che Ibrahim bin Mustafa.

*[Soalan No. 7 - Y.B. Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani] tidak hadir]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ke-8. Saya mesti datang.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, datang pun datang lambat. *[Ketawa]*

## SYARIKAT BROKER SAHAM DAN BROKER NIAGA HADAPAN - JUMLAH PINJAMAN

**8. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Kewangan menyatakan keberkesanan pengawalseliaan Suruhanjaya Sekuriti ke atas Bursa Saham Kuala Lumpur, 60 buah syarikat broker saham dan 37 syarikat broker niaga hadapan. Apakah jumlah pinjaman yang telah diberikan kepada syarikat-syarikat broker saham dan broker niaga hadapan. Berapa syarikat dan individu yang dijangkakan menghadapi kebangkrapan ekoran pergolakan ekonomi.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Sekuriti sebagai satu badan kawal selia berkanun di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti mempunyai tanggungjawab utama bagi pelaksanaan sistem pengawasan yang adil dan berkesan bagi memastikan bahawa peruntukan undang-undang sekuriti dipatuhi; menyelia dan mengawasi kegiatan semua bursa saham dan niaga hadapan rumah penjelasan dan depositori pusat; mempromosi dan menggalakkan kelakuan yang sesuai di kalangan ahli bursa dan juga menyekat amalan menyalahi undang-undang. Dalam menjalankan tanggungjawabnya menyelia dan mengawasi kegiatan bursa-bursa, Suruhanjaya Sekuriti akan memastikan bahawa:

- (i) bursa-bursa mempunyai kakitangan yang berkebolehan dan berpengalaman;
- (ii) mempunyai peraturan-peraturan tertentu termasuklah pengawalan kelakuan syarikat ahli serta kuasa untuk menyiasat dan menguatkuasa pematuhan terhadap peraturan; dan
- (iii) mempunyai prosedur dan sistem yang mencukupi bagi menjalankan tanggungjawabnya sebagai pengawalseliaan.

Suruhanjaya Sekuriti bergiat dalam pendidikan melalui Pusat Perkembangan Industri Sekuriti (SIDC) untuk menggalakkan pendidikan dan penyelidikan dalam pembangunan pasaran modal di Malaysia.

Setakat 3 Oktober 1997, jumlah kemudahan pinjaman bank yang diluluskan oleh pelbagai institusi kewangan kepada syarikat-syarikat broker saham ialah sebanyak RM24.018 juta dan tidak terdapat syarikat-syarikat broker saham yang mengalami atau dijangkakan menghadapi kebangkrapan ekoran pergolakan ekonomi negara pada masa ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan daripada Yang Berhormat

Timbalan Menteri tadi memang ketinggalan dan tidak cukup untuk menyahut kejatuhan nilai Bursa Saham Kuala Lumpur yang dianggarkan sebanyak 40% dan yang hilang nilainya beratus bilion ringgit. Adakah Yang Berhormat sedar setakat itu kita adakan peraturan sahaja - prosedur. Memang betul kita mesti ada prosedur-prosedur dan peraturan-peraturan tertentu untuk menjaga bursa saham kita dan juga untuk latihan yang betul, itu semua kita terima.

Tetapi walau bagaimanapun, dengan kejatuhan nilai yang begitu banyak, beratus bilion ringgit, adakah Yang Berhormat hendak mengkaji semula keberkesanan Suruhanjaya Sekuriti ini untuk mengawal selia semua dan termasuklah aktiviti-aktiviti papan yang kedua, misalnya. Saya nampak kadangkala di papan kedua itu harga saham naik turun, melambung dengan begitu mendadak, tidak mengikut fundamental langsung. Apakah tindakan yang selanjutnya untuk memastikan pasaran saham ini, broker-broker dan juga rumah penjelasan depositori pusat dan sebagainya berfungsi dengan baik mengikut peraturan yang tertentu, kerana kita nampak.....

**Beberapa Ahli:** Soalan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, soalan itu sudah cukup. Tidak payah Yang Berhormat hendak lanjutkan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini mukadimah sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, itu cukup jelas.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha, cukup jelas?

**Seorang Ahli:** Merapu!

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, dia kata jawapan saya tidak cukup. Sebenarnya saya hendak tanya dia, apakah kena-mengena dengan pengawalseliaan Suruhanjaya Sekuriti dengan kejatuhan saham?

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya tidak suruh bangun, duduk. [Ketawa] Masalahnya, seorang sosialis hendak bercakap mengenai dengan prinsip kapitalis, ini masalah mencelaru ini. [Tepuk] Jadi, kalau Yang Berhormat hendak maksudkan.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Seorang Ahli:** Duduk, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Kepong, sabar.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tidak boleh berdialog semasa soal-jawab. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat bermaksudkan mengenai dengan jualan singkat yang berlaku, penjualan singkat ini dibenarkan di dalam pindaan Akta Suruhanjaya Sekuriti pada tahun lepas untuk menyemarak atau menambahkan rentak pasaran lagi. Persoalannya di sini.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Menyampuk]

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Standing Order, mana boleh berdialog?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Kepong, tak boleh.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Dia boleh bercakap dalam perbahasan nanti. Saya akan jawab dalam perbahasan. Tetapi persoalannya, apabila kerajaan membenarkan short-selling di dalam pindaan undang-undang pada tahun lepas, tujuannya ialah untuk menambahkan rentak pasaran untuk mencapai market depth ataupun kedalaman pasaran itu. Tetapi kalau itu disalahgunakan, pihak Security Commission dengan serta-merta mengambil tindakan. Walaupun ada dalam peruntukan undang-undang untuk 50 regulated counters, tetapi sekarang telah tidak dibenar melalui arahan Security Commission. Sekarang tidak ada lagi short-selling selagi arahan itu tidak diangkat balik.

Jadi, dari masa ke semasa on cost correction dilakukan dan kita mengurus pasaran mengikut keadaan, bukan kita hanya menginstitusikan satu-satu undang-undang supaya ianya menjadi rigid dan itu tidak akan membolehkan pasaran saham kita berkembang sebagai satu pasaran saham bertaraf dunia. Yang Berhormat tidak tahu tentang prinsip kapitalis.

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Beberapa peraturan ketat telah dikenakan kepada industri sekuriti, ini menyebabkan ianya menghimpit pergerakan industri sekuriti di negara ini. Dan di sebelah pihak pula industri sekuriti di negara ini mahu diliberalisasikan. Ianya merupakan satu tindakan yang bertentangan. Apakah ini tidak akan menghimpit dan menyebabkan industri sekuriti di negara kita ini terbuka kepada serangan daripada luar?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam menguruskan sesuatu organisasi ataupun sesuatu aktiviti seperti pasaran

saham, kita perlulah mengikut masa. Di dalam keadaan masa normal di mana pasaran saham kita tidak diugut dari luar oleh kuasa-kuasa yang kita sendiri tidak dapat mengawalinya, maka perlu diadakan sedikit sebanyak langkah-langkah mengawal. Apabila kita mengambil tindakan meliberalisasikan pasaran dahulu, keadaan pasaran saham (capital market) dunia adalah dalam keadaan yang normal, tidak ada badai, tidak ada ribut, tidak ada taufan.

Jadi, di dalam keadaan yang baru berlaku sebulan dua dahulu, maka perlu diambil tindakan-tindakan dan adalah arif diambil tindakan-tindakan seperti memastikan kecairan yang tidak berlebihan dan lain-lain lagi. Jadi, ini boleh disamakan dalam keadaan cuaca tenang, kita liberalise. Anak-anak kita main di merata tempat, tetapi apabila taufan datang, kita kenakanlah sedikit disiplin tentang permainan, kita kuatkan rumah kita, jadi inilah analogynya. Tidak semesti sesuatu tindakan yang diambil pada satu-satu masa itu seharusnya dijadikan tindakan yang berterusan atau permanent, ini mengikut keadaan tertentu.

#### **TANAMAN SEMULA GETAH - GALAKAN KEPADA PEKEBUN KECIL**

**9. Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah dasar kerajaan berkaitan dengan penanaman semula getah, dan adakah pekebun-pekebun kecil diberi galakan membuat penanaman semula.

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Annuar bin Haji Musa]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana mengemukakan soalan ini yang saya percaya ada banyak kekeliruan sedang berlaku sekarang berhubung dengan dasar-dasar penanaman semula.

Jadi, sukalah saya membuat penjelasan di sini bahawa pertamanya, sememangnya kerajaan terus menggalakkan pekebun-pekebun kecil melaksanakan tanaman semula getah mereka. Yang kedua, bantuan bagi tanaman semula getah ini diteruskan pada kadar yang selama ini dijalankan. Sebagai contoh, untuk tiap-tiap satu hektar baru yang ditanam dengan getah, kadarnya ialah kira-kira RM6,178 sehektar bagi keluasan yang kurang daripada 4.05 hektar, tetapi bagi kawasan yang lebih daripada itu, kadarnya ialah RM4,201 sehektar.

Selain daripada itu, adalah juga menjadi dasar kerajaan untuk memberikan program tanaman semula ini bagi mana-mana permohonan yang dibuat

secara kelompok dan pada skel komersial. Selain daripada itu juga, dasar yang diamalkan oleh kerajaan ialah:

- menggalakkan usaha-usaha peningkatan hasil dalam penanaman semula melalui program seperti penanaman Ala Mini Estet atau Estet Kecil Ala RISDA, ringkasnya EKAR;
- penggalakan penanaman semula dengan menggunakan klon-klon terbaru termasuklah penanaman semula yang menggunakan timber latex clone;
- penanaman semula yang membolehkan penggunaan teknik torehan baru termasuk low frequency tapping system, dengan izin; dan
- penanaman yang menggunakan kaedah hedge planting di mana selain daripada getah, tanaman-tanaman lain juga ditanam secara berpagar dan sebagainya.

Suka saya hendak menjelaskan bahawa mulai tahun hadapan, 1998, 1999 dan 2000, kita berharap dapat menanam semula pada kadar 35,000 hektar pada tiap-tiap tahun dan ini akan melengkapkan sasaran 155,000 hektar bagi sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh. Semuanya ini akan memerlukan perbelanjaan sebanyak RM1.127 bilion dan berdasarkan kepada peruntukan yang sedia ada, kita menjangkakan kekurangan peruntukan sebanyak RM67 juta.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya mendapat penjelasan tentang berapa banyak keluasan yang ditanam dengan klon ini, dengan izin, timber latex dan bilakah permulaannya ditanam. Dan bilakah agaknya kita akan mula mendapat hasil, dengan izin, timbernya, dan berapa banyak pulangan yang mungkin kita dapati daripada hasil timber ini?

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, ini perlu jawapan yang panjang. Saya fikir kalau Yang Berhormat berminat, saya boleh beri perinciannya. Cuma secara ringkas, saya boleh terangkan bahawa penggalakan untuk menanam secara timber latex clone ini baru dibuat dalam masa dua, tiga tahun kerana ini adalah satu klon yang baru ditemui dan mula digalakkan. Kita berharap semua getah baru ditanam ini, torehannya setelah 4 tahun 6 bulan, tetapi kayunya diperolehi setelah tanaman semula dibuat, iaitu biasanya selepas 25 tahun. Jumlah keluasan yang telah ditanam dengan timber latex clone ini belum dapat

kita perolehi, sebab ini baru mula diterima oleh pekebun-pekebun kecil.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ekoran daripada penjelasan Yang Berhormat Dato' Menteri, saya ingin tahu apakah sebenarnya konsep baru pengestetan pekebun-pekebun kecil getah dan apakah bentuk bantuan yang diberikan kepada mereka yang berminat?

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan konsep baru, cuma kita tidak lagi menggalakkan pekebun kecil menanam semula tanah-tanah yang terpencil, satu ekar di sana, satu ekar di sini. Kita menggalakkan semuanya dicantumkan supaya setelah ditanam semula, pengurusannya menjadi lebih ekonomik dan produktiviti dapat dipertingkatkan. Di bawah apa yang kita amalkan, kita panggil ini sebagai sistem EKAR atau Estet Kecil Ala RISDA.

#### PROJEK MEGA - MENANGGUHKAN PELAKSANAAN

10. **Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada keputusan kerajaan menangguhkan pelaksanaan apa yang dikatakan projek-projek mega membantutkan pertumbuhan ekonomi negara dan secara langsung atau tidak langsung menjejaskan juga pencapaian matlamat Wawasan 2020.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Parit Buntar pada hari ini bersama-sama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang yang dijadualkan untuk dijawab pada 19 November 1997 memandangkan bahawa kedua-dua soalan ini menyentuh perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, penangguhan pelaksanaan beberapa projek besar dijangka tidak membantutkan pertumbuhan ekonomi negara, malah sebaliknya ia akan memastikan ekonomi negara dapat berkembang secara mapan dengan kedudukan makro ekonomi yang stabil. Ini adalah memandangkan penangguhan pelaksanaan projek-projek ini akan mengurangkan import barangan dan perkhidmatan dan, pada masa yang sama, membolehkan sumber negara dapat digunakan untuk sektor-sektor yang dapat menghasilkan eksport.

Penangguhan projek-projek ini adalah juga merupakan usaha kerajaan untuk memastikan pelaburan negara adalah sejajar dengan tabungan negara. Sekiranya kita dapat memastikan pelaburan tidak melebihi tabungan negara, kita tidak perlu bergantung kepada sumber asing terutamanya hutang untuk membiayai pertumbuhan ekonomi. Ini akan mengurangkan pendedahan negara kepada risiko berkaitan dengan perubahan kadar pertukaran asing dan kadar faedah yang boleh membebankan khidmat hutang luar negara.

Oleh itu, keputusan kerajaan untuk menangguhkan pelaksanaan beberapa projek besar adalah selaras dengan usaha untuk memastikan ekonomi negara dapat berkembang secara mapan demi mencapai matlamat Wawasan 2020.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan menangguhkan projek-projek besar tertentu seperti Projek Hidro Bakun yang melibatkan kontraktor-kontraktor luar negara, apakah implikasi dari segi undang-undang akibat penangguhan tersebut?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada perjanjian-perjanjian yang akan memberi implikasi undang-undang di dalam projek Bakun, malah perjanjian di antara EKARAN dengan ABB telah pun dibatalkan. Jadi, provision untuk pembatalan wujud di semua perjanjian (agreement) yang telah dimeteraikan.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji objektif Wawasan 2020, salah satu daripadanya ialah untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi pada kadar sekitar (average) 7% atau 8% sehingga tahun 2020. Memandangkan kepada kemerosotan nilai Ringgit sekarang dan decline di pasaran modal tempatan dan juga kemungkinan, dengan izin, general slow down in economy in the years to come, apakah kerajaan masih yakin bahawa segala sesuatu yang dirancangan untuk dicapai di bawah wawasan ini tidak akan terjejas?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kemerosotan nilai Ringgit hanya merupakan satu sahaja faktor yang saya kata tadi ada positif dan ada negatifnya. Tetapi jikalau kita memegang ataupun memastikan bahawa strategi-strategi yang diambil untuk memastikan bahawa pertumbuhan kita melebihi purata 7% sehingga tahun 2020, seperti menyemarakkan lagi eksport, seperti mengalihkan segala sumber kita kepada pengeluaran barang-barang yang boleh diniagakan ataupun tradible, iaitu kita kurangkan pengaliran

sumber daripada barang-barang yang tidak tradible kepada barang-barang yang tradible, dengan izin, maka kemungkinan besar kita dapat mengatasinya kerana pertumbuhan (growth) ekonomi ataupun pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar bukan bergantung kepada nilai Ringgit sahaja malah ianya bergantung kepada keseluruhan atau kalau kita hendak lihat dari segi mata wang, ianya bergantung kepada banyaknya wang di dalam putaran dan berapa lajunya wang itu di dalam putaran. Ia tidak mengambil kira sebagai utama berapa nilai Ringgit kita dibandingkan dengan Dolar Amerika, tetapi banyak mana dan berapa lajunya. Jadi, growth equals to money in circulation, times the velocity of money, dengan izin. Jadi, jangan bimbang tentang kejatuhan nilai Ringgit.

#### BUKU BAHASA IBAN - BILANGAN DITERBITKAN

11. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan buku bahasa Iban yang telah diterbitkan untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban di Sarawak. Adakah jumlah dan jenis yang telah diterbitkan cukup untuk menampung keperluan murid-murid yang sedang mempelajari bahasa Iban. Jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan buku teks bahasa Iban yang dipesan untuk kegunaan di sekolah-sekolah menengah di Sarawak pada tahun 1998 ialah 1,542 buah. Jumlah ini mencukupi untuk menampung keperluan semua pelajar.

**Tuan Jimmy Donald:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kementerian menyediakan jawatankuasa tetap untuk penulisan buku teks bahasa Iban supaya jawatankuasa ini dapat bekerja secara berterusan. Jika tidak, mengapa, oleh kerana saya rasa murid yang mempelajari bahasa Iban bilangannya adalah 60,000 tetapi yang kita dengar tadi hanya 1,500 sahaja yang dibekalkan.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang itulah cara Kementerian Pendidikan untuk setiap buku teks yang digunakan kita ada satu jawatankuasa yang mengkaji tentang kandungan, mutu dan sebagainya dan selepas kajian dan kelulusan, barulah buku teks itu dapat dicetak.

Tentang pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa buku-buku ini adalah tidak seimbang dengan jumlah pelajar, perlu diterangkan bahawa

bahasa Iban ini merupakan POL mengikut permintaan atau permohonan pelajar-pelajar yang ingin mengikuti kelas-kelas tersebut. Pada kajian atau feedback Kementerian Pendidikan, buku yang kita sediakan adalah mencukupi segala permintaan.

#### SEKOLAH BESTARI DI SABAH - BILANGAN

12. **Tuan Radin Malleh [Tenom]** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa buahkah sekolah bestari diwujudkan di dalam negeri Sabah dan apakah perbezaannya dengan sekolah berasrama penuh ataupun sekolah harian.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah menetapkan 7 buah sekolah bestari di negeri Sabah bagi peringkat projek rintis, iaitu 3 buah sekolah berasrama penuh dan 4 buah sekolah menengah harian. Tidak ada perbezaan di antara sekolah-sekolah berasrama penuh dan sekolah harian yang dipilih sebagai sekolah bestari kerana pelaksanaan dan pendekatan pengajaran pembelajaran adalah sama.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan pihak kementerian telah memperkenalkan sekolah bestari dan tidak kesemua sekolah ini bernasib baik ditarafkan sebagai sekolah bestari, persoalan saya, apakah kesannya terhadap murid-murid yang belajar di sekolah biasa nanti? Adakah perbezaannya di dalam peringkat pembelajaran dan juga tahap pembelajaran?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat permulaan, cadangan Kementerian Pendidikan ialah melaksanakan projek bestari sebagai projek rintis di 90 buah sekolah di seluruh negara. Sungguhpun Kementerian Pendidikan bercadang melaksanakan konsep itu sepenuhnya di 90 buah sekolah, tetapi Kementerian Pendidikan juga sudah siapkan blueprint supaya ianya boleh diikuti oleh sekolah-sekolah yang lain. Di sini pandangan Kementerian Pendidikan ialah kita juga perlu sokongan dari ibu bapa, sokongan dari sekolah-sekolah yang mempunyai lembaga pengurus dan sebagainya supaya dengan sokongan mereka sendiri boleh mengikuti blueprint yang Kementerian Pendidikan sediakan bagi mempertingkatkan mutu atau proses pengajaran pembelajaran mengikuti sekolah bestari.

Saya rasa konsep berdikari dengan sokongan ibu bapa adalah lebih penting kerana segala usaha kita untuk mempertingkatkan mutu pendidikan kita tidak akan berjaya tanpa sokongan atau semangat bestari dari pihak ibu bapa.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut senarai nama-nama sekolah yang telah diberi status ataupun akan dioperasikan sebagai sekolah bestari dan tempat-tempat mereka serta apakah kriteria yang telah digunakan untuk memilih sekolah-sekolah ini?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan ada kriteria-kriteria tertentu dan pada masa sekarang kita sudah tentukan jumlah sekolah yang kita akan pilih, tetapi sekolah-sekolah yang tertentu yang kita sudah pilih, mungkin pada akhirnya akan berubah kerana tidak ada cukup guru-guru yang mempunyai kemahiran, dedikasi dan sebagainya. Namun demikian, selepas senarai sekolah-sekolah itu sudah ditetapkan, saya akan menjawab soalan ini secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

#### RUMAH KEDAI MARA DI SABAH - PEMBINAAN

**13. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan bilakah masanya pihak MARA bercadang untuk membina rumah-rumah kedai di bandar-bandar utama negeri Sabah seperti Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Kudat sama ada untuk dibeli atau disewa oleh kaum bumiputera, kerana harga pasaran ruang niaga yang ditawarkan oleh agensi kerajaan iaitu SEDCO di Kota Kinabalu terlalu tinggi iaitu RM600 satu kaki persegi dan sampai bila pun tidak termampu dibeli oleh kaum bumiputera.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, pihak MARA memang bercadang untuk membina lebih banyak rumah kedai bukan sahaja di bandar-bandar utama di Sabah tetapi juga di negeri-negeri lain di seluruh negara. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh misalnya, MARA akan membina 3 buah lagi bangunan perniagaan di Sabah iaitu di bandar-bandar Sipitang, Semporna dan Inanam dengan kos terlibat dianggarkan berjumlah RM11.5 juta. Apabila siap premis-premis perniagaan ini, dijangka akan menyediakan kemudahan kepada 84 orang usahawan. Malah sejak tahun 1982 lagi pihak MARA Sabah telah pun menyediakan satu bangunan arked serta 2 buah bangunan kompleks perniagaan di pekan Kudat, Tawau dan Sandakan yang melibatkan kos pembinaan keseluruhannya berjumlah RM3,721,270. Pembinaan tiga bangunan perniagaan ini telah dapat menyediakan 92 ruang niaga untuk usahawan bumiputera Sabah yang

secara langsung telah memberi mereka peluang untuk turut sama menyertai kegiatan ekonomi di bandar-bandar tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak MARA juga sedang membuat kajian untuk menambah tiga buah lagi bangunan perniagaannya di bandar-bandar Lahat Datu, Labuan dan Keningau di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Anggaran kos terlibat adalah sebanyak RM8.5 juta.

Mengenai kadar tinggi yang dikenakan oleh SEDCO seperti Yang Berhormat nyatakan, kementerian difahamkan ianya merujuk kepada ruang niaga yang terdapat di bangunan Wisma SEDCO yang tahap pembinaannya kini hampir siap. Namun begitu, sebanyak 29 lot daripada jumlah 35 lot komersial yang terdapat di wisma tersebut telah pun dijual kepada bumiputera dengan kadar RM630 satu kaki persegi dan ini bermakna 83% daripada ruang niaganya kini dimiliki oleh bumiputera. Malah sehingga ini masih ada pertanyaan dari peniaga bumiputera untuk memilikinya. Pihak SEDCO yakin kadar yang ditawarkan tersebut adalah berpatutan dengan harga pasaran sektor hartanah pada masa ini.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada membina premis-premis perniagaan dan menyewakan kepada bumiputera, apakah tidak boleh pihak MARA memainkan peranan lebih aktif lagi dengan membeli premis-premis perniagaan di kawasan-kawasan bandar, bukan sahaja di Pantai Timur Malaysia tetapi di bandar-bandar besar lain, membeli bagi pihak bumiputera dan kemudiannya menyewakan kepada bumiputera bagi mengatasi masalah kekurangan premis perniagaan, terutamanya peniaga-peniaga kecil bumiputera di kawasan-kawasan bandar sekarang ini.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Machang. Memang sebenarnya satu daripada langkah MARA untuk mempercepatkan lagi proses ini ialah dengan cara membeli, bukan hanya setakat membina kerana proses membina ini memakan masa yang lama untuk mengambil tanah, membeli tanah dan seterusnya proses menender. Untuk memendekkan masa itu, MARA telah mengambil sikap untuk membeli setengah-setengah daripada premis untuk mempercepatkan lagi masa bagi mendapatkan premis-premis baru dan pembelian ini juga tertakluk kepada peruntukan yang telah diberi kepada MARA.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada

jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa tugas MARA membuat bangunan di seluruh negara kita, bukan setakat Sabah sahaja. Jadi, saya ingin tahu adakah kajian dibuat berhubung dengan kedai-kedai atau gerai-gerai MARA yang ada pada hari ini tidak ada kawal selia atau penyeliaan (maintenance) yang mana keadaannya begitu daif sekali. Jadi, saya ingin tahu adakah kajian dibuat berhubung dengan keadaan bangunan yang ada dan juga adakah tempat-tempat yang disediakan itu bersesuaian yang mana akan dapat membantu golongan peniaga-peniaga kecil untuk menarik lebih ramai pelanggannya. Kalau kita lihat hari ini kebanyakan tempat bangunan-bangunan MARA ini sudah usang [*Ketawa*], kemudian tidak ada kawal selia seperti saya katakan tadi, dan pelanggan lari, tidak mahu datang ke tempat itu.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Sungai Benut tadi. Memang pihak kementerian sedar di atas masalah-masalah yang dihadapi oleh bazar dan arked MARA dan masalah kawal selianya. Sebab itulah kebelakangan ini Ketua Pengarah MARA telah memberi kebenaran kepada semua Pengarah MARA Negeri untuk mengawal selia dan melantik perunding untuk memperbaiki bangunan-bangunan dan arked-arked MARA sampai ke had RM50,000 yang sebelum ini belum diberi kuasa kepada mereka dan ini boleh mempercepatkan pengawalseliaan bangunan-bangunan tersebut. Mengenai masalah kesesuaian tempat, ini juga dikaji dari masa ke semasa supaya ia dapat menyahut keperluan-keperluan semasa dan keperluan-keperluan tempatan.

#### IMPORT MAKANAN HARIAN TERNAKAN - JUMLAH

14. **Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah [Pasir Puteh]** minta Menteri Pertanian menyatakan harga jumlah import makanan harian ternakan pada tahun 1996 dan sehingga kini untuk kegunaan negara ini dan apakah tindakan kementerian supaya Malaysia dapat menghentikan import makanan haiwan dan mengeluarkan bahan-bahan ini sendiri.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada tahun 1996 Malaysia dianggarkan telah mengimport RM1.79 bilion bahan makanan ternakan atau purata RM4.904 juta sehari. Bahan makan ternakan yang paling banyak diimport ialah jagung dengan nilai RM998

juta dan disusuli oleh kacang soya RM433 juta.

- (b) Malaysia tidak dapat menghentikan pengimportan makanan haiwan kerana kos pengeluaran bagi jagung dan kacang soya adalah tinggi di Malaysia jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang mempunyai kawasan tanah yang luas. Kerajaan hanya dapat mengambil tindakan bagi mengurangkan import makanan haiwan dan ke arah ini tindakan-tindakan yang diambil di masa kini termasuk:
- (i) usaha penyelidikan dijalankan untuk mewujudkan jenis hybrid jagung bijian yang dapat mengeluarkan hasil yang tinggi. Kajian juga sedang dijalankan untuk menggunakan hampas kelapa sawit atau PKC sebagai bahan gantian kepada jagung khususnya dalam campuran makanan ayam;
  - (ii) syarikat-syarikat tempatan juga digalakkan melabur dalam pengeluaran jagung luar negara untuk membekalkan keperluan Malaysia;
  - (iii) penggunaan bahan-bahan hasil dari industri asas tani tempatan diamalkan termasuk hasil perkilangan tepung, ikan, kacang soya dan kelapa sawit.

**Dr. Yap Yit Thong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Timbalan Menteri adakah mencukupi bahan-bahan mentah di negara kita untuk mengeluarkan makanan haiwan, dan apakah insentif yang sedia ada untuk menggalakkan syarikat tempatan untuk mengeluarkan makanan haiwan?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Lumut. Sebagaimana yang saya jelaskan tadi, oleh kerana bahan-bahan tempatan tidak mencukupilah, maka kita telah mengimport jagung dan kacang soya sehinggakan kepada RM1.79 bilion. Namun demikian, kita cuba mengeluarkan bahan tempatan seperti keledak, ubi kayu dan lain-lain lagi, tetapi itu sekadar 10 persen boleh digunakan. Sedangkan 90 persen lagi tidak boleh lari daripada jagung yang mempunyai nilai zat yang begitu baik untuk pembesaran dan juga kacang soya.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi betapa perlunya kita mempertingkatkan bidang

sektor pertanian dan ternakan di dalam negara, izinkan saya bertanya apakah usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian melalui kerajaan-kerajaan negeri yang bertanggungjawab dari segi sektor tanah dan sebagainya di Malaysia untuk menggunakan dan memperbanyakkan ternakan lembu dan sebagainya, dan juga di sektor pertanian secara komersial yang lebih terurus dan tanah-tanah yang telah diklasifikasikan sebagai kawasan padang ragut, yang mana kita tahu sekarang ini banyak tanah yang diklasifikasikan padang ragut hanya terbiar sahaja, tidak diambil apa-apa tindakan untuk mendatangkan manfaat dari segi ternakan ataupun sektor pertanian?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah. Usaha yang kerajaan lakukan untuk memperbanyakkan ternakan lembu pertamanya ialah memperkenalkan ternakan di ladang-ladang kelapa sawit, kerana sebahagian daripada pelepah dan daun sawit itu boleh diproses untuk makanan. Yang kedua, kita memperkenalkan sistem feed lock, di mana lembu-lembu jantan yang hendak digemukkan boleh dikandangkan dan diberi dengan secara feed lock. Kementerian Pertanian mengakui terdapatnya padang-padang ragut yang agak terbiar pada masa ini kerana setengah-setengahnya tidak mempunyai pengusaha-pengusaha untuk mengusahakannya. Jadi, sebab itu sebahagian padang-padang ragut ini akan diberi tawaran kepada pihak-pihak macam Pertubuhan Peladang ataupun JKK supaya mereka sama-sama mengusahakannya. Dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan boleh memberi kepakaran dan sedikit-sebanyak bantuan untuk menanam rumput dan lain-lain keperluan. Jadi, saya haraplah kalau kawasan Yang Berhormat ada tanah-tanah padang ragut terbiar, boleh kita bincangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Mulut telah pun suntuk.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.4, 6, 7, 15 hingga 38 dijilid dalam buku berasingan]*

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE  
DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN  
1998**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1998 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada hari Jumaat, 17 Oktober 1997.

**RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN  
(PINDAAN) 1997**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PEMBEKALAN  
AIR (PINDAAN) 1997**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi undang-undang berhubungan dengan pembekalan dan pembahagian air di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN  
TAMBAHAN (1997) (NO.2) 1997**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)  
(BIL.2) 1997**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) (No.2) 1997 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.2) 1997 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis" *[Hari Kedua]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

3.40 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM13,141,219,516 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pengurus Tambahan Ketiga 1997 bagi maksud-maksud Bekalan B.1, B.3, B.7, B.11, B.16, B.18, B.19, B.22, B.25, B.26, B.28 hingga B.32, B.34, B.36, B.37, B.39, B.42 hingga B.44, B.47, B.48 dan B.52 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM260,721,103 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Bil.2, tahun 1997 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.14, P.17, P.19, P.28, P.45, P.47 dan P.52 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17, tahun 1997 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan tambahan dalam Anggaran Mengurus tahun 1997 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1997 kelmarin. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16A, Tahun 1997 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1997 dan Kertas Perintah 17A, Tahun 1997 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1997.

Oleh itu, saya tidak berhajat untuk memberi apa-apa penerangan tambahan lagi. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Maksud B.1, B.3, B.7, dan B.11 [Jadual] -**

**Maksud P.7 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1997] -**

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum perbahasan dimulakan sukalah saya mengingatkan Ahli-ahli Yang

Berhormat sekalian bahawa oleh kerana hanya terdapat dua hari sahaja untuk perbahasan dalam peringkat Jawatankuasa, maka saya terpaksa menghadkan tempoh untuk setiap orang ahli berucap kepada 10 minit supaya dapat membolehkan ramai lagi Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan nanti.

Kepala Bekalan B.1, B.3, B.7, B.11, dan Kepala Pembangunan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas sekarang. Tanjong.

3.42 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya sebut Maksud B.1, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1997 mengenai Parlimen di mana ada peruntukan untuk tambahan RM2 juta. Dua-tiga hari dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada melancarkan satu kempen kesedaran IT nasional supaya Malaysia boleh berjaya untuk mencapai matlamat menjadi satu masyarakat maklumat. Sebagai Parlimen Dewan yang tertinggi kita patut memainkan satu peranan memimpin dalam bidang ini, tetapi nampaknya kita sangat mundur sebagai Dewan yang mulia ini.

Di bulan Mei tahun lalu, oleh kerana desakan pihak di sini bahawa Parlimen perlu ada satu homepage website, tiba-tiba kita dapat satu pengumuman bahawa Parlimen Malaysia ada website, saya pun sangat gembira bahawa kita boleh berkembang begitu maju. Tetapi dalam satu tahun setengah, apa kita lihat di homepage. Tadi saya melawat lagi homepage Parlimen, sangat malu. Parlimen patut rasa sangat malu kita ada homepage semacam ini. Semenjak bulan Mei lalu sampai sekarang beberapa isu-isu besar telah menjadi penumpuan dan perhatian Dewan yang mulia ini sama ada Rancangan Malaysia Ketujuh, sama ada Belanjawan 1997, sama ada kita ada meluluskan empat rang undang-undang Siber yang pertama, sama ada baru-baru ini Dewan ini berbahas mengenai bencana jerebu, tetapi siapa yang melawat Parlimen homepage, tidak tahu ada perkara semacam ini. Cuma ada sejarah sahaja, sejarah antara tahun 1957, 1960-an, 1970-an apa guna sejarah. Sejarah boleh dapat daripada buku. Apa yang kita mahu ialah maklumat terkini.

Kalau kita melawat Parlimen lain, sama ada Parlimen Singapura, di mana dengan izin, question for oral answer, orders of the day, notices of motion, question for return answer semua ada. Kalau negara lain seperti Australia, House of Common UK, Congress lebih lengkap. *Hansard*

pun ada seperti House of Common, order paper harian, hansard, House of Common Debate, standing committees, public bill di bawah Parlimen. Sekarang rang undang-undang tidak boleh dapat melalui Parlimen homepage, mahu melalui DAP homepage, kita buat satu perkhidmatan percuma sudah lebih satu tahun. Apa parliamentary homepage ini, select committees, weekly information bulletin dan sebagainya.

Di Australia pun ada mengenai semua urusan yang boleh didapati mengenai transkrip, mereka tidak kata hansard, notice paper, daily programme, votes and proceedings, hansard, transcript of proceedings, annual report. Tetapi Parlimen homepage, bagaimana kita boleh memberi contoh, kita mahu the best dalam bidang IT kalau sikap kita, mentality kita, mind set ialah pre-IT. Semacam tadi apabila saya menanya satu soalan mengenai bagaimana kita boleh ada satu grid telekomunikasi di mana semua rakyat boleh hubung kepada net. Nampaknya Setiausaha Parlimen tidak fahamlah, dia kata mengenai talian telefon sahaja.

Inilah saya harap dan kita mahu tahu kenapa satu jawatankuasa Parlimen mengandungi ahli-ahli daripada semua parti tidak ditubuh supaya bertanggungjawab mengenai homepage Parlimen. Kita mahu sesiapa boleh datang sama ada rakyat Malaysia atau luar negara apabila melawat homepage Parlimen Malaysia boleh tengok hari-hari apa soalan, apa proceeding, hansard, bill, rang undang-undang, itu yang kita mahu supaya Parlimen homepage boleh menjadi teladan kepada semua homepage kerajaan agensi interactive dan bukan obsolete historic museum peaces. Itu tidak guna, kita tidak mahu Internet untuk jadi museum in cyber space.

Saya tidak tahu berapa wang kita belanja untuk Parlimen homepage, beratus ribu ringgit I think is a total waste of money, the criminal waste of money, tindakan jenayah, oleh kerana kita tidak memberi satu contoh yang baik bagaimana kita boleh menggunakan teknologi maklumat untuk memajukan negara. Saya harap ini boleh dibetulkan, apa yang kita tengok di Parlimen Malaysia homepage satu tahun lima-enam bulan maklum balas masih dalam pembinaan. Satu tahun biasa ialah lima tahun Internet world, jadi berapa tahun kita sudah hilang? Rekod tetamu - masih dalam pembinaan. Dalam Inggeris, feedback guest, langsung tidak ada fail. Buka, tekan, langsung tidak ada fail.

Saya rasa inilah menunjukkan profesionalisme IT yang kita mahu tunjuk kepada dunia, ini malu. Kita perlu mengakui ini malu. Bermula hari ini, tukar.

Kalau perlu, Pejabat Ketua Pembangkang rela memberi perkhidmatan yang percuma untuk mengadakan satu parliamentary homepage yang terkini dan interactive. Kalau tidak boleh, saya percaya kita ada teknologi. Saya percaya kita ada teknologi, tetapi ialah cara untuk mengendalikan homepage itu. Ini mustahak, oleh kerana homepage bagaimana kita akan menguasai, menggunakan IT.

Tuan Pengerusi, saya mahu sebut butiran yang lain mengenai ACA, di mana minggu lalu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menjawab satu soalan saya di mana beliau kata bahawa "mengenai usaha Akta Pencegah Rasuah (ACA) tidak seharusnya diukur dengan tangkapan jerung-jerung sahaja." Saya bersetuju tidak harus diukur dengan tangkapan jerung-jerung sahaja. Tetapi masalahnya ialah satu ekor jerung pun tidak tangkap. *[Tepuk]* Mana itu jerung?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Jerung pandai lari.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita mahu tahu bahawa apa sudah berlaku kepada siasatan ACA terhadap enam orang menteri, dua orang timbalan menteri, seorang setiausaha parlimen, lapan orang Exco (6218). '6218', boleh beli empat ekor. *[Ketawa]* Apa tindakan? Kita masih tunggu-tunggu, tidak tahu adakah oleh kerana musim, iklim memerangi rasuah sudah lepas, tidak ada lagi sekarang untuk mempertahankan tindakan-tindakan tidak bertanggungjawab ini. Saya harap bahawa sesiapa yang akan memberikan jawapan akan memberi jawapan yang memuaskan hati bahawa apa sudah berlaku kepada 6218? Apakah berlaku kes Eric Chia, Perwaja akan ambil 10 tahun, 20 tahun. Bilakah kita boleh dapat satu laporan yang muktamad mengenai siasatan dan tindakan yang akan diambil terhadap Eric Chia, kes bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Mohamad Taib, apa kedudukannya? Kenapa tidak ada tindakan yang diambil oleh ACA, kenapa perlu tunggu perbicaraan di Queensland, oleh kerana hal ini yang berbeza, langsung tidak sangkut-paut. Kita ada sekarang akta antirasuah yang disifat sebagai yang terkuat sekali di dunia. Tetapi kalau tidak ada kemahuan untuk ambil tindakan, apa guna, dengan izin, the best anti-corruption law kalau we have the weakest political will untuk memerangi rasuah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, akhirnya satu perkara sahaja yang sangat pendek mengenai Sukan Komanwel. Kita mahu menjayakan Sukan

Komanwel, tetapi kita harap kita boleh menjalinkan keamatan dengan semua negara Komanwel. Minggu lalu adalah perang mini di causeway Johor, kastam, lori sini dan kastam di Singapura mengakibatkan masalah kepada rakyat baik di Johor Bahru atau di Singapura, kenapa kita perlu satu mini war on the causeway, khasnya apabila kita menghadapi masalah bencana jerebu, masalah kejatuhan mata wang, kenapa kita tidak boleh dengan semangat ASEAN mengatasi masalah-masalah yang kita ada supaya tidak menimbulkan perkara-perkara yang boleh dielakkan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat .

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya harap bahawa perang mini ini boleh diatasi supaya SUKOM....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Perang mini di bawah butiran yang ke berapa, Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Sukan Komanwel. Kalau ada perang mini, Sukan Komanwel tentu akan gagal.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tentu akan gagal. Saya harap oleh kerana tidak guna kita belanjakan wang untuk Sukan Komanwel kalau kita mahu membenarkan perang mini di sini dan di sana.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Terkeluar, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Bandau.

**3.54 ptg.**

**Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sekadar di bawah Kepala B.1, iaitu Parlimen. Pihak kita saya percaya terus menyokong pandangan-pandangan yang telah pun disampaikan oleh Yang Berhormat dari Tanjong mengenai talian Internet dan juga mengenai homepage di Parlimen. Kita melihat bahawa sudah satu tahun lebih ia telah dibentuk, tetapi seringkali kita access, dengan izin, kepada homepage tetapi tidak ada perubahan. Misalnya maklumat-maklumat yang telah pun ditekankan tadi soal rang undang-undang yang akan dibentangkan, senarai ahli-ahli parlimen pun tidak ada di dalam homepage.

Tuan Pengerusi, pihak kitalah yang lebih awal untuk membawa perkara ini ke Dewan yang mulia ini kira-kira satu tahun lebih yang lalu supaya ada

homepage, supaya ada talian Internet, supaya ada E-Mail supaya pihak kita yang ingin menyediakan soalan misalnya bolehlah hantar melalui E-Mail, dan tidaklah seperti kebanyakan yang kita buat sekarang ini, iaitu dengan faxes ataupun surat berdaftar.

Tuan Pengerusi, satu perkara di bawah perkara ini ialah soal Internet access, tidak ada komputer atau tidak mencukupi, sekadar ada satu di sana. Saya rasa kalau kita ingin maju dalam bidang IT ini kita mencadangkan ada dua-tiga terminal, di peringkat perpustakaan barangkali boleh digunakan oleh ahli-ahli parlimen untuk to surf, dengan izin, seringkali untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang perlu digunakan di Dewan yang mulia ini. Barangkali bagi Ahli-ahli Yang Berhormat dari Klang Valley boleh balik dan gunakan komputer masing-masing, talian masing-masing. Tetapi bagi kami yang jauh dari Bandaraya Kuala Lumpur sukar untuk menggunakan fasiliti seperti tersebut.

Maka pihak kami mencadangkan supaya ada beberapa talian disediakan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada masa Parlimen bersidang, untuk kepentingan kerja dan tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga untuk meningkatkan kualiti perbincangan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu satu perkara lagi yang pihak kita ingin sentuh ialah di kawasan Bangunan Parlimen ini tidak ada perkhidmatan untuk dibekalkan bagi ahli-ahli parlimen dari segi soal secretarial untuk seringkali apabila selepas berucap, kita hendak 'faxkan' kepada pihak media ucapan kita pun sukar. Seringkali kita datang ke pejabat Dato' Setiausaha Parlimen, tetapi bukan senang kerana pejabat itu adalah khusus untuk pentadbiran. Jadi, kita berpendapat bahawa harus ada pejabat kecil di mana boleh digunakan oleh Ahli-ahli Parlimen untuk membuat word processing, untuk memfakskan kepada pihak media ucapan-ucapan ataupun mengirimitkan maklumat-maklumat ataupun bahan-bahan yang ada kaitan dengan tugas-tugas ahli parlimen.

Setakat ini Tuan Pengerusi, ini tidak ada. Saya rasa ini tidak membantu untuk menaikkan mutu tugas dan juga kualiti perbincangan di Dewan yang mulia ini. Kita berpendapat bahawa kalau ada pejabat secretarial, walaupun pay your own pun sekurang-kurangnya ada tempat untuk pergi, tidak payah lari dengan trafik jam yang begitu teruk sekali untuk mengeluarkan kenyataan ataupun hal-hal yang penting yang berkaitan dengan tanggungjawab ahli parlimen untuk pergi ke hotel dan membuatnya di sana.

Tuan Pengerusi, kita berpendapat ini perkara yang sangat penting. Kita ada souvenir shop tempat untuk membeli souvenir, tetapi untuk menjalankan tugas sebagai ahli parlimen tidak mencukupi, back-up services yang ada, dengan izin.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu di bawah Maksud B.11, iaitu Badan Pencegah Rasuah, kita bawa ke Dewan yang mulia ini, sepertimana juga perkara ini telah ditekankan dalam satu seminar mengenai dengan undang-undang baru mencegah rasuah yang telah dilakukan tiga bulan yang lalu itu, bahawa antara perkara yang utama yang dihadapi oleh Badan Pencegah Rasuah ialah kekurangan kakitangan untuk menjalankan tugas. Kita difahamkan misalnya di negeri Sabah, puluhan ribu laporan yang diterima dalam setiap tahun, tetapi kakitangan yang ada untuk menyusuli perkara-perkara yang dilaporkan amat tidak mencukupi. Maka dengan itu, tiada guna juga kita mempunyai satu akta yang dikatakan yang terbaik tetapi tidak boleh dilaksanakan kerana kekurangan kakitangan dan staf yang terlatih dan yang benar-benar boleh digunapakai untuk melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan di bawah Akta Pencegah Rasuah.

Tuan Pengerusi, saya rasa perkara ini sangat penting. Pada masa yang sama kita juga banyak membuat laporan sesuai dengan galakan pucuk pimpinan negara khususnya dalam bidang pencegahan rasuah ini supaya pihak umum membuat laporan dan pihak Parti Bersatu Sabah juga banyak membuat laporan, tetapi sekadar siasatan dan seterusnya tindakan kepada laporan-laporan kita amat slow dan lambat sekali. Dan antara sebab yang dikatakan di peringkat negeri Sabah tidak mencukupi kakitangan untuk menjalankan tugas-tugas asas dari segi siasatan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain.

Jadi, Tuan Pengerusi, sesuai dengan peruntukan yang dipohon untuk khidmat pengurusan dan khidmat operasi penyiasatan dan perisikan, kita berharap bahawa di peringkat negeri Sabah juga tumpuan diberi perhatian untuk membekal kakitangan yang terlatih, yang objektif, yang betul adalah bertugas untuk melaksanakan tanggungjawab di bawah Akta Pencegah Rasuah khususnya akta baru yang telah diluluskan oleh pihak Parlimen. Sekadar itu, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:**  
Kubang Kerian.

4.00 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Pengerusi, B.1, Parlimen. Sejak Parlimen diambil alih pentadbirannya di bawah JPA, kita lihat ia semakin hari semakin teruk. *Hansard* sekarang tiga hari baru kita dapat, bukan late telecast, tetapi sudah jadi history. Yang kita baca *Hansard* hari ini ialah sejarah yang berlaku minggu lepas. Inilah yang berlaku di Parlimen kita di zaman IT, di zaman information technology yang Perdana Menteri baru lancarkan baru-baru ini. Kita hendak membina keyakinan rakyat mesti di tempat menteri-menteri berada, wakil-wakil rakyat berada, di tempat inilah yang paling canggih di sudut IT. Tetapi apa yang berlaku kita sekarang ini terbalik ke belakang dan kita lihat *Hansard* kita tiga hari baru dapat.

Tahun 1990 bila kami baru masuk Parlimen tidak sedemikian rupa. Waktu itu IT belum diperkenalkan. Jadi, kalau kita bersidang sehingga 9.00 malam, 9.45 malam, besoknya *Hansard* agak lewat sedikit. Selalunya jam 2.30 petang telah ada di atas meja, barangkali pukul 4.00 petang. Sekarang walaupun kita bersidang sehingga 6.30 petang, *Hansard*nya tiga hari lagi baru kita dapat. Jadi, Parlimen Malaysia sekarang ini menceritakan history, iaitu *Hansard*nya menceritakan sejarah Parlimen, bukan late telecast ataupun siaran langsung yang lewat satu hari.

Tuan Pengerusi, kenapa jadi begini sekarang ini? Kenapa pegawai-pegawai tidak bersemangat untuk bekerja? Kenapa mereka mengambil cuti lebih awal ataupun berhenti dan mencari kerja di tempat lain? Mestilah di Parlimen ini perkara ini diambil tahu terlebih dahulu sebelum kita melihat keadaan pegawai-pegawai di tempat lain. Tetapi kita lihat begitu sedih sekali ada yang belum mencapai umur 55 sudah bercadang untuk berhenti lebih awal dan pegawai-pegawai yang sedia ada merungut-rungut untuk berhenti dan orang-orang baru tidak diambil sehingga disuarakan sendiri oleh Tan Sri Speaker pada hari ini masalah *Hansard* lewat.

Ini barangkali di antaranya kesan Parlimen ini diletak di bawah JPA, di mana pegawai-pegawai Parlimen ini termasuk barangkali Ketua Setiausahaanya ataupun Speaker ataupun Setiausaha Dewan ini tidak dihormati oleh pegawai-pegawai lain yang sepatutnya Parlimen berada di bawah independent body. Kita lihat di Kanada yang menekankan soal independent of parliament. Begitu juga Australia dan England. Tetapi kita lihat di sini, kita yang dahulu agak sedikit independent, sekarang

ini diletakkan di bawah JPA yang menyebabkan kita lihat urusan birokrasinya berjalan begitu lembab sekali, pegawai-pegawai Parlimen tidak dihormati barangkali menyebabkan kita tidak boleh dapat pegawai-pegawai baru dengan segera, maka jadilah Parlimen sekarang ini di zaman IT ini amat boleh dikatakan memalukan. Sepatutnya kita mendahului daripada tempat-tempat lain yang berada di luar Parlimen.

[Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Sekarang kita di zaman information technology, tetapi di Parlimen kita disinformation technology, iaitu kita dapat maklumat segera. Tadi ditimbulkan oleh Ketua Pembangkang soal homepage. Memang kita hendak dapat soalan-soalan Parlimen dan sebagainya, jawapan-jawapannya kita melawat homepage DAP daripada melawat homepage Parlimen, kerana homepage Parlimen tidak ada apa. Ini yang kita kena akuilah di tempat membuat undang-undang, tempat buat dasar, keadaan ini berlaku. Barangkali Perdana Menteri terlalu tumpu di luar, tidak tumpu apa yang berlaku dalam Parlimen, maka kesannya ini yang kita dapat sekarang.

Tuan Pengerusi, begitu juga dalam P.7, Sukan Komanwel. Kita berbelanja cukup besar. Saya timbulkan dalam ucapan jerebu baru-baru ini, iaitu tumpuan kepada Sukan Komanwel dibimbangkan masalah jerebu jikalau tidak selesai, negara-negara utama dalam Komanwel akan menarik diri. Sebab itulah kita lebih suka kerajaan di samping menumpukan soal Komanwel ini, juga kena berusaha sehabis mungkin untuk mencari jalan menyelesaikan masalah jerebu ini, dan perbelanjaan-perbelanjaan mesti ditumpukan mencari jalan bagaimana hendak menghadapi masalah jerebu. Sebab saya sebut kalau kita mengeluarkan belanja RM9 juta, RM10 juta sekali kita lulus, tiba-tiba negara-negara utama seperti Australia, Kanada, England, South Afrika, New Zealand tidak hantar peserta dalam Sukan Komanwel akibat jerebu lebih daripada 100 atau lebih daripada 50 bacaan IPU, bagi Barat mereka anggap sudah merbahaya. Maka apa akan jadi kepada Sukan Komanwel yang akan berlangsung.

Jadi, belanja yang dikeluarkan sekarang ini bagi mencantikkan bandar-bandar dan sebagainya kita mesti berbelanja yang kalau tidak jadi atau Sukan Komanwel tidak dapat perhatian pun, ia memberi faedah kepada umum selepas itu. Kita bimbang, kita tumpukan perkara ini dan ahli-ahli sains

mengatakan 2 tahun jerebu akan beredar, kalau negara-negara utama ini tidak datang, Sukan Komanwel tidak jadi highlight, tidak bererti, maka perbelanjaan kita akan menjadi sia-sia. Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka.

4.06 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.7, di mana ada satu permintaan peruntukan sebanyak RM9 juta dikehendaki untuk membiayai kerja-kerja mencantikkan bandar sempena Sukan Komanwel. Di sini saya ingin mendapatkan maklumat yang lebih lanjut apakah jenis perbelanjaan ini sehingga RM9 juta diperlukan. Kerana saya rasa kita pun hendak tahu macam mana Kuala Lumpur akan dicantikkan lagi. Kalau sempena Sukan Komanwel apabila Sukan Komanwel dijalankan, ia semua ditutup dengan jerebu. Sebab itu saya hendak tahu apakah jenis kecantikan yang dilancarkan oleh pihak kerajaan.

Pada masa yang sama saya juga ingin tahu sama ada pihak kerajaan sedar atau tidak bahawa lagu kebangsaan kita yang dimainkan, saya harap digunakan lagu yang terkini. Bukan seperti di SEA Game di Jakarta, apabila kita memenangi pingat emas, tetapi lagu yang dimainkan apabila bendera negara kita dikibarkan ialah lagu yang lama. Saya tidak tahu sama ada pihak kerajaan tahu tentang perkara ini. Ini sebagai satu ingatan, kerana kalau kita gunakan lagu yang lama, sedangkan kita sudah ada lagu yang rancak, lebih cepat dan lebih baru. Saya tidak tahu adakah ini merupakan satu insult, dengan izin, kepada negara kita.

Saya harap bahawa pihak kerajaan boleh mengambil perhatian ini memastikan bahawa lagu kebangsaan yang terkini dimainkan apabila upacara menaikkan bendera berjalan, apabila atlet-atlet sukan kita memenangi pingat emas di SEA Game di Jakarta.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.11, Badan Pencegah Rasuah. Di sini saya rasa semalam, sungguhpun saya tidak tahu jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya telah membangkitkan dengan isu, tetapi nampaknya kurang kesungguhan oleh pihak BPR membanteras rasuah. Di sini apabila satu laporan dikeluarkan di mana bak kata pepatah Melayu "harap pagar, pagar makan padi", iaitu kes seorang pegawai pendakwa ditangkap kerana cuba

mendapat sogokan wang sebanyak RM1 juta daripada seorang bekas jeneral, yang disiasat oleh BPR kerana terlibat dalam satu kes pembelian alat senjata pertahanan.

Saya rasa ini adalah satu isu yang sangat penting. Kerana kalau badan yang kita harapkan untuk membanteras rasuah sendiri terlibat dalam rasuah, saya rasa perkara ini harus diberikan satu jawapan yang jelas, terang dan telus. Tidak boleh diterima langsung kalau pihak BPR cuba menutup amalan rasuah dalam badan mereka sendiri. Mana usaha kerajaan untuk menghapuskan rasuah? Saya rasa seratus peratus akan gagal, kalau pihak yang kita harapkan menghapuskan rasuah sendiri merupakan pihak yang terlibat dalam rasuah. Saya harap pihak kerajaan boleh menyatakan tentang isu ini, adakah benar bahawa seorang pegawai pendakwa telah ditahan ekoran terlibat dalam usaha menyogok wang daripada seorang bekas Jeneral. Beliau telah dipindah ke bahagian lain, iaitu bahagian Perpustakaan. Saya tidak tahulah lawyer boleh jadi librarian. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang seorang peguam boleh menyatakan bahawa ini mismatching of skill, dengan izin. Takkan seorang peguam boleh jadi librarian. Kalau Yang Berhormat mahu, saya boleh sebutkan nama. Tetapi saya rasa Yang Berhormat lebih tahu tentang isu ini daripada saya, kerana ini satu perkara penting.

**Seorang Ahli:** Tak tahu!

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya akan berikan peluang kepada Yang Berhormat untuk tunjukkan dia tahu. Saya pasti ia seorang yang rajin dalam tugasnya, dia pasti tahu, kecuali dia pura-pura tidak tahu. Oleh sebab itu, saya harap - ini isu penting.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tumpat bangun.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat dari Kota Melaka sebut nama tersebut, sebab kita tidak boleh percaya dengan kerajaan yang ada sekarang ini, dia akan pendam benda-benda macam ini. [Ketawa]

**Tuan Lim Guan Eng:** Memang betul kita tidak boleh percaya, tetapi sekurang-kurangnya Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dia cuba bersikap lain sedikit. Dia bersedia mengisytiharkan harta benda, dia tidak takut untuk menyembunyi, dia mengamalkan sikap terbuka, saya

ingin memberikan peluang kepada dia untuk mendedahkan namanya. Kalau dia buat kenyataan bohong, saya akan dedahkan pembongkangannya. Ini saya akan pastikan. Tetapi yang penting sekali ialah dari segi prinsip dan isu utama pendedahan seorang pegawai tinggi, pegawai atasan BPR yang terlibat dalam rasuah. Mengapa pihak Ketua Pengarah BPR cuba menutup perkara ini sehingga beliau membuat laporan ke *New Straits Times*, saya bukan seorang penyokong *New Straits Times* kerana ia adalah sebuah surat khabar milik kerajaan. Malah saya rasa sepatutnya kalau kita cakap dari segi politik, saya patut bermusuhan dengan *New Straits Times*. Tetapi dari segi prinsip, dari segi kebenaran, mengapakah apabila *New Straits Times* membuat pendedahan sedemikian, Ketua Pengarah BPR pula membuat laporan di bawah seksyen 8A, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan untuk menangkap pihak yang membuat laporan ini. Saya rasa itu adalah sesuatu yang amat dikesali, kerana memberikan gambaran bahawa BPR takut ke atas kebenaran, BPR cuba tutup amalan rasuah dan penyelewengan dalam jabatan mereka sendiri.

Saya harap bahawa pihak kerajaan bolehlah mengarahkan pihak BPR sepatutnya berterima kasih kepada mana-mana pihak yang membongkarkan amalan rasuah, bukan menghukum mereka, tetapi berterima kasih kepada mereka. Kalau perkara ini berlaku di Hong Kong, ICAC, saya percaya Tuan Pengerusi, kes ini sudah naik ke mahkamah, bukan seperti di BPR di mana ia tidak timbul langsung.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya rasa kes ini terlalu spesifik untuk dibincang dalam Jawatankuasa. Peruntukan di sini pun hanya untuk aktiviti rancangannya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, itu kes spesifik, saya tidak cakap dasar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Terlalu panjang, Yang Berhormat. Minta ringkaskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya akan ringkaskan, Tuan Pengerusi. Kalau kita hendak pastikan kualiti, kaliber dari segi moral adalah perlu bahawa isu ini diberikan penjelasan oleh pihak kerajaan. Dan pada masa yang sama apa sudah terjadi ke atas siasatan BPR ke atas bekas Jeneral ini yang terlibat dalam pembelian alat senjata? Adakah benar bahawa Jeneral yang terlibat ini, kalau henda sebut nama, saya pun tahu nama, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mahu mencabar saya, adakah benar bahawa dia merupakan ahli keluarga kepada

pemimpin atasan kerajaan? Saya harap saya hendak tahu dua perkara. Satu kes tangkapan seorang pegawai pendakwa BPR kerana cuba mendapat RM1 juta, yang kedua, kes BPR yang menyiasat dengan sendiri ke atas pembelian alat senjata oleh bekas Jeneral ini? Saya harap bahawa Yang Berhormat boleh memberikan jawapan tentang isu ini.

Pada kes yang lain, apakah kedudukan siasatan ke atas Yang Berhormat Menteri Pengangkutan? Apakah siasatan ke atas enam menteri, dua timbalan menteri dan setiausaha parlimen dan lapan orang ahli Exco yang terlibat dengan rasuah? Harap boleh memberikan jawapan tentang kedudukan siasatan ke atas mereka. Pada masa yang sama saya ingin menyebut sedikit tentang Melaka, di mana memang timbul banyak kes penyelewengan dan amalan rasuah, dan saya harap bahawa pihak yang berkenaan boleh menyiasat tentang projek seperti jalan yang rosak sebaik ia siap dibina, kerosakan jalan batu berwarna di Bandar Hilir Melaka sebanyak RM2.5 juta. Dan juga sebuah jeti sebanyak RM10.5 juta yang selepas dibina selama dua tahun masih tidak boleh digunakan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya gulung? Oleh sebab itu, saya harap bahawa pihak kerajaan boleh mengambil perhatian tentang masalah ini. Yang akhir saya hendak sebutkan ialah tentang Parlimen, iaitu saya ingin meminta bahawa pihak kerajaan memperkenalkan satu elaun khas istimewa kepada kakitangan Parlimen supaya kita dapat menggalakkan dan menyemarakkan moral mereka dan juga menarik lebih banyak kakitangan untuk berkhidmat di Parlimen. Kalau tidak, saya takut bahawa Parlimen akan menjadi ketinggalan zaman kerana banyak kerja tidak boleh diuruskan dengan baik. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kinabalu.

4.17 ptg.

**Tuan Henrynus Amin [Kinabalu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membahas dalam bahagian B.11, iaitu mengenai Badan Pencegah Rasuah. Tuan Pengerusi, saya amat tertarik dengan beberapa hujah mengenai peranan Badan Pencegah Rasuah dan kegagalan untuk melaksanakan tanggungjawab bukan sahaja mencegah, tetapi membanteras amalan rasuah di negara ini. Kalau saya tidak silap, apabila Perdana Menteri mula

menjadi Perdana Menteri, moto yang telah kita utarakan ialah 'bersih, cekap dan amanah'.

Maka dengan semangat ini, Tuan Pengerusi, maka Parti Bersatu Sabah dalam dua-tiga tahun yang lalu telah membuat beberapa laporan mengenai dengan kes-kes rasuah yang disyaki kepada Badan Pencegah Rasuah. Namun hingga pada hari ini, kita belum mendapat sebarang jawapan ataupun belum mempunyai keputusan sama ada pihak-pihak yang dituduh itu bersalah ataupun sebaliknya. Salah satu kes yang telah dibawa kepada Badan Pencegah Rasuah iaitu penswastaaan kenderaan kerajaan di negeri Sabah.

Tuan Pengerusi, pada 20 Mei 1995 satu perjanjian telah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri Sabah dengan Syarikat Angkatan Hebat, di mana semua kenderaan kerajaan yang beroda telah diswastakan. Ini bermakna bahawa mulai pada saat itu semua kenderaan kerajaan akan disewa daripada syarikat ini. Namun apa yang kami dapati kakitangan kerajaan ataupun agensi-agensi kerajaan tidak berpuas hati dengan penswastaaan tersebut. Banyak yang merungut, banyak yang tidak puas hati dan membuat laporan ataupun aduan kepada pihak kami.

Tuan Pengerusi, laporan telah dibuat oleh Pergerakan Pemuda PBS pada tahun yang lalu. Saya juga telah mendapat jawapan daripada Parlimen ini bahawa siasatan telah selesai dan ianya kini sedang disemak oleh Jabatan Perundangan ataupun pegawai undang-undang. Apa yang menghairankan, hingga hari ini tidak ada perkembangan langsung tentang perkara ini, sedangkan rakyat Malaysia di Sabah merasa resah, oleh kerana kita banyak mendengar ura-ura tentang kegagalan penswastaaan ini, di mana dahulunya kalau dibaca daripada akhbar saya telah mendapat tahu sebelum penswastaaan, kerajaan hanya memerlukan lebih kurang 10 juta atau 15 juta untuk mengendalikan kenderaan kerajaan. Tetapi selepas diswastakan kini kerajaan terpaksa menggunakan RM60 juta. Syarikat ini telah menghantar bill RM60 juta, ini dari sewa sahaja, belum termasuk pengendalian dan juga penyelenggaraan ataupun minyak dan juga gaji.

Tuan Pengerusi, berkali-kali PBS telah mengutarakannya di surat khabar, dan saya sendiri sudah berjumpa dengan pegawai BPR di Sabah, bukan sekali, tetapi dua kali dan minta kerjasama supaya perkara ini disiasat. Namun sehingga hari ini belum mendapat sebarang jawapan. Jadi, kita mintalah supaya siasatan terhadap penswastaaan kenderaan kerajaan negeri Sabah ini disiasat. Satu lagi faktor yang ingin saya utarakan....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Rompin bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya tertarik, Tuan Pengerusi. Ini macam sepak mula pilihan raya Sabah. Kalau ini agendanya, saya cadangkan adakah lebih baik Yang Berhormat bawa dalam Dewan Undangan Negeri Sabah, bukan di sini. Saya rasa kalau boleh Yang Berhormat tumpu kepada peringkat nasional supaya terbuka lebih besar. Isu dapur serah ke Sabahlah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, membincang perkara yang spesifik. Kita dalam Jawatankuasa sekarang, perbincangan ditumpukan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan yang ada di sini.

**Tuan Henrynus Amin:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Untuk menjawab Yang Berhormat dari Rompin, sebenarnya sepak terajang, untau dan silat di bahagian Dewan Undangan Negeri sudah dilaksanakan. Yang di sini hanya mungkin bunga-bunganya sahaja [Ketawa]. Badan Pencegah Rasuah ini bukanlah satu agensi kerajaan negeri. Badan Pencegah Rasuah ini adalah agensi Kerajaan Persekutuan. Jadi, memadai tempat inilah gelangnya, untuk Badan Pencegah Rasuah bukan di kerajaan negeri.

Tuan Pengerusi, sebenarnya apa tujuan saya berdiri di sini adalah untuk meminta kepada Badan Pencegah Rasuah untuk melaksanakan tanggungjawab tanpa rasa takut, tanpa pilih kasih. Oleh kerana sesuai dengan moto 'bersih, cekap dan amanah' dan sesuai dengan kehendak kerajaan untuk mendapat nama yang baik, maka kita mintalah supaya tindakan-tindakan itu dapat diambil untuk memberi gambaran, untuk mengembalikan keyakinan rakyat kepada kerajaan.

Bukan itu sahaja, Tuan Pengerusi, saya juga ingin untuk menyentuh laporan-laporan yang telah dilakukan, iaitu tentang Banggi Forest Reserve, sebuah kawasan balak first class forest reserve yang telah digezetkan sebagai kawasan tidak boleh dibalak. Tetapi kerajaan yang ada pada ketika ini telah menukar kelas itu daripada kelas satu hingga kelas dua. Apa yang anehnya sebelum dibawa Dewan pada bulan Julai 1996 kalau tidak silap saya, dua-tiga bulan lebih awal sudah diluluskan kepada satu syarikat swasta. Ini bercanggah dengan kehendak a forest reserve class one. Apa lagi kalau

potong balak, sedangkan potong rumput pun tidak boleh. Ini adalah satu bukti yang jelas yang harus disiasat, rakyat inginkan keputusan. Inilah rayuan saya, Tuan Pengerusi, kepada Badan Pencegah Rasuah untuk mengambil tindakan segera mengenai perkara ini.

Satu laporan juga telah dibuat, iaitu mengenai dengan Cement Industry Sabah dan Syarikat Paduan Insan. Laporan telah dibuat oleh kerana kita mempunyai bukti-bukti yang kita syaki bahawa prosedur tidak dihormati ataupun lack of transparency. Kita mungkin ada bukti-bukti bahawa ada conflict of interest. Kita hairan juga hingga pada hari ini belum ada keputusan. Demikian juga dengan LKTMS, ada juga laporan yang telah dilakukan.

Tuan Pengerusi, adalah harapan saya supaya BPR di Sabah tidak hanya menanti kepada laporan daripada individu ataupun orang tertentu oleh kerana banyak perkara yang berlaku yang sangat mencurigakan. Misalnya, pada ketika ini negeri Sabah hanya mempunyai 2.7 milion ekar forest reserve. Tetapi kononnya untuk satu dasar sustainable forest management, 2.7 juta ekar kayu balak di Sabah diserahkan kepada 17 buah syarikat gergasi untuk tempoh 100 tahun. Jadi, kita minta....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, nanti sekejap. Saya tidak nampak perkara Yang Berhormat sebutkan tadi itu ada kaitan dengan Maksud B.11. Sekarang kita dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat.

**Tuan Henrynus Amin:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi, setakat ini saya hanya mintalah kepada Badan Pencegah Rasuah supaya bertindak secara proaktif apabila sesuatu perkara seperti ini yang menimbulkan keresahan, menimbulkan keraguan di kalangan rakyat, kita mintalah Badan Pencegah Rasuah supaya bertindak proaktif untuk mengkaji, meneliti, menyiasat dan memastikan bahawa kerajaan yang ada pada ketika ini melaksanakan tanggungjawab dengan telus ataupun transparency dan mengikut lunas undang-undang ataupun prosedur yang boleh diterima oleh rakyat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jelebu.

4.25 ptg.

**Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk menyatakan sokongan saya bagi perbincangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan. Saya

ingin menyentuh perkara Maksud Bekalan B.1 dan B.11 secara serentak.

Tuan Pengerusi, kita melihat kepada perbelanjaan yang begitu banyak diperuntukkan bagi B.1, iaitu Parlimen kepada perkara kerja-kerja peningkatan kemudahan Parlimen dan pelarasan elaun bulanan. Kita lihat banyak perubahan telah berlaku. Apa yang menyedihkan ialah segala peralatan yang telah dinaikkan taraf itu umpamanya kebersihan di tandas dan sebagainya, tidak sempat beberapa bulan peralatan sudah rosak dan ada yang sudah tercabut, hilang dan sebagainya.

Jadi, saya tidak fikir perkara ini dilakukan oleh orang luar. Tidak ada siapa yang boleh masuk ke kawasan Parlimen, dalam Bangunan Parlimen ini, kecuali mereka yang diberikan kebenaran. Jadi, perkara ini harus kita lihat, di dalam tandas umpamanya kepala paip hilang. Kepala paip pun hendak bawa balik, ini apa cerita. Dekat rumah memang tidak ada. Benda ini memang ada di Parlimen, tetapi janganlah begitu sangat pemikiran kita. Tempat sangkut baju, seluar pun hilang. Jadi, perkara ini satu perkara yang memalukan kepada pelawat-pelawat ataupun kepada penduduk yang ada di dalam Bangunan Parlimen di kawasan Parlimen ini sendiri.

Jadi, perkara ini harus disedari dengan baik, dan ianya haruslah diperhatikan dengan sebaik mungkin kerana ini adalah pembaziran wang rakyat. Kita telah menggunakan berjuta-juta untuk kerja-kerja sedemikian, di samping pelarasan elaun bulanan. Apa yang menyedihkan kerja-kerja dan tugas-tugas bagi menyelaraskan elaun bulanan di Parlimen pun begitu lambat dilaksanakan. Dahulu telah pun kita bincangkan tentang penambahan kakitangan di dalam jabatan ini. Tetapi saya ingin bertanya apakah yang telah dilakukan oleh pihak SPA dan juga JPA? Setakat hari ini saya difahamkan masih tidak berubah. Kalau ada pun ditambah satu dua jawatan, tetapi yang lain masih belum diisi. Pencatat minit laporan Parlimen umpamanya masih tidak diisi. Jadi, saya ingin tahulah setakat hari ini apa yang JPA dan SPA buat ke arah mengisi jawatan yang penting dan utama di dalam jabatan kita ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, peralatan dalam....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** [Bangun]

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Sila Parit Sulong.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan dari sahabat saya yang mempunyai rekod perkhidmatan dalam

kerajaan yang lama. Menurut kenyataan Yang Berhormat Tuan Speaker hari ini bahawa lapan orang pencatat *Hansard* telah pun bersara. Jadi, sebagai seorang yang pernah menjawat jawatan tinggi dalam kerajaan, selalunya kalau ada kakitangan hendak bersara, berapa bulan notiskah diberikan kepada pihak JPA supaya gantian dapat diberikan tanpa mengganggu tugas di dalam mana-mana jabatan yang berkenaan? Terima kasih.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Untuk saya hendak menjawab itu saya ingat tidak layak. Berilah Yang Berhormat Timbalan Menteri dan sebagainya menjawab. Tetapi biasanya kalau bersara mengikut tempoh yang ditentukan. Dan pihak jabatan telah memberitahu kepada JPA bahawa kakitangan mereka akan bersara sekian-sekian masa dan tempoh dan begitu juga SPA. Maka JPA pun menyediakan tindakan-tindakan susulan selepas itu. Kalau hendak berhenti dalam tempoh 24 jam itu lain cerita. Tetapi kalau notis mesti dalam masa sekurang-kurangnya tiga bulan. Tetapi dalam perkara ini mungkinlah terlepas pandang dan sebagainya oleh pihak-pihak berkenaan. Saya menyarankan pihak SPA dan JPA melihat perkara ini dan keutamaan kepada Jabatan Parlimen ini haruslah ditekankan.

Tuan Pengerusi, begitu juga dengan peralatan di dalam Dewan ini, kalau kita lihat ada di antara dinding di bawah ini yang masih terkopak yang tidak diperbaiki, tiga bulan yang lepas kita berbicara juga masalah ini, tetapi ada perubahan, kita lihat Alhamdulillah, ada perubahan, tetapi yang lainnya masih sama. Jadi, bagaimanakah perkara ini boleh dilihat begitu sahaja tanpa dinilai sebenarnya dan kerja-kerja itu haruslah dibuat dengan baik, malu kepada orang, kalau orang luar melihat macam ini, tidak ada standard kualiti kerja yang ditunjukkan oleh pihak yang berkenaan, supervision haruslah ditekankan dalam soal ini, kerana ini pembaziran wang. Kita tidak mahu melihat wang rakyat dibazirkan begitu sahaja tanpa memberikan dan mempersembahkan mutu kerja yang baik oleh pihak yang berkenaan.

Jadi, saya menyarankan perkara ini haruslah dilihat oleh pihak yang berwajib dan saya menekankan sekali lagi JPA dan SPA kalau JPA telah meluluskan jawatan SPA hendaklah mengisi kekosongan, buatlah exercise yang sewajarnya, kerana ini perkara yang mustahak dan penting, Jabatan Parlimen haruslah kita utamakan.

Tuan Pengerusi, yang keduanya, B.11 - Badan Pencegah Rasuah. Kita mengucapkan tahniah di

atas kelulusan akta baru-baru ini dan di dalam perbincangan yang begitu lama, kita telah melihat bahawa kerajaan telah meluluskan lebih daripada 200 jawatan dengan segera, peruntukan yang istimewa kepada BPR. Saya juga ingin tahu setakat hari ini berapakah kekosongan yang berlaku telah diisi hasil daripada kelulusan segera oleh pihak kerajaan untuk merealisasikan pelaksanaan Akta BPR yang baru. Sekiranya perkara ini tidak dibuat, kita menyarankan supaya SPA dan JPA akan terus menekankan keutamaan ini dapat dibuat dan dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, di samping itu, saya juga ingin bertanya apakah tindakan ke arah memberikan permakluman kepada rakyat dan juga kepada seluruh jabatan dan kementerian yang berkenaan di peringkat pusat, negeri dan juga daerah akan kelulusan ke arah pelaksanaan akta yang baru.

Tuan Pengerusi, kerana saya yakin dan percaya masih ramai lagi yang tidak faham dan tidak maklum akan kandungan di dalam akta berkenaan yang baru untuk mereka fahami, kemungkinan perkara ini kalau tidak dilaksanakan, saya khuatir dan bimbang ada lagi kakitangan kerajaan ataupun pihak yang berkenaan masih lalai dan tidak mengetahui tentang perubahan yang berlaku di dalam akta berkenaan.

Saya berpendapat di atas cadangan yang telah pun saya nyatakan dahulu supaya Bahagian Penerangan dan juga Unit Latihan haruslah turun ke padang untuk memberikan ceramah, taklimat, kursus dan sebagainya kepada kakitangan di peringkat jabatan pusat, negeri dan juga daerah, lakukan perkara ini dan dekatkan hubungan dengan rakyat terutamanya di kalangan kakitangan kerajaan dan juga kanak-kanak sekolah supaya akta ini mereka faham dan mereka mengerti bahawa masalah rasuah ini haruslah diketepikan dan ditinggalkan oleh mana-mana pihak.

Tuan Pengerusi, kita mengucapkan tahniah juga kepada pihak kerajaan dan pihak jabatan yang telah membelanjakan sebanyak RM34 juta lebih kurang untuk membeli peralatan. Saya ingin mendapat penjelasan, apakah perkara yang diutamakan oleh BPR di dalam memperluaskan kakitangan mereka bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini. Apakah kenderaan jabatan dibeli, apakah masalah lock-up sementara di jabatan diperelokkan, apakah masalah kekurangan peralatan, komputer dan sebagainya diperluaskan di peringkat pejabat, peringkat negeri dan juga daerah ataupun zon.

Jadi, saya ingin menyarankan supaya pihak BPR menilai semula akan kemudahan yang perlu

disalurkan kepada pihak yang berkenaan baik di peringkat negeri mahupun peringkat zon untuk pejabat ini diperluaskan dan kakitangan benar-benar mendapat pembelaan kerana tugas mereka berdepan dengan masalah dan juga masalah keselamatan diri mereka.

Saya juga ingin mencadangkan sekiranya jikalau boleh seluruh kakitangan Pegawai Penyiasat BPR ini diperluaskan dengan senjata api kalau pun belum diperluaskan. Saya mendapat maklum sebahagian daripada kakitangannya memang dibekalkan dengan sepucuk pistol untuk melindungi masalah ancaman jenayah dan sebagainya.

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Jelutong bangun Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Sila. Masa cukup?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Sila, Jelutong.

**Tuan R. Karpal Singh:** Terima kasih. Saya mengalu-alukan cadangan yang dibuat tadi oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi bagi mendapat the sharks, dengan izin, bukan pegawai yang berpangkat kecil yang terlibat dalam rasuah, pegawai tertinggi, adakah pegawai yang ada berminat untuk menangkap 'sharks' ini. Baru-baru ini ada satu laporan daripada M.G.G. Pillai, saya baca apa yang ada di sini: *'Tan Sri Taib Mahmud Swiss Bank's accounts, now return to the public eye. The report recently posted on the Internet about Swiss authorities investigating the alleged RM20 billion cash in Swiss bank did not appear to be correct. I was one who questioned its authenticity, I was wrong. Here's I am told four known Swiss accounts and they turned up in the aftermath of Tan Sri Datuk Dr. Ting Pek Khiing preemptory cancellation of the Bakun Dam contract with the Swedish Swiss Brazilian ABB CDPO consortium.'*

Adakah apa-apa dibuat untuk menangkap shark ini, Ketua Menteri Sarawak yang terlibat dalam rasuah kerana ada laporan di sini di mana ada empat Swiss Bank account, adakah ini benar, beliau ada bank account ini di Switzerland?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jawapan ringkas Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, saya ingat, saya tak perlu mengulas perkara ini, saya

serahkan kepada jabatan yang berkenaan untuk memberikan jawapan selanjutnya.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi menyarankan supaya pihak SPA dan juga JPA menyegerakan pengisian jawatan ini kerana apabila suatu akta yang begitu panjang lebar kita bahaskan dan kita luluskan baik di Dewan ini mahupun di Dewan Negara, ianya dapat dilaksanakan dengan baik sehinggalah sampai ke peringkat bawah ataupun ke peringkat grassroot dan yang pentingnya ialah perkara yang rahsia haruslah dirahsiakan.

Saya memang mengalu-alukan tindakan pihak BPR yang telah banyak merubah kaedah ataupun cara bertindak mereka kerana apa yang berlaku setakat hari ini, siasatan masih dijalankan kepada mereka yang berkenaan sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh pihak pembangkang, saya yakin dan percaya siasatan masih berjalan kepada mereka yang berkenaan tetapi tidak ada berita yang menyatakan apakah tindakan setakat ini dan perkara yang rahsia haruslah dirahsiakan dan saya inginlah berpesan kepada pihak yang berkenaan supaya janganlah terdapat di antara kakitangan mereka sendiri yang membocorkan rahsia ini kerana rahsia adalah rahsia dan kita harus ingat bahawa kakitangan kerajaan tertakluk kepada akta OSA dan sekian, saya menyokong. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bagan. Selepas ini Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan menjawab.

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kita tidak ada masa Yang Berhormat, kita hanya ada dua hari untuk perbincangan dalam Jawatankuasa. Kita ada 18 kementerian, minta maaf.

4.39 ptg.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian dalam membahaskan Maksud B.1 iaitu Parlimen, satu jumlah lebih kurang RM13 juta telah diperuntukkan untuk membiayai kerja-kerja kecil peningkatan kemudahan Parlimen, penyelarasan dan elaun bulanan dan juga kenaikan kadar kelayakan Ahli Parlimen.

Tuan Pengerusi, sebentar tadi kami telah mendengar ramai Ahli Parlimen telah menyuarakan tentang kemerosotan pentadbiran di Parlimen ini.

Memang di kaca mata semua orang pentadbiran dan perjalanan Parlimen telah merosot begitu mendadak.

Tuan Pengerusi, ini di antara sebab-sebabnya kerana seperti apa yang telah dikatakan oleh ramai Ahli Parlimen tiada cukup bilangan kakitangan di dalam Parlimen kita, tetapi yang satu sebab lagi pada pendapat saya ialah kerana tiada kerjasama antara pegawai-pegawai dan juga kakitangan di dalam Jabatan Parlimen ini. Masing-masing berlagak seperti mereka menjalankan kerja-kerja atau tugas mereka dan mereka tidak ambil tahu dan tidak ambil berat tentang perasaan seseorang yang bekerja dengan beliau. Misalnya, jikalau ada di dalam satu-satu cawangan, pegawai tinggi dalam cawangan itu tidak ambil berat tentang kebajikan anak-anak buahnya atau dia punya staf dan saya nampak dalam organisasi Parlimen ini, kakitangan Parlimen tiada sebarang pertubuhan kebajikan untuk menitikberatkan kebajikan ahli-ahli atau pekerja-pekerja dalam Parlimen ini.

Tuan Pengerusi, dalam kakitangan Parlimen ini 50% mereka adalah dibawah JPA tetapi masih ada 50% lagi di bawah Jabatan Parlimen. Ini telah menimbulkan satu keadaan seperti ada dua kepala dalam satu negara kita ini dan mereka tidak boleh bekerjasama kerana mereka bukan di bawah satu bumbung yang sama.

Tuan Pengerusi, ....

**Tuan M. Kulasegaran:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada yang bangun di belakang.

**Seorang Ahli:** Jangan beri jalan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, mengenai perlantikan, adakah Ahli Yang Berhormat dari Bagan sedar bahawa hingga hari ini, walaupun sudah lebih kurang lapan bulan Hakim Besar Malaya telah retire akan tetapi perlantikan masih belum dibuat dan ini mengelirukan kebanyakan orang Malaysia dan saya pun hairan kenapa satu perlantikan belum dibuat, adakah ini kerana inpoliticking in judiciary.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, memang di pentadbiran kerajaan, mereka semua menghadapi kekurangan kakitangan, tidak tahulah mengapa ia boleh menjadi begitu sehingga semua jabatan atau kementerian, pentadbiran dan kerja-kerja kementerian tidak dapat dijalankan dengan licin, demikian juga di Parlimen. Tadi kami telah mendengar banyak Ahli Parlimen telah berkata iaitu pentadbiran ini telah merosot dan bukan sahaja telah merosot, semangat bekerja di antara kakitangan pun merosot sekali.

Tuan Pengerusi, pada setiap Persidangan Parlimen, Menteri Dalam Negeri membawa satu Usul bahawa Parlimen ini meminta polis trafik untuk mengawal trafik dan lalulintas untuk kemudahan Ahli Parlimen tetapi dalam persidangan ini kita tidak dengar ada satu Usul sedemikian. Dan apabila kami balik, selalu ada kesesakan lalulintas di simpang di hadapan pintu Parlimen ini, saya berharaplah Parlimen ini boleh mengambil berat tentang hal ini.

Tuan Pengerusi, ....

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Tuan bangun.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bagan menyentuh tentang hak Parlimen tetapi saya ingin minta pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bagan tentang hak Parlimen di kawasan masing-masing mengenai pengawalseliaan projek-projek kerajaan yang dilaksanakan di kawasan masing-masing, adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya kalau Ahli-ahli Parlimen diberi peranan untuk mengawalselia projek-projek kerajaan itu walaupun bukan sebagai kontraktor tetapi sebagai penyelia bagi pihak kerajaan dan juga bagi pihak rakyat memandangkan banyak pembaziran berlaku di kawasan-kawasan Parlimen yang dilakukan oleh kakitangan kerajaan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, saranan dari Ahli Yang Berhormat dari Tuaran memang ada asasnya dan kami boleh nampak ada banyak pembaziran di sana dan sini dan juga kerja-kerja atau projek-projek yang dijalankan tidak memuaskan, itu memerlukan satu badan atau seperti apa yang diseru oleh Ahli Yang Berhormat dari Tuaran supaya Ahli Parlimen juga diberi tanggungjawab untuk mengawasi projek-projek yang telah dijalankan itu. Saya memang boleh menyokong kepada pendapat Ahli Yang Berhormat dari Tuaran.

Tuan Pengerusi, tadi saya ada mendengar ucapan dari Ahli Yang Berhormat dari 'jerebu' bahawa pancor dan paip air atau apa-apa peralatan dari .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dari Jelevu Yang Berhormat, bukan 'jerebu'. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, Jelevu, ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kita confused sekarang. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Sebut baik-baiklah!

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya! Sudah jerebu sedikit ..... telah hilang. Tuan Pengerusi, seperti apa yang dikatakan juga dalam Parlimen ini hanya orang-orang yang diberi kebenaran sahaja dapat masuk dan Ahli Parlimen termasuk pegawai-pegawai kerajaan semua ada respect yang tinggi dan bukan sebarang orang boleh masuk untuk menjalankan kerja-kerja yang boleh merosakkan peralatan ini. Dan ini mungkin satu kerja yang dijalankan oleh sesiapa dalam Parlimen ini kerana mereka hendak membalas dendam kerana tiada keyakinan atau merasa tidak puas hati apabila mereka bekerja dalam Parlimen ini. Ini kemungkinan saya boleh mentafsirkan sebagai satu kerja vandalisme.

**Seorang Ahli:** Salah tafsiran.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, kemudahan untuk Ahli Parlimen, pada satu masa dahulu di depan Dewan ini ada satu kaca televisyen untuk memberi Briteks oleh Bernama, tetapi televisyen ini sudah hilang dan apabila kami merasa mengantuk atau bosan atau apa-apa hingga kami hendak berjalan-jalan ke luar Dewan ini untuk melegar-legar kami tidak tahu mahu buat apa. *[Ketawa]* Kalau ada Briteks sekurang-kurangnya kami boleh tahu apa yang berlaku pada masa sekarang di seluruh dunia mahupun di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, apabila kami masuk ke Parlimen ini, kami semua sudah terputus hubungan dari dunia luar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa cukup Yang Berhormat ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, baik.

Tuan Pengerusi, jadi, segala kemudahan untuk Ahli Parlimen, untuk kakitangan Parlimen semua hendaklah diambil berat supaya semua boleh bekerjasama untuk menjalankan Parlimen ini dalam cara yang licin dan baru-baru ini kami ada membaca dalam surat khabar bahawa Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat ada memberitahu satu sidang akhbar bahawa satu rombongan Ahli Parlimen dari England termasuk pemimpin-pemimpin dari pelbagai parti di England, mereka telah melawat ke Parlimen ini dan mereka sangat kagum kepada pentadbiran dan prosedur Parlimen dan Tuan Yang di-Pertua berkata mereka hendak mempelajari prosedur Parlimen ini, saya tidak tahulah mereka hendak mempelajari apa? Tetapi sebenarnya, Ahli Parlimen dari negara kita, ADUN-ADUN dari negeri-negeri Malaysia telah pergi melawat ke luar negeri khususnya di

Commonwealth country untuk mempelajari apa mereka laksanakan di sana.

Tuan Pengerusi,

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa sudah lebih.

**Tuan Lim Hock Seng:** Jadi, jikalau seseorang berkata, jikalau mahu melihat sebuah rumah bersih atau tidak cuba bawa dia masuk ke tandas dan kalau tandas itu bersih bermakna seluruh rumahnya di mana-mana corner, di mana-mana bilik itu boleh bersih, jikalau tandasnya kotor, tempat lain tak payah tengoklah, semua demikian juga.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya merayu supaya kemudahan Ahli Parlimen, kemudahan dan kebajikan kakitangan Parlimen boleh diambil berat oleh kerajaan. Sekian sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta jawapan.

4.50 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Bandau, Kubang Kerian, Kota Melaka, Kinabalu, Jelebu dan Bagan yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan dalam peringkat Jawatankuasa bagi kementerian di Jabatan Perdana Menteri.

Saya cuba untuk menjawab seberapa yang boleh dan perkara yang telah dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dan kalau perkara yang tidak terjawab, ini ialah kerana perbahasan kita ini adalah berjalan secara spontan dan kemungkinan maklumat yang dikehendaki tidak dapat diperolehi dalam masa yang singkat, maka oleh kerana itu setengah daripada soalan-soalan itu tidak dijawab pada peringkat Jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Bandau dan Kubang Kerian membangkit berkenaan dengan IT dalam Parlimen kita. Mereka bertanya berkenaan dengan homepage Parlimen yang tidak mengandungi maklumat yang terkini dan isu-isu besar yang berlaku dalam negara kita yang dibincangkan di dalam Dewan ini.

Memang kita mengakui bahawa homepage Parlimen ini adalah tidak memuaskan seperti yang dikehendaki oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, namun Jabatan Parlimen akan memperbaiki dan mempertingkatkan kandungan homepage supaya mengandungi lebih banyak lagi perkara yang

berkaitan dengan Parlimen seperti rang undang-undang dan akta yang diluluskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Parlimen sudah pun ada kemudahan E-mail dan Ahli Parlimen boleh .....

**Tuan Lim Kit Siang:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa untuk Parlimen mengadakan butiran yang lengkap semacam, Notis Pemberitahu Mesyuarat harian mengenai soalan, jawapan, mengenai rang undang-undang, mengenai *Hansard* pun sangat mudah oleh kerana semua bentuk ini dalam bentuk elektronik bukan perlu kerja tambahan, semua dalam electronic form dan apa yang perlu ialah untuk up load itu dalam server sahaja, sangat simple, tak perlu apa-apa kerja tambahan dan ada E-mail dan lain-lain tidak diperluaskan kepada semua Ahli Parlimen tidak bererti dan lagi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa mengikut Parlimen homepage itu dalam edisi bahasa Inggeris, tarikh last update ialah 20 Februari 1997 dalam perkara IT update harian, bukan lapan, sembilan bulan dahulu last update, untuk edisi bahasa Malaysia, last update 3 Mac 1997, nampaknya sesiapa yang bertanggungjawab mengenai Parlimen homepage, tidur.

Kenapa tidak boleh mengadakan satu jawatankuasa Ahli Parlimen, semua parti yang berminat mengenai homepage ditubuhkan bertanggungjawab memberi tugas dalam perkara ini.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, saya ingat dia ini tak faham ini. Saya telah katakan iaitu bahawa Jabatan Parlimen kita akan memperbaikilah, bermakna kita tahulah benda itu tidak memuaskan. Tak payah dok ulanglah benda ini ya. Jadi, saya telah sebut bahawa Jabatan Parlimen, kita akan memperbaiki dan akan mempertingkatkan kandungan homepage supaya mengandungi lebih banyak lagi perkara yang berkaitan dengan Parlimen seperti yang saya sebutkan tadi dan yang ini semua kita akan kaji tengoklah, kalau macam Ahli Yang Berhormat dari Tanjong cadang seperti jawatankuasa, ini boleh diusulkan kepada Parlimen dan kita boleh bincang dan saya bersetuju supaya kita perbaiki homepage Parlimen ini sebab kita mahu supaya Parlimen punya homepage ini sepatutnya seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu yang menjadi contoh dan baik.

Saya sendiri pun tidak berpuas hati dengan apa yang berlaku pada hari ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tak payah ulasalah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, memandangkan hujah-hujah ini.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak beri, saya sudah jawab!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak beri Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Duduk!

**Tuan Lim Kit Siang:** Wah, begitu intolerance sekarang.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Bukan intolerance, saya sudah mengaku apa yang ...

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita berbincang cara memperbaiki perjalanan Parlimen.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak, saya sudah mengakui. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sudah sebut dan saya sudah jawab, tidak fahamkah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak beri Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya hanya hendak tanya satu soalan pendek sahaja.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak beri jalan. Duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh, tahu tidak boleh beri jawapankah? Okaylah, habiskan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Bukan Yang Berhormat! Bukan macam itu. Ahli Yang Berhormat sudah cakap, saya faham, kita sudah tahu, kita akan perbaikilah, tak payah hendak ungkit-ungkit benda ini semua. Kita sudah tahu yang telah dibangkitkan dan saya telah kata kita akan perbaiki dan benda ini kita akan buatlah dan kalau ada benda yang tidak memuaskan lagi, kita bangkitkan lagi pada masa yang akan datang.

Jadi, kalau dok berdiri tanya tidak habis-habis, benda yang sama dan kita akan memperbaiki homepage yang ada pada hari ini.

Jadi, di Parlimen sudah pun ada kemudahan E-mail, Ahli Parlimen boleh mengemukakan soalan-

soalan Parlimen dan surat menyurat melalui E-mail bahkan 90% jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen dijawab secara mulut telah dikemukakan oleh kementerian-kementerian melalui E-mail.

Ahli Yang Berhormat, satu ruang cyber lounge sedang disediakan dan dijangka boleh disiapkan pada bulan November 1997 ini. Ruang cyber ini mengandungi 20 buah terminal komputer untuk kegunaan Ahli Parlimen, di dalam Coffee Room Dewan Rakyat dan Dewan Negara akan diadakan tiga terminal berasingan setiap satu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Kepong bangun, hendak beri jalan atau tidak?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Melalui terminal ini, Ahli-ahli Parlimen boleh membuat access kepada Internet.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak mahu beri Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, tadi berkenaan IT, kita juga dalam perbincangan sebentar tadi telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong berkenaan pelbagai perkara dan di antaranya ialah bukan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sahaja, saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Kubang Kerian telah membangkitkan perkara berkenaan dengan ACA. Saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan berkenaan dengan kes-kes Eric Chia, MB Selangor, 6218, Ahli Yang Berhormat sudah beli nombor ini? *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak mahu beli!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya ingat boleh menang ini. Jadi, saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa siasatan kes Perwaja dan bekas Menteri Besar Selangor masih dalam tindakan, siasatan tidak perlu tergesa-gesa untuk membuat keputusan menuduh seseorang itu sebelum bukti-bukti yang kukuh diperolehi. Dan persoalan mengenai dengan keputusan siasatan yang melibatkan 6218, kita masih lagi di peringkat siasatan dan kita tidak dapat hendak mendedahkan.

Tuan Pengerusi, saya memberi jawapan ini jawapan yang terkini kerana kita tidak boleh lari daripada akhirnya nanti bahawa satu keputusan akan dibuat. Jadi, saya harap Ahli Yang Berhormat jangan memikirkan iaitu bahawa jawapan ini dibuat semata-

mata untuk menutup sebab kalau kita menggunakan alasan ini sebagai untuk menutup apa yang dilakukan oleh BPR, mesyuarat yang akan datang Ahli Yang Berhormat akan tanya lagi. Saya tidak fikir iaitu bahawa lagi tiga, empat tahun jawapan yang sama ini juga akan diberi. Tetapi, sebenarnya kalau perkara ini masih dalam siasatan, jadi, agak sukar untuk kita menjelaskan kedudukan siasatan itu sehinggalah ianya telah diambil keputusan, siasatan telah habis dan kemudian kita serah kepada Peguam Negara sama ada untuk didakwa di mahkamah ataupun tidak.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, kita pun faham bahawa masa diperlu untuk menjalankan siasatan dan kita mahu satu siasatan yang menyeluruh dijalankan, tetapi soalan ditanya oleh rakyat jelata ialah kenapa enam bulan dahulu ialah 6218, enam menteri, dua orang timbalan menteri dan seorang setiausaha parlimen dan lapan orang EXCO, selepas enam bulan lagi 6218, sekurang-kurangnya patut 4104 atau perubahan yang menunjukkan bahawa ada kemajuan dalam siasatan ACA, bukan 6218, 100% tidak ada apa-apa pergerakan, tidak ada motion yang menunjukkan nampaknya ACA jammed dan kita harap bahawa mungkin apabila kita bahas dalam Budget bahawa masa itu apabila perkara ini dibangkit jangan datang balik lagi bahawa masih lagi 6218 sekurang-kurangnya kita boleh melihat sedikit pergerakan di sini dan di sana.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ahli Yang Berhormat ini putar belitlah! Soalan 6218 ini saya jawab bulan Ogos dahulu, ini bulan Oktober baru dua bulan, bukan enam bulan dahulu, sebab saya ingat saya yang jawab soalan itu, bulan Ogos, jadi, baru dua bulan. Ya, baru dua bulan, bukan enam bulan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bulan Ogos mana ada persidangan Parlimen?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Check baliklah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Bulan Ogos mana ada persidangan Parlimen?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Bulan Ogos, check baliklah, akhir bulan Julailah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini jawapan bulan April, check, April - enam bulan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya jawab dalam sesi kedua, saya yang jawab soalan ini, saya ingat. Sebab nanti sekejap Ahli Yang Berhormat ya. [*Yang Berhormat Timbalan Menteri mencari jawapan berkenaan*] Soalan ini saya jawab

[*Sambil menunjukkan dokumen berkenaan*] iaitu pada bulan Julai, baru tiga bulan. Soalan itu datang daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, pada bulan Julai, jadi, tidaklah enam bulan, iaitu 14 Julai 1997.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ha, itu silaplah, tetapi patut ada perubahan, bukan masih 6218, patut ada perubahan dan kemajuan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tunggulah dahulu! Sabar sedikitlah Yang Berhormat. Jadi, enam bulan ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tiga bulan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ha, tiga bulan, tiga bulan ya. Jadi, tiga bulan ini ....

**Tuan Lim Kit Siang:** 621 angka itu diberi enam bulan dahulu dan 8 itu mungkin tiga bulan dahulu. Kenapa 621 tidak ada pergerakan?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak! 6218 ini jawapan saya 14 Julai 1997 kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu sebahagian.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun ya.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, 14 Julai ya.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, saya ingin hendak bertanya sahabat saya dari Jabatan Perdana Menteri. Adakah bermakna dengan angka tiga bulan jadi enam bulan bermaknanya pembangkang ini suka exaggerate hak yang sepuluh jadi dua puluh, hak seratus jadi seribu. Adakah ini amalan mereka?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Itu biasalah Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebab kadangkala dalam Dewan ini, dia hendak tanya, dia yang hendak tahu, dia kata rakyat hendak tahu, ini dia punya putarbelit biasalah, dia perbesarkan, double.

**Tuan Lim Guan Eng:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang baru ini telah menjawab soalan saya

tentang lapan Ahli EXCO yang sedang disiasat, itu pada bulan April, bukan bulan Julai, jadi, lapan Ahli EXCO yang sedang disiasat telah dijawab pada bulan April dan kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baru sudah lupa, saya rasa uncharacteristic kerana dia memang seorang yang boleh ingat banyak, tetapi kalau dia pura-pura lupa, tidak boleh buat apa-apa.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Janganlah ambil nombor lapan di belakang sahaja, kalau 6218 - 6218. 6218 bulan Julai saya jawab. [Ketawa] Jangan ambil nombor belakang lapan sahaja, yang hak nombor belakang lapan itu sudah ada satu perubahan tinggal tujuh sebab seorang sudah kena dakwa, tinggal tujuh, kemajuanlah itu. [Ketawa]

Jadi, saya ingin menegaskan betul iaitu kita telah meluluskan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah pada sesi yang lepas dan saya tidak merasa bahawa pihak pembangkang salah untuk membangkitkan perkara ini kerana expectation itu adalah tinggi apabila kita meluluskan satu rang undang-undang yang begitu kuat dan waktu selepas kita meluluskan rang undang-undang itu juga kita telah menambahkan pegawai dengan 200 lebih orang untuk mengendalikannya kerja-kerja siasatan ini.

Tetapi dalam masa dua bulan, tidak mungkin iaitu bahawa kita boleh dengan sebegini cepat menyelesaikan masalah ini kerana pegawai yang kita tambah 234 orang itu terpaksa diberikan kursus yang mendalam supaya mereka dapat menjalankan kerja mereka dengan baik. Bukan bermakna bahawa kita tambah sahaja, kita masuk mereka bekerja, kemudian besok dia sudah boleh membuat kerja, mereka terpaksa diberikan latihan dan saya difahamkan iaitu latihan ini paling minimum tiga bulan dan paling maksimum sebelas bulan. Jadi, ini bermakna beberapa kerja tidak dapat dilaksanakan serta-merta disabitkan oleh kerana mereka yang diambil sebagai pekerja tambahan itu sedang diberikan latihan di antara tiga dan sebelas bulan, selepas itu baru mereka mempunyai kebolehan dan keupayaan untuk menjalankan kerja mereka sebagai penyiasat pencegah rasuah ini.

Jadi, sebab itu, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat membangkit-bangkitkan perkara ini, kerajaan tidak merasakan bahawa tidak patut expectation itu tinggi, cuma kita hendak memberi fahaman di sini iaitu bahawa tidak mungkin dengan penambahan ini kita boleh menyelesaikan masalah dalam masa dua, tiga bulan kerana pegawai-pegawai yang baru dilantik itu terpaksa dilatih dengan latihan dan kursus yang memakan masa di antara tiga dan sebelas bulan.

**Tuan Lim Kit Siang:** [Bangun]

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat hendak bertanya atau tidak?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya, memang pegawai yang baharu perlu dilatih dan dapat exposure tetapi memandangkan bahawa 6218, orang yang terlibat ialah menteri-menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen, EXCO, orang-orang yang tertinggi, bukankah siasatan mereka tidak ada sangkut-paut langsung dengan pegawai-pegawai baru yang diambil masuk dalam BPR, kalau mahu tunggu mereka nampaknya 6218 semua boleh lepas tanganlah, bergantung kepada pegawai-pegawai yang berpengalaman dan bukan sahaja bergantung kepada pegawai berpengalaman, oleh kerana 6218 profile yang begitu tinggi, perlu satu operasi yang khas untuk selesai siasatan 6218 dengan masa yang singkat, beri keutamaan.

Adakah ACA akan beri keutamaan untuk boleh menghabiskan siasatan 6218 untuk menunjukkan apabila Yang Amat Berhormat masa itu Pemangku Perdana Menteri kata, apa guna kalau kita ambil tindakan terhadap mereka yang makan suap RM20 kalau kita tidak boleh ambil tindakan terhadap mereka yang rasuah RM2 juta, sampai sekarang 'seekor' jerung pun belum ditangkap.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat ini peguamkah? Malaysia ini ada dua undang-undang, Akta Pencegah Rasuah ini, satu undang-undang untuk jerung dan satu untuk ikan bilis. Kalau jerung hari ini juga kena siasat, kalau ikan bilis lapan, sembilan bulan pun tidak mengapa. Ini double standard. Kita tidak kira jerung ataupun bilis, kita jangan ada double standard, maknanya kalau jerung hendak kena tahu, dan dan itu hendak kena siasat, tak boleh begitu Yang Berhormat. There are two laws for ....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Machang bangun ya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat, apa yang dipertikaikan tadi oleh pihak pembangkang nampaknya soal masa tiga bulan, enam bulan. Dalam pengetahuan saya, ada kes yang melibatkan orang biasa pun penyiasatan sampai satu tahun baru boleh dituduh di mahkamah, sebab bukti *prima facie* evidence untuk menuduh seseorang di mahkamah bukan sesuatu benda yang boleh main-main. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan

saya bahawa tempoh masa siasatan ini tidak boleh ditentukan, ini bergantung kepada fakta kes masing-masing.

Ada satu kes yang melibatkan saksi luar negeri, ada kes yang melibatkan laporan doktor, misalnya dalam kes rogol, kadang-kadang sampai satu tahun pun baru dituduh di mahkamah. Tetapi selagi undang-undang itu berjalan, pemakaiannya adalah tidak tertakluk kepada kedudukan dan status seseorang itu bahawa kita telah menjalankan undang-undang itu dengan baik. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ahli Yang Berhormat dari Tanjong faham? Kalau macam ini punya Ahli Parlimen mudah saya. Ya, sebab bukan mudah kita hendak siasat orang, kita tak boleh, apabila sebut sahaja 6218 sudah guarantee mesti salah punya. Itu undang-undang Ahli Yang Berhormat dari Tanjonglah. Kalau sudah sebut siasat, sudah salah - tak boleh begitu! Dan kita tidak boleh ada double standard, satu undang-undang untuk yang jerung dan satu untuk bilis. Kita jangan begitu, sebab kita mesti siasat betul-betul kerana Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, saya duduk di dalam Jabatan Perdana Menteri, saya tahu apa yang berlaku. Kadangkala orang yang kena siasat, tidak kiralah yang jerung atau ikan bilis, berjumpa saya kena siasat dan menggigil. Siasatan ini bukannya satu benda yang mudah dilalui oleh sesiapa, dia kena siasat dia tidak tidur malam, dia tidak makan. Jadi, sebab itu kita jangan apabila dapat tahu bahawa orang itu hendak kena siasat, kita hendak kena tekan dia, kita belum kena lagi, kita tidak tahu.

Jadi, saya duduk di Jabatan Perdana Menteri, saya tahu hari-hari kadang-kadang surat datang merayu, orang yang kena siasat datang minta tolong, saya tidak boleh buat apa, sebab ini ialah hak ACA untuk menyiasat dan memang, dengan izin, is a mental torture to be investigated. Jadi, sebab itu, kita kena jangan menekan orang yang kena siasat itu, kita biarkan ACA menjalankan tanggungjawab mereka dan saya percaya ACA pun tidak sanggup setiap kali, macam katalah hari ini saya tahu ada pegawai ACA dalam Dewan ini, dia pun tidak suka dikedam oleh pembangkang pada setiap kali sesi diadakan. Dia juga hendak menjalankan tugasnya, dia tahu tanggungjawabnya betapa kita harus memerangi rasuah.

Jadi, sebab itu, dalam soal ini kita kenalah exercise kita punya patience dan kita kena beri masa yang cukup untuk ACA menyiasat supaya apabila siasatan itu dibuat, apabila dibawa ke mahkamah

nanti kemungkinan besar peratusannya untuk menang adalah lebih besar kalau kita siasat dengan betul. Kita tidak mahu pula nanti apabila disiasat

....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong bangun lagi Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sekejap ya Yang Berhormat. Saya beri jalan, jangan bimbang, tidak ada masalah. Tadi, IT tadi tidak apalah, ini soal lain.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** IT tadi tidak apalah, yang ini kita boleh bincang. Jadi, sebab itu kita kena beri masa kepada mereka dan Yang Berhormat kena faham iaitu bahawa macam saya pun berdiri di sini tidak mungkin katalah kalau umur saya panjang, dapat peluang lagi bertanding, Ahli Yang Berhormat pun menang bertanding, takkan sesi sekali lagi saya hendak jawab perkara yang macam ini.

Saya pun tak akan sanggup untuk menjawab di masa yang sama 6218 ini lima tahun lagi dok jawab perkara ini lagi. Saya hendak kejar ACA lepas ini dan saya hendak tanya, hendak kena siasat betul-betul supaya mesti apabila penyiasatan itu dijalankan, mesti dilakukan dan mesti ada penghabisan, mesti ada ending, kita tidak boleh hendak menyiasat sepanjang masa menyiasat sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun lagi Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan. Saya tidak pernah kata bahawa sesiapa yang kena siasat bererti mereka salah dan tentu perlu dianggap sebagai salah. Betul, mereka yang disiasat ialah satu mental agony yang ada dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bukankah ini lagi satu hujah kenapa tak patut, tak adil, ada masa yang panjang dalam siasatan ACA khasnya mereka yang ternama bahawa adalah satu siasatan yang segera diadakan untuk keadilan mereka dan di sini apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri kata mengambil masa yang panjang, kita bersetuju tetapi kita pun belum tahu sungguhpun ada nama dikatakan ada disiasat sama ada siasatan sebenarnya dijalankan, semacam Tan Sri Muhammad bin Mohd. Taib, adakah ACA pernah menyoal siasat dia, ada atau tidak, kita tidak tahu atau kes Tan Sri Muhammad bin Mohd. Taib ialah satu kes yang khas. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, saya hendak sebut ini mental agony ini sama ada bagi mereka yang bilis atau jerungkah, kedua-duanya mesti kena. Yang Berhormat tidak boleh kata bila mental agony ini patut kita kena percepatkan siasatan khususnya untuk yang jerung, tak bolehlah macam itu, double standard juga. Jerung atau biliskah, dia kena mental agony oleh siasatan ini, itu kita tidak kira, maknanya kita tidak boleh beri ruang kepada jerung ini, kita kena percepatkan kesnya kerana dia mental agony semata-mata kerana dia jerung, tidak boleh double standard.

Saya hendak sebut di sini memang kita hendak percepatkan kes ini ....

**Tuan R. Karpal Singh:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Jelutong bangun.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti sekejap Yang Berhormat ya, saya akan beri jalan.

Saya hendak sebutkan di sini iaitu bahawa saya bersetuju untuk keadilan dan untuk mengelakkan mereka dari mendapat mental agony, kita hendak percepatkan penyiasatan ini dan ini yang saya sebutkan tadi, pegawai tak cukup. Pegawai telah kita ambil mengikut jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandau, kerajaan telah meluluskan sebanyak 237 jawatan dalam pelbagai pangkat kepada BPR walaupun kerajaan menghadapi krisis ekonomi kerana penambahan jawatan ini penting kita buat juga.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Jawatan ini akan diagih-agihkan kepada BPR negeri termasuk ke Sabah, ini yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu sebentar tadi dan bagi memastikan pegawai BPR terlatih dan berprofesionalisme dalam tugasnya, tempoh latihan pegawai baru dipanjangkan daripada tiga ke sebelas bulan merangkumi pelbagai module, kursus dan latihan.

Jadi, kita kurang pegawai, bukan kita melambatkan penyiasatan, sengaja kita suka seseorang itu disiasat dan mendapat mental agony - tidak. Tetapi kita kurang pegawai maka oleh kerana itu kita tambah dan kerana mereka terpaksa berkursus selama sebelas bulan maka sebab itu pada peringkat ini kita tidak berkemampuan untuk mempercepatkan penyiasatan yang dibuat terhadap mereka ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kelewatan dalam siasatan, enam bulan barangkali, setahun pun boleh diterima. Saya beri satu contoh, ini adalah mengenai Ketua Polis Negara yang dibunuh, Tan Sri Abdul Rahman, jika saya tidak silap dalam tahun 1974, 23 tahun sehingga hari ini tidak ada sesiapa pun yang didakwa bagi pembunuhan itu, di mana adalah hak untuk satu badan penyiasatan untuk mendapat solusi kepada satu kes yang telah dilaporkan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ahli Yang Berhormat dari Jelutong kalau kita lihat di England pun Lord Lucan, dia hilang kena bunuh 30 tahun dahulu sampai sekarang orang tak tahu. Jadi, saya ingat untuk kita hendak bangkit kata Ketua Polis Negara tahun 1974 dibunuh sampai sekarang tidak tahu, ini bukan satu perkara yang berlaku khusus kepada negara kita sahaja, banyak juga di negara-negara lain yang mana buktinya langsung tidak boleh dapat, apatah lagi kalau pembunuhan itu dilakukan oleh profesional, dia cukup menjaga dia punya kesan-kesan yang tidak boleh kita kesan dia.

Jadi, ini bukan satu perkara yang, dengan izin, peculiar to Malaysia sahaja, saya sebut tadi Lord Lucan hilang 30 tahun dahulu dijangka dibunuh mati sampai sekarang kita tidak tahu ke mana dia pergi, macam-macam teori kata dia tukar muka dan macam-macam lagi. Jadi, ini perkara yang lumrah berlaku di mana-mana negara juga. Jadi, saya ingat mengenai ACA saya sudah habis.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau telah mencadangkan supaya diadakan back-up secretarial service untuk Ahli-ahli Parlimen, perkhidmatan ini boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Jabatan Parlimen, mana-mana Ahli Parlimen boleh mengemukakannya. Mengenai back-up secretarial office yang berasingan, Jabatan Parlimen mengambil maklum dan akan diadakan secepat mungkin.

**Tuan Lim Guan Eng:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ada, saya akan jawab soalan. Sabarlah!

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bertanya RM9 juta belanja untuk apa? Tujuan kita berbelanja RM9 juta untuk Sukan Komanwel ini, kita telah menggunakan wang itu untuk mengindahkan laluan dan venue Sukan Komanwel seperti pengindahan rizab-rizab jalan, penanaman pokok-pokok, lampu jalan, kerja-kerja sedang giat dijalankan. Kerja-kerja sedang dijalankan, belum habis. Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat hendak melihat RM9 juta itu pergi melawat ke negeri-negeri ini dan melihat sendiri apa

yang sedang dilaksanakan supaya kita tahu bahawa mengapakah wang RM9 juta diperlukan untuk Sukan Komanwel ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tadi membangkitkan berkenaan dengan Sukan Komanwel, maknanya perang dingin, memang benda ini kita tidak inginilah, kita sebuah negara yang percaya kepada 'peaceful coexistent', tetapi dengan Singapura ini macam gigi dengan lidah, dia baik rapat macam mana pun kadang-kadang tergigit, itu biasalah, mana-mana pun. Kalau kita berjiran baik, sudah tentu sekali sekala berlaku selisih faham, itu biasa, tetapi saya percaya hubungan tradisional yang erat yang ada di antara Singapura dengan Malaysia boleh melampaui apa-apa perkara yang kecil, perselisihan faham yang berlaku di antara dua negara itu, tidak mungkin ianya sampai menyebabkan sebuah negara akan memulaukan Sukan Komanwel kita.

Saya percaya iaitu bahawa Kerajaan Singapura pun tidak mempunyai perkiraan yang sempit ataupun hati yang kecil dan walaupun saya tidak bersetuju iaitu bahawa benda ini berlaku tetapi sepertimana yang saya sebut kita sebuah negara yang berjiran begitu dekat dan sudah tentu ada perkara yang boleh menyebabkan kita berselisih faham dalam menjalankan kehidupan kita pada setiap hari.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Berkenaan dengan ACA?

**Tuan Lim Guan Eng:** Belum jawab lagi.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nantilah! Saya hendak jawab. Tadi, fasal saya teringat bapa punya soalan tadi, berkenaan Sukan Komanwel tadi, saya teringat. *[Ketawa]* Bila sebut Sukan Komanwel, saya teringat kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong punya soalan, mini war.

**Tuan Lim Guan Eng:** Lagu?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ah, lagu! Nanti dahulu. Sabarlah! *[Ketawa]* You hendak pressure saya apa fasal? Saya pakai cermin mata sekarang. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, ini berkenaan dengan Lagu Malaysia, memang sepatutnya ianya tidak berlaku, sebenarnya pihak tuan rumah sepatutnya mengambil berat tentang perkara ini, mereka harus lebih berhati-hati, kadang-kadang kita naikkan bendera pun kita hendak kena tengok, kadang-kadang kalau kita naikkan bendera, bendera terbalik pun itu merupakan satu penghinaan kepada mana-mana negara.

Jadi, saya percaya bahawa apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu adalah relevan dan kalau kita mempunyai satu lagu yang baru, yang lebih rancak, maka tidak sepatutnya lagu lama itu dimainkan dan ini sebenarnya satu perkara yang bukan kecil, seriuslah dan saya akan memaklumkan kepada pihak kita untuk memperbetulkan perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga membangkitkan berkenaan dengan ACA, menyatakan iaitu bahawa adakah benar laporan bahawa seorang Pegawai Pendakwa BPR ditangkap berhubung kes RM1 juta seperti yang dilaporkan oleh akhbar. Ahli Yang Berhormat tahu nama, saya pun tahu nama, kita tak payah sebutlah, kalau yang lain hendak tahu biar dia cari sendiri.

Jadi, BPR menafikan tentang tangkapan ke atas Pegawai BPR yang dikatakan cuba meminta wang rasuah berjumlah RM1 juta, menafikan ya. Walau bagaimanapun, BPR telah menahan seorang pegawainya yang disyaki terlibat dalam kesalahan rasuah dengan menyalahgunakan kedudukannya. Itu ada.

Ahli Yang Berhormat juga bertanya adakah benar Pegawai Pendakwa yang ditahan itu telah ditukar ke tempat lain, perkara ini butir lanjutnya tidak boleh kita berikan pada waktu ini kerana ia akan menjejaskan siasatan kita. Sebab, kalau kita telah tukarkan ke tempat lain bermakna kalau betul perkara ini, kita telah hukum dia ataupun suspend. Jadi, saya tidak boleh hendak memberikan butir yang lanjut kerana kita sedang menyasiat dia.

Ketiga, bagaimanakah kedudukan siasatan orang yang disyaki (seorang pegawai kanan anggota tentera) berhubung dengan kes yang berkenaan, saya minta maaf, perkara ini sedang disiasat dan saya tahulah Ahli Yang Berhormat akan merasa bosan dengan jawapan iaitu bahawa memang saya tidak boleh hendak beritahu, hendak buat macam mana? Ini rahsia dan saya tidak dapat hendak menjelaskan nama-nama ini atau butir-butir yang lanjut kerana kita tidak mahu ianya menjejaskan siasatan kita.

Ahli Yang Berhormat juga meminta Jabatan Perdana Menteri memberi perhatian terhadap kes ini kerana ianya memberi tamparan hebat kepada sebuah badan yang diberikan kepercayaan untuk menghapuskan rasuah, sebaliknya menyalahgunakan kuasanya. Itu betul, kita ingin menegaskan bahawa kita tidak akan bertolak ansur atau berkompromi dalam menjalankan tanggungjawab kita menguatkuasakan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah.

Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pegawai yang menyalahgunakan kedudukannya. Ahli Yang Berhormat, saya beri jaminan di sini iaitu bahawa kalau selepas siasatan didapati bahawa memang benar dia telah menyalahgunakan kuasanya, maka sudah tentulah kita akan mengambil tindakan terhadapnya. Kita tidak akan benarkan dia bekerja lagi kerana kalau sudah dia salah, buat apa kita hendak pertahankan dia, kerana badan ini mesti mendapat keyakinan dan kepercayaan daripada orang ramai untuk menyiasat rasuah dan kalau dia sendiri rasuah, dia tidak ada tempat dalam agensi ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, bolehkah saya bertanya, kalau begitu bolehkah pihak Yang Berhormat menasihatkan pihak Badan Pencegah Rasuah supaya jangan menganiayai pihak pemberita yang cuba membongkarkan rasuah, seperti pihak yang mendedahkan perkara ini dalam surat khabar kerana laporan polis yang dibuat oleh BPR terhadap pemberita ataupun surat khabar tersebut akan menakut-nakutkan mereka yang cuba menghapuskan rasuah kerana usaha ini akan mempunyai kesan yang sebaliknya, menakutkan mereka daripada mendedahkannya. Bolehkah perkara ini diselesaikan dan kerana itu janganlah mendesak polis mengambil tindakan kepada pihak yang cuba membongkarkan. Tetapi sebaliknya, mengambil tindakan ke atas pihak yang terlibat dalam rasuah.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, kawan baik saya, kalau dia membongkar dan melaporkan perkara yang betul, kita tidak akan ambil tindakan. Kalau dia punya fakta betul, dia membongkar dan fakta dia betul, kita tidak akan ambil tindakan, mengapa perlu kita ambil tindakan, sebab dia membantu kita. Tetapi di sini saya telah menyebut sebentar tadi iaitu bahawa kita menafikan tangkapan ini, Pegawai BPR yang dikatakan cuba meminta wang rasuah berjumlah RM1 juta, sebab kalau kita tidak buat laporan terhadap surat khabar ini, bermakna di masa yang akan datang dia boleh lempar, dia boleh spekulasi, dia boleh cara rambang, tembak, bantai sahaja, RM7 juta atau RM8 juta, jadi, ini akan menjejaskan imej BPR, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat katalah surat khabar itu melaporkan perkara yang betul, kalau BPR kompelin, ini boleh dibawa ke mahkamah dan surat khabar tidak perlu takut boleh dapat mempertahankan kedudukannya kerana ada justifikasi.

Tetapi macam BPR, kita membuat laporan polis ialah kerana laporan itu tidak benar dan seluruh

Malaysia sudah baca, bayangkan bagaimana rosak dan terjejasnya imej BPR di atas satu laporan yang tidak betul. Jadi, kita mahu supaya .....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:**  
[Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Machang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya. ....kita mahu supaya surat khabar melaporkan perkara yang benar, cari fakta betul-betul dan tepat - bongkar, tidak salah. Ini akan membantu kita. Tetapi kalau dia melaporkan, membongkar benda yang tidak benar, seluruh orang sudah baca dalam negara kita, Pegawai Pencegah Rasuah minta RM1 juta, orang percaya termasuk Ahli Yang Berhormat pun percaya perkara ini.

Jadi, macam mana kita hendak memulihkan keyakinan ini kalau tidak kita membuat laporan kepada polis menunjukkan bahawa kita benar. Jadi, sebab kita tahu kes-kes, kadang-kadang katalah laporan akhbar yang tidak betul dan kita menafikan, banyak orang kata, kalau benda yang tidak betul, bawa ke mahkamahlah. Jadi, apa yang BPR buat pada hari ini ialah kerana tak betul dan menunjukkan bahawa kedudukan BPR itu betul dan laporan itu tidak betul, sebab itu dia berani buat 'police report' kerana dia hendak mempertahankan kedudukan dia. Kalau BPR hanya menafikan sahaja, Ahli Yang Berhormat boleh cakap, kalau apa laporan yang tidak betul, buatlah 'police report'. Jadi, sebab itu dia buat 'police report', bukan untuk menakutkan surat khabar di masa yang akan datang untuk melaporkan perkara yang benar.

Tetapi kalau perkara yang tidak benar, saya rasa adalah menjadi hak kepada BPR untuk membuat laporan polis kerana untuk menunjukkan bahawa apa yang disebut dalam akhbar adalah tidak benar. Ha, ini pendirian tegas yang dilakukan oleh BPR.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setuju atau tidak dengan saya bahawa peruntukan undang-undang yang ada di dalam negara kita ini cukup jelas. Kalau seseorang itu berani membuat laporan polis dan didapati laporan polis itu tidak benar, dia mesti bertanggungjawab terhadap apa yang dia lapor dan tindakan undang-undang mesti bertindak atas dia. Begitulah juga dengan sebaliknya. Kalau apa yang dia buat itu benar dan didapati ada pihak yang mengugut dia, mengapa dia tidak mahu tampil ke hadapan dan membuat laporan polis kerana mengugut saksi mana-mana orang yang membuat

laporan juga adalah satu kesalahan di bawah undang-undang. Jadi, bersetuju atau tidak dengan saya bahawa kedua-dua belah pihak peruntukan undang-undang yang sedia ada sekarang ini sudah cukup untuk membela mereka ini.

Kalau laporan dia itu tidak benar, orang boleh buat report dan mesti bertanggungjawab. Kalau laporan dia benar ada orang ugut dia pula, hendak manakut-nakutkan dia, dia boleh buat laporan polis dan pihak yang mengugut itu melakukan peras ugut dan melakukan kesalahan di bawah Penal Code. Bersetuju atau tidak dengan saya bahawa peruntukan undang-undang yang ada cukup jelas.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:**  
Faham Yang Berhormat Kota Melaka? [Ketawa]

**Tuan Lim Guan Eng:** Di sini kita hendak lihat tujuan di sebalik laporan yang dibuat oleh pihak surat khabar. Dia tidak ada apa-apa untuk mencari untung, tidak ada peras ugut seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Machang, tidak ada peras ugut politik pun seperti yang beliau sendiri suka merungut di Kelantan. Tidak ada, yang sebenarnya ialah cuba satu usaha untuk menghapuskan rasuah. Mengapakah pihak kerajaan atau BPR tidak boleh melihat di sebalik kejujuran usaha membanteras rasuah, tindakan seperti ini sebaliknya menggagalkan satu iklim di mana kita hendak lebih terbuka supaya gejala rasuah ini boleh dihapuskan. Mengapa begini, pihak yang mengemukakan rasuah. Itu saya rasa memang tidak betul kerana kalau hanya RM1 juta itu tidak betul tetapi yang lain semua betul, buat laporan polis - tangkap di bawah Seksyen 8A. Saya rasa ini akan menggagalkan usaha menghapuskan rasuah.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ahli Yang Berhormat ini dia tidak faham. Yang Berhormat dari Machang bukan sebut kata surat khabar ugut BPR, saya dengar tadi Yang Berhormat dari Machang kata BPR buat laporan seolah-olah hendak mengugut surat khabar jangan tulis, terbalik itu, faham sedikit bahasa Malaysia kita ini. Jadi, saya hendak bercakap di sini, bila kita pergi ke mahkamah, we go on fact, dengan izin. Faktanya ialah iaitu bahawa surat khabar mengatakan iaitu ada pegawai BPR yang dikatakan cuba meminta wang rasuah sejumlah RM1 juta. We go on the fact. Jangan dok rambang-rambang tempat lain. Kalau surat khabar kata RM1 juga, jadi yang kita hendak pertahankan iaitu bahawa hal itu tidak benar. Sebab itu BPR buat laporan polis, sebab tidak betul ada pegawai BPR yang meminta RM1 juta. Itu tidak betul, fakta itu salah, kita bercakap tentang fakta;

janganlah dok kata bahawa RM1 juta ini tidak penting. It's material - RM1 million, dengan izin, it's material kerana ini menunjukkan bahawa seolah-olah perkara ini sudah berlaku sebab cukup dengan faktanya dan figure yang betulnya, seolah-olah itu betul.

Jadi sebab itu, pegawai BPR merasa bertanggungjawab untuk membuat laporan polis kerana dia tidak mahu dicabar pula oleh Yang Berhormat Kota Melaka kata kalau tidak betul buatlah laporan polis, dia buatlah laporan polis sebelum dicabar untuk menunjukkan bahawa dia menafi sekeras-kerasnya bahawa ada pegawai meminta RM1 juta. Kita tidak akan menghalang surat khabar hendak buat investigative reportingkah, apakah, tetapi biarlah perkara itu betul. Biar benda itu betul.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta masuk perkara lain ya. Perkara ini perkara spekulasi....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:**  
Spekulasi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Spekulasi, tidak patut kita bincangkan dalam jawatankuasa.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:**  
Saya bersetuju, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih. Dan perkembangan kes siasatan melibatkan anak Menteri Pengangkutan sebanyak RM1.2 juta juga jawapan yang sama. Saya tahu Yang Berhormat, dengan izin, frust tetapi kita tidak ada pilihan. Ini sebenarnya kerana untuk tidak menjejaskan penyiasatan, jawapan saya sama. Saya tidak boleh menjawab sesuatu kerana hendak menyenangkan perasaan Ahli Yang Berhormat. Saya lencong sedikitkan, tidak boleh, benda yang tidak boleh - tidak boleh! Saya minta maaf ya.

Yang Berhormat juga bangkitkan masalah pembinaan jalan di Bandar Hilir yang bernilai RM22.5 juta yang mana sudah rosak sebaik sahaja dibina. Setakat ini BPR tidak ada menerima sebarang maklumat mengenai kes ini seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** [Bangun]

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Seperti Yang Berhormat sebut samalam kata sudah lapor, sebenarnya tidak ada ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya sudah lapor. Ini adalah fakta. Kalau tidak lapor saya rasa pegawai BPR harus dipecat kerana memberikan maklumat palsu dan saya boleh berikan salinan laporan yang saya buat kepada BPR mengenai kes jalan itu berjumlah RM2.5 juta, bukan RM20 juta tetapi RM2.5 juta.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Setakat ini BPR tidak ada menerima sebarang maklumat mengenai kes ini seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Ini jawab dalam Parlimen ya.

Berkenaan dengan jeti di Bandar Hilir, Melaka yang bernilai RM10.5 juta yang telah siap sejak bulan Ogos 1995 tetapi tidak boleh digunakan, ini juga BPR tidak ada menerima sebarang maklumat mengenai kes ini.

Jadi, Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian dan Jelebu, bukan jerebu, Jelebu, membangkitkan kelewatan *Hansard*. Jabatan Parlimen mengakui perkara ini berlaku kerana kekurangan tenaga kerja di Cawangan Dokumentasi. Pelbagai usaha telah dibuat untuk mengisi kekosongan jawatan dan meminjam jurutrengkas dari agensi-agensi lain tetapi masih tidak memuaskan. Calon-calon untuk jawatan Pelapor Perbahasan dan Jurutrengkas lebih tertarik kepada jawatan di sektor swasta oleh kerana tarikan gaji yang lebih lumayan. Ini satu daripada, orang kata masalah apabila negara maju. Apabila negara maju dan masing-masing mengejar kedudukan yang lebih baik dari segi ekonomi, maka sudah tentulah jawatan-jawatan kerajaan ini tidak lagi menarik kepada mereka.

Walau bagaimanapun, kita tidak akan menggunakan alasan ini sebagai tidak hendak memperbaiki kedudukan. Kita akan terus berusaha untuk mencari jalan bagaimana untuk mengembalikan *Hansard* ini kepada tahap yang asalnya. Memang kita tidak berpuas hati iaitu bahawa *Hansard* ini terlalu lambat keluar kerana ia tidak memberikan kesempatan kepada Ahli Parlimen untuk melihat kembali keesokan harinya apa yang telah diperbahaskan, maka ini akan menjejaskan kerja Ahli-ahli Parlimen kita sebab itu saya rasa perkara ini adalah genting. Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi sendiri pun ada menyebut dalam akhbar pada hari ini berkenaan dengan masalah kita dan saya percaya bahawa kita akan berusaha bersungguh-sungguh untuk cuba mengatasi masalah ini sebaik yang boleh dalam masa singkat ini.

Jadi, dengan itu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang

telah mengambil bahagian dan saya harap iaitu kalau sekiranya ada mana-mana perkara yang telah dibangkit dan tidak dijawab oleh saya, perkara ini tolong maklumkan kepada saya dan saya cuba untuk mendapat jawapan untuk menjawab soalan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM12,848,500 untuk Maksud B.1; RM1,828,000 untuk Maksud B.3; RM62,382,500 untuk Maksud B.7 dan RM3,420,000 untuk Maksud B.11 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM12,848,500 untuk Maksud B.1; RM1,828,000 untuk Maksud B.3; RM62,382,500 untuk Maksud B.7 dan RM3,420,000 untuk Maksud B.11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM9,000,020 untuk Maksud P.7 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM9,000,020 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1997.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada usul Yang Berhormat ya.

**Dato' Azmi bin Khalid:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap, Majlis bersidang dahulu ya. Ada sebuah usul yang sedang ditunggu-tunggu ya. Sila. [*Ketawa*]

#### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam”.

**Timbalan Menteri Kementerian Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya:-

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam ini,

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita baru menghabiskan hanya satu kementerian sahaja. Kita ada 18 kementerian kesemuanya dan kita dibenarkan di bawah Peraturan Mesyuarat hanya dua hari untuk hendak menghabiskan kerja-kerja kita di bawah perbelanjaan tambahan.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

**Maksud B.16 [Jadual] -**

**Maksud P.14 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1997 -**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.16 dan Kepala Pembangunan P.14 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah terbuka untuk dibahas. Ya, Seremban.

5.40 ptg.

**Dato' Hon Choon Kim [Seremban]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya mengambil bahagian untuk menyokong Maksud P.14 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk melaksanakan beberapa projek kecil di kawasan pihak berkuasa tempatan untuk mencantikkan bandar dan juga melaksanakan beberapa projek untuk pembangunan lanskap.

Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah memberikan sejumlah peruntukan agak besar untuk melaksanakan beberapa projek yang telah kita pastikan. Saya rasa usaha yang telah diberikan untuk mencantikkan bandar-bandar yang

terdapat di negara kita ini memang satu usaha yang baik dan patut digalakkan. Pandangan saya ialah kecantikan atau keindahan bandar-bandar itu saya rasa haruslah juga sentiasa dijaga, bukan sahaja untuk Sukom sahaja, pada masa bila-bila pun haruslah kerajaan berusaha untuk meningkatkan keindahan dan kecantikan bandar.

Tuan Pengerusi, saya juga dapati bahawa projek-projek yang dilaksanakan dahulu dan mungkin pada masa yang akan datang - projek siap lepas itu penyelenggaraan kurang, maka wang yang telah digunakan tidak akan mencapai matlamat yang kita tentukan. Oleh kerana itu saya berharap kementerian menghantarkan satu arahan kepada setiap kerajaan tempatan supaya apabila melaksanakan projek-projek ini lepas itu kena jaga, jadi ia akan menjaga kecantikan dan keindahan projek-projek yang telah dilaksanakan. Tetapi, kadang-kadang saya lihat juga bandar bersih, pantainya cantik tetapi kerana projek-projek pembangunan yang dilaksanakan di bawah jagaan atau diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan oleh sebab kurang kawalan atau penguatkuasaan, maka kawasan-kawasan dirosak.

Saya cuma sebut satu contoh - banjir. Kawasan bandar tidak pernah banjir tetapi oleh kerana berhampiran ada sebuah projek pembangunan dan perparitan kurang baik dan pelan pembangunan telah diluluskan. Lepas itu pihak berkuasa tempatan tidak melaksanakan penguatkuasaan dan ini boleh mengakibatkan banyak kerosakan kepada keindahan yang telah kita capai dan malang sekali mungkin terlibat kehilangan nyawa.

Semalam seorang budak berumur dua tahun telah mati lemas kerana banjir yang berlaku di Batang Benar. Ini kerana sebuah projek pembangunan telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan dan nampaknya pemaju telah buat satu longkang yang begitu besar mengarah ke satu kawasan setinggan dan apabila hujan lebat, air terus hentam rumah-rumah yang terdapat berhampiran dan seorang budak telah mati. Jadi, inilah satu masalah yang saya rasa perlu diambil tindakan dengan cepat.

Saya ingin bertanya kementerian sama ada cukup penguatkuasaan apabila pelan diluluskan sama ada perlu mengalihkan sungai itu dan buat satu sungai supaya mengakibatkan kehilangan nyawa. Saya rasa tidak perlu, bila saya sampai di tapak itu pagi ini memang cukup hairan, cukup hairan mengapa pemaju boleh dibenarkan buat satu longkang untuk mengalihkan sungai yang sedia ada supaya longkang yang baru itu mengarah ke kawasan setinggan. Jadi, saya pun telefon D.O. -

Yang di-Pertua Daerah Seremban - bertanyakan mengapa dibenarkan, saya pun telefon juga D.I.D atau JBS mengapa perparitan dibenarkan. Jadi, saya minta Timbalan Menteri untuk siasat mengapa ia boleh berlaku begini.

Jadi, kalau kita belanjakan wang yang banyak untuk mengindahkan bandar, tetapi kalau kita kurangkan penguatkuasaan jadi akibatnya bukan sahaja rosak bandar tetapi juga mungkin mengakibatkan dan sebenarnya mengakibatkan kehilangan nyawa. Jadi, itu satu hakikat.

Tuan Pengerusi, saya berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlulah memberi satu taklimat atau memanggil semua Yang di-Pertua pihak berkuasa tempatan supaya memberi taklimat dan memberikan arahan. Di kawasan saya cukup banyak masalah ini dan saya pernah sebut beberapa kali di dalam Parlimen ini, cukup beberapa kali saya sebut, kawasan-kawasan yang tidak pernah banjir memang cantik dan indah tetapi kerana satu projek pembangunan, projek perumahan, apabila tanah ditolak mengakibatkan banjir, yang tidak pernah banjir! Lumpur masuk ke dalam rumah, jadi itulah satu pemasalahan dan wakil rakyat kena marah, itu memang biasa!

Jadi Tuan Pengerusi, saya berharap cukuplah - mesti meningkatkan penguatkuasaan. Apabila pelan diluluskan hantarlah pegawai tengok sama ada dia buat mengikut pelan yang diluluskan. Kadangkala maklumlah, pemaju tidak ikut, bila tidak ikut kena paksakan mereka mengikut dan ini bolehlah mengelakkan sebarang kesulitan yang akan berlaku untuk kawasan-kawasan yang saya sebut tadi.

Jadi Tuan Pengerusi, saya pun tidak berhajat untuk bercakap panjang, cuma saya rasa sangat sedih oleh kerana kesalahan pihak-pihak tertentu seorang budak berumur dua tahun telah hilang disebabkan oleh sebab-sebab yang saya sebut tadi. Jadi, saya berharap Timbalan Menteri membuat satu siasatan yang agak cepat dan memastikan perkara ini tidak akan berulang lagi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Bagan.

5.48 ptg.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengambil bahagian membahaskan Maksud B.16 - Jabatan Perkhidmatan Bomba.

Tuan Pengerusi, satu wang berjumlah RM5 juta telah diperuntukkan untuk Jabatan Perkhidmatan Bomba dan satu soalan di sini, Tuan Pengerusi iaitu pili-pili bomba. Siapa yang membuat kerja-kerja

penyenggaraan kerana ada satu kebakaran berlaku di tempat saya dan pili bomba yang berdekatan dengan tapak kebakaran itu, valve pili bomba itu telah ditutup dan mereka gali tanah itu sehingga tidak dapat tetapi api sudah membakar keseluruhan rumah dan apabila saya telefon pihak berkuasa bekalan air mereka berkata ini adalah kerja Jabatan Bomba dan apabila saya berhubung dengan Jabatan Bomba, dia kata ini adalah kerja pihak bekalan air dan mereka ini - tidak tahulah siapa yang bertanggungjawab - cuma satu kerja yang kecil sedemikian itu mereka tolak sana, tolak sini dan diharaplah bahawa Jabatan Perkhidmatan Bomba boleh menghantar pasukannya untuk menyiasat semua pili bomba di semua daerah dan bahagian yang mereka mentadbirkan itu supaya memastikan semua pili bomba boleh berfungsi.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini pasukan bomba kita telah dihantar ke Indonesia untuk membantu mereka membasmi kebakaran dan di dalam satu laporan akhbar hari ini, bukan sahaja kebakaran di Indonesia dikurangkan, bahkan telah meluas daripada 16 kawasan hingga 40 kawasan dan kemungkinan besar juga ada dilaporkan di sini bahawa gambar-gambar satelit mungkin tidak dapat mengesan tempat-tempat yang terbakar lagi kerana ada asap dan jerebu yang tebal dan setalit tidak boleh mengambil gambar dari kawasan itu.

Tuan Pengerusi, minggu yang lepas Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan satu hal mengenai keluarga ahli bomba yang dihantar ke Indonesia, mereka menghadapi masalah kehidupan - sampai tiada wang untuk membeli susu tepung untuk anaknya. Ini adalah dalam tajuk utama *Star* pada hari itu dan lepas itu - dua, tiga hari kemudian Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan baru mengeluarkan satu arahan bahawa ahli-ahli bomba boleh mendapat elaun yang istimewa (special allowance) sebanyak RM245 sehari. Mengapa menteri tidak mengambil berat tentang kehidupan ahli-ahli bomba ini. Mereka tidak diberitahu sama ada mereka akan mendapat elaun atau sara hidup yang istimewa (special allowance) untuk pergi ke sana. Jika mereka diberitahu, maka mereka bolehlah membuat satu perancangan atau mengatur satu jalan untuk anak isteri mereka supaya mereka tidak menghadapi masalah.

Satu perbelanjaan yang begitu besar telah dibelanjakan untuk membantu Indonesia membasmi kebakaran. Tuan Pengerusi, anggota yang kita hantar itu lebih kurang 1,200 orang - mungkin lebih daripada itu dan mereka mendapat RM245 sehari, itu cuma elaun sahaja dan dalam angka ini kita

membelanjakan lebih kurang RM300,000 satu hari, berapa lama anggota kita akan di sana dan dikatakan mereka akan dihantar balik dan satu kumpulan yang baru akan dihantar pula ke sana. Jikalau ahli bomba kita betul-betul boleh membantu Indonesia menghapuskan kebakaran itu, kerja-kerja ini adalah sangat dihargai tetapi kerja-kerja ini bukan tidak boleh dihapuskan, bahkan kawasan yang terbakar merebak daripada 16 kawasan bertambah kepada 40 kawasan. Bukan Indonesia kekurangan tenaga manusia, bukan Indonesia kekurangan kewangan untuk membasmi kebakaran, ini adalah hal mereka. Malaysia setakat menunjukkan keseriusan kita sendiri untuk mendesak mereka supaya membasmi kebakaran supaya wilayah-wilayah di rantau ini tidak diancam kerana jerebu dan mungkin akibatnya penyakit-penyakit yang serius pada masa panjang yang akan datang.

Tuan Pengerusi, tujuan saya ialah mendesak kerajaan supaya menjimatkan wang ini kerana kita sedang menghadapi krisis ekonomi di negara kita ini. Jikalau tidak dihadkan satu tempoh untuk ahli bomba kita di Indonesia, kemungkinan perbelanjaan ini akan menjadi satu angka yang besar dan pada masa itu mungkin negara kita tidak mampu untuk menanggungnya. Sekian sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kepong.

5.54 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, sebenarnya tidak ramai orang yang berminat dalam kementerian-kementerian lain daripada Jabatan Perdana Menteri, Tuan Pengerusi. [Disampuk] Itu pengalaman saya.

**Tuan Pengerusi:** Tidak apalah, sila.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Teruskan sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Pengalaman saya ialah tidak ramai orang. Jadi, 9.30 kita boleh habis banyak.

**Tuan Pengerusi:** Tidak apalah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, tiga perkara. Yang pertama mengenai kerja yang diadakan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan - P.14 dan B.16. Mengenai paramedik I. Menurut Yang Berhormat Menteri mulai bulan ini anggota bomba akan dilatih untuk menjadi paramedik pula dan ini pun satu persiapan untuk SUKOM dan saya diberitahu bahawa pihak kementerian akan membeli 190 mesin canggih untuk paramedik ini dan pada peringkat yang pertama 750 anggota bomba akan dilatih untuk menjadi doktor.

Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana di dalam masa yang begitu singkat, pihak bomba dapat melatih 750 orang anggota bomba untuk menjadi paramedik dan saya percaya mereka akan digunakan untuk SUKOM pada tahun hadapan.

Walau bagaimanapun, apakah mesin yang canggih ini, yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sehingga kita hendak memperuntukkan sebanyak RM17 juta untuk maksud ini. Ini memang satu angka yang besar untuk tujuan seumpama ini.

Yang kedua Tuan Pengerusi mengenai keselamatan kebakaran di seluruh negara khususnya untuk Kuala Lumpur dan hotel-hotel yang akan digunakan oleh pihak peserta-peserta SUKOM - beribu-ribu orang - kalau tidak silap saya beberapa bulan lalu di Pattaya, satu hotel lima bintang terbakar menyebabkan 90 orang terkorban dan 64 orang cedera dan apakah langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk menyelesaikan masalah keselamatan di hotel-hotel di seluruh negara khususnya hotel-hotel di Kuala Lumpur dan kawasan Sukom sebab saya nampak pertumbuhan hotel yang banyak terutamanya di Sungai Besi dan apakah keupayaan pihak kementerian untuk mengawalselia semua keselamatan bomba di semua hotel dan semua bangunan termasuklah Kompleks Sukan di Bukit Jalil dan ini memang penting, Tuan Pengerusi kerana saya nampak walaupun ada usaha daripada pihak kementerian untuk membuat pemeriksaan dari masa ke semasa tetapi saya nampak mungkin kerana kekurangan kakitangan, pemeriksaan ini tidak dibuat dengan lebih teliti dan lebih kerap di hotel-hotel di seluruh negara dan perlulah kita mempertingkatkan usaha untuk pemeriksaan sedemikian supaya peristiwa seumpama hotel di Pattaya tidak berulang di negara ini. Kita tidak mahu menyaksikan malapetaka seperti ini.

Yang akhir sekali mengenai lanskap, ini ada kena mengena dengan P.14 di mana pihak kementerian sudah pun menubuhkan Landscaping Research Committee. Saya pun tidak tahu mengapa dia menubuhkan Jawatankuasa Penyelidikan untuk lanskap ini bagi maksud Sukom di bawah P.14 kerana pihak SUKOM ataupun pihak kementerian hendak memperelokkan semua lanskap di kawasan-kawasan untuk peserta-peserta Sukom dan untuk pelancong-pelancong yang datang ke Kuala Lumpur untuk menyaksikan Temasya Sukom ini.

Tuan Pengerusi, saya diberitahu bahawa peruntukan untuk lanskap ini adalah diberi kepada tujuh majlis tempatan iaitu untuk Petaling Jaya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Shah Alam,

Kajang, Subang Jaya dan Sepang termasuk Majlis Daerah Langkawi. Mungkin ada acara-acara sukan di Langkawi sebab ia diperuntukkan wang untuk landskaping ini dan bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana kita dapat memperelokkan kawasan-kawasan yang dimaksudkan itu - dengan landskaping dengan rancangan-rancangan untuk memperelokkan kawasan-kawasan ini dan mengapa kita perlukan Jawatankuasa Penyelidikan? Mungkin satu nama yang tidak tepat kerana bila kita sebutkan penyelidikan memang mengambil masa bertahun-tahun. Untuk beberapa bulan sahaja, saya diberitahu mungkin kerja ini akan diselesaikan pada bulan Jun tahun depan dan ini bermakna ada lapan bulan. Di dalam lapan bulan kita buat Jawatankuasa Penyelidikan dan akan membelanjakan berjuta-juta ringgit. Macam mana kita hendak menyelidik, hendak selidiki kawasan-kawasan ini dengan fauna dan flora yang tepat bersempena Sukom dan juga di dalam Jawatankuasa Penyelidikan ini, Tuan Pengerusi, kalau hendak landskaping mungkin tanya nasihat daripada Tuan Pengerusi sebab Tuan Pengerusi dia pelawa Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM), MARDI, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Institut Teknologi Mara dan Universiti Putra Malaysia.

Cuba kita tengok di perkarangan Parlimen. Apabila kita meminta nasihat daripada sebuah universiti, tengok, pokok-pokok yang cantik ditebang. [Ketawa] Itu masalah penyelidikan, mungkin penyelidikan tidak cukup, masa terlalu singkat. Saya bangkitkan perkara ini kerana saya nampak begitu banyak institusi termasuk universiti yang terbabit di dalam penyelidikan hanya untuk landskaping untuk memperelokkan kawasan-kawasan yang akan dikunjungi oleh peserta-peserta Sukom dan juga pelancong-pelancong. Dan janganlah kita membazirkan berjuta-juta ringgit, memang perkara ini kecil sahaja tetapi wang banyak! Mungkin sampai RM20 juta yang diperuntukkan untuk maksud ini dan sebab itulah saya berharap kita jangan bazirkan wang ini dengan nasihat yang tidak tepat dan perlu kita menggunakan dengan baik untuk mencantikkan kawasan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Gelang Patah.

6.05 ptg.

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Maksud P.14 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Terlebih dahulu saya ingin menyentuh

tentang projek untuk membiayai kerja-kerja kecantikan bandar sempena Sukan Komanwel '98. Saya memang mengalu-alukan projek-projek kecantikan dijalankan tetapi saya harap pihak berkuasa tempatan yang diberikan tanggungjawab ini perlu membuat kerja dengan sempurna terutama tentang kerja mengadakan pusat-pusat penjaja supaya dapat menyelesaikan masalah penjaja-penjaja berselerak di kawasan kerana apabila atlet-atlet dari luar negeri datang ke Malaysia semasa Sukan Komanwel mereka akan mengunjungi tempat-tempat makanan dan jika pusat gerai-gerai tidak dikemas dan dicantikkan, ia akan mendatangkan satu imej yang buruk kepada kita.

Jika dapat membina pusat gerai makanan yang kekal berserta dengan kemudahan-kemudahan air dan elektrik, tandas-tandas dan gerai-gerai tempat perniagaan yang kemas dan cantik, tentulah penjaja-penjaja dapat berniaga di pusat gerai-gerai itu dengan baiknya dan selain daripada itu adalah penting semua pengendali makanan atau food handlers, dengan izin, diberikan kursus tentang pengendalian makanan supaya mereka benar-benar mengamalkan cara yang betul untuk mengendali makanan semasa berniaga. Jika tidak saya bimbang ia akan mendatangkan satu imej yang kurang baik kepada atlet-atlet dari luar negeri dan saya sarankan pihak berkuasa tempatan dapat bekerjasama dengan pihak pejabat kesihatan untuk menganjurkan kursus-kursus pengendalian makanan pada masa sekarang supaya kawasan-kawasan yang mana atlet-atlet luar negeri akan berkunjung dapat menikmati makanan yang bersih dan cara pengendalian makanan yang baik.

Jika di kawasan-kawasan yang mana memang projek untuk mewujudkan pusat gerai-gerai yang kekal kerana ini akan menghadapi perbelanjaan yang besar dan kemungkinan pihak berkuasa tempatan tidak mampu atas alasan peruntukan kewangan saya cadangkan supaya pusat gerai-gerai penjaja sementara diwujudkan dengan kerjasama daripada Persatuan Penjaja-penjaja supaya dengan melalui kerjasama antara pihak berkuasa tempatan dengan Persatuan Penjaja dapat menempatkan semua penjaja di sesuatu kawasan di satu tapak gerai sementara dan tidak ada lagi penjaja-penjaja yang berselerak di sana sini melalui kerjasama ini saya agak ia akan dapat menyelesaikan masalah penjaja berselerak.

Di samping itu, saya dapati bahawa kadangkadangkang pihak berkuasa tempatan membenarkan pusat penjaja sementara tetapi tidak dibekalkan dengan kemudahan air dan elektrik dan saya harap

perkara ini dapat diselesaikan di semua pusat penjaja supaya walaupun sementara pun dibekalkan dengan bekalan elektrik dan air serta kemudahan tandas awam.

Seperkara lagi ingin disentuh iaitu tentang projek Program Bersih dan Indah yang sedang dijalankan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mana memang ada banyak pihak berkuasa tempatan memberikan kerjasama dengan mengadakan gerakan tumpuan bersepadu di taman-taman perumahan di kampung-kampung untuk mewujudkan kesedaran tanggungjawab tentang kebersihan dan keindahan di antara penduduk-penduduk tempatan tetapi sambutan daripada orang ramai sangat dingin, kurang galakan dan ini saya harap pihak kementerian agar dapat merangka satu cara bagaimana bila pihak berkuasa tempatan mengadakan program gerakan tumpuan bersepadu untuk menjalankan kempen gotong-royong, kempen menanam pokok di satu-satu taman itu bagaimana kita dapat menarik penduduk-penduduk bangun pagi untuk sama-sama menyertai kempen gotong royong dalam program gerakan bersepadu ini.

Baru-baru ini pihak Majlis Daerah JBT menggunakan cara yang kurang baik. Mereka memberi notis kepada peniaga-peniaga di Taman Ungku Tun Aminah untuk datang ke pejabat dan bila mereka datang ke pejabat, bagaimana mereka diminta hadir ke pejabat? - cara yang saya sebutkan itu kurang baik iaitu pegawai daripada Majlis Daerah JB Tengah pergi ke semua kedai di Taman Ungku Tun Aminah merampas lesen-lesen mereka tanpa memberi sebab dan meminta mereka pada tarikh dan masa yang diberikan kepada mereka mesti hadir ke dewan mesyuarat pihak berkuasa tempatan itu iaitu Majlis Daerah JBT, jika mereka tidak datang lesen mereka tidak akan dipulang balik. Kalau mereka datang akan dipulang balik. Bila peniaga - kerana lesen mereka diambil tentu mereka khuatir kerana kalau berniaga tanpa lesen memang satu kesalahan dan mereka terpaksa pergi ke pejabat Majlis Daerah JBT dan dalam pertemuan itu mereka diberikan notis bahawa pada masa atau tarikh yang ditentukan pihak majlis akan adakan kempen gotong-royong dan mereka diminta supaya memberikan bantuan wang dan tiap-tiap peniaga diberitahu mesti derma RM100 dan pegawai letak satu tong di sana, semua peniaga perlu sumbang RM100 semua masuk dalam tong duit itu dan perkara ini sudah menimbulkan aduan daripada peniaga. Mereka mengadu kepada pihak pembangkang serta pihak ahli Majlis Daerah JBT dan juga kepada saya dan

saya bawa kes ini kepada Yang di-Pertua Majlis Daerah JBT supaya harap pihak Majlis tukar cara, ini bukan cara yang betul kerana memang tidak boleh sesuka hati suruh pegawai-pegawai pergi kedai dan ambil lesen mereka dan ini cara yang kurang baik. Sebab itu tadi saya cadangkan supaya kementerian dapat menasihatkan pihak berkuasa tempatan jangan gunakan cara ini sebagai satu ugutan supaya mereka datang ke pejabat untuk memberikan derma untuk menjalankan kempen gerakan tumpuan bersepadu dan aduan ini apabila kita telah sampaikan kepada maklumat Yang di-Pertua, perkara ini pada masa ini sudah diberhentikan. Saya harap kes ini tidak berulang lagi.

Selain daripada itu....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup sepuluh minit ya.

**Tuan Chang See Ten:** Okay, saya cuma ada sedikit tentang landskaping. Selain daripada itu saya ingin mengambil peluang untuk memberikan cadangan bila kerja landskap dijalankan yang penting ialah maintenance, dengan izin, kepada tempat-tempat yang dilancarkan dan jenis pokok-pokok yang dipilih adalah sangat penting kerana kalau tidak dipilih dengan baik, kalau tempat yang ditanam pokok itu akan menghalang laluan trafik, ia akan mendatangkan bahaya kepada laluan trafik. Ini adalah satu cadangan saya.

Dengan kata-kata demikian, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Kuala Pilah.

6.17 ptg.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Izinkan saya mengambil bahagian seberapa ringkasnya dalam menyokong usul ini dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Tamb.) (Bil.2) 1997 dalam aspek Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian tentang kerajaan tempatan bagaimana mereka melaksanakan projek-projek pembangunan berbentuk projek-projek perumahan, perindustrian dan sebagainya secara usahasama melibatkan sesuatu kerajaan tempatan seperti majlis daerah, majlis perbandaran dan sebagainya yang kita sedia maklum bahawa sesuatu projek itu apabila melibatkan kerajaan tempatan yang juga tanah-tanah kerajaan negeri, maka usahasama diadakan.

Tuan Pengerusi, dalam konteks ini didapati kadangkala kerana ahli-ahli majlis yang dilantik dari masa ke semasa ada di antaranya kurang begitu faham tentang kuasa-kuasa yang mereka ada, tindak tanduk mereka dan tanggungjawab mereka mengikut Akta Kajian Tempatan nampaknya wajar pihak kementerian memberi satu pengkhususan ataupun kursus supaya mereka ini tahu tanggungjawab mereka.

Tuan Pengerusi, dalam konteks ini ada setengah-setengah kerajaan tempatan, apabila diberi peluang oleh kerajaan negeri untuk melibatkan dalam sesuatu projek pembangunan untuk membantu dari segi kewangan. Ini memang kita galakkan untuk menolong sesuatu kerajaan tempatan itu mempunyai keupayaan untuk membiayai segala obligasi mereka kepada kerajaan-kerajaan tempatan yang berkenaan. Apabila berlakunya kemudahan ini terdapat dalam bidang pemahaman dari segi kontrak-kontrak ataupun perjanjian-perjanjian yang diadakan antara kerajaan tempatan dengan pemaju dan sebagainya kurang mendapat satu pengkhususan ataupun nasihat yang sewajarnya supaya menentukan pihak jabatan kerajaan tempatan itu tidak diperalatkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Telah pun ada terdapat kadangkala kontrak atau perjanjian itu terlalu lot-sided memihak kepada pemaju. Ini pernah berlaku kerana kurang fahamnya penelitian pihak-pihak yang tertentu maka ini mengakibatkan kerugian kepada kerajaan tempatan dan juga orang awam.

Tuan Pengerusi, kedua saya ingin menarik perhatian tentang kuasa-kuasa yang kadangkala pihak kerajaan negeri ataupun pihak kerajaan tempatan kerana pemilihan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Kerajaan Tempatan ini dilantik oleh kerajaan negeri tetapi bidang kuasa ini tertakluk di bawah Akta Kerajaan Tempatan. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang adanya perilaku - ini saya hendak bertanya kepada kementerian di masa-masa kebelakangan ini apabila membuat satu kelulusan Certificate of Fitness, dengan izin, ataupun Sijil Kelayakan menduduki bangunan-bangunan, biasanya keputusan itu biasanya dibuat pada mulanya oleh pihak Jawatankuasa Teknikal. Pihak Jawatankuasa Teknikal akan membuat recommendation, ataupun memberi satu recommendation sama ada diluluskan ataupun tidak sebelum dibawah ke satu majlis penuh kerajaan tempatan sama ada daerah ataupun perbandaran.

Di kebelakangan ini saya telah dimaklumkan, saya minta satu kepastian daripada kementerian

kononnya telah ada satu arahan/pekeliling daripada kementerian memberi kuasa ini kepada Jawatankuasa Teknikal dan kalau ini berlaku saya berpendapat, memberi sesuatu gambaran ahli jawatankuasa penuh kerajaan tempatan itu tidak mempunyai kuasa lagi dan kalau ini berlaku saya fikir ini amat merbahaya dan boleh diambil kesempatan oleh pihak-pihak yang tertentu menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan masing-masing.

Tuan Pengerusi, ini berlaku dalam satu kerajaan tempatan yang berlaku dalam kawasan saya sendiri di mana projek itu merangkumi satu perjanjian seluruhnya, maknanya pemaju terpaksa fasa I dan II. Fasa I ini melibatkan pembangunan yang mempunyai keuntungan yang besar, walhal Fasa yang kedua itu hanya tanggungan obligasi pihak pemaju kepada pihak yang memerlukan bantuan seperti perumahan low-cost dan sebagainya. Apabila rumah yang begitu maju dan mendatangkan keuntungan sudah siap, dia hendak cepat CF tetapi ia tidak mahu menunaikan tanggungjawab kepada obligasi yang keduanya kerana kita berpendapat ini adalah satu perjanjian dan sebelum satu pemaju itu hendak mendapatkan satu kelulusan CF dia patut juga menunaikan segala tanggungjawabnya mengikut peraturan dalam konteks yang sewajarnya. Dalam hal ini saya hendak mendapat kepastian, kalau ini berlaku, sama ada betul atau tidak. Kalau tidak, alhamdulillah kerana patut juga dasar-dasar yang lama diteruskan untuk mengelakkan berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini.

Itu sahajalah Tuan Pengerusi, saya ingin menyokong perbelanjaan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kota Melaka.

6.24 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga secara ringkas hanya menimbulkan satu, dua perkara sahaja. Yang pertama ialah tentang Maksud Bekalan B.16 Jabatan Perkhidmatan Bomba. Di sini saya hendak bertanya adakah benar bahawa anggota-anggota Jabatan Bomba - penyelamat yang pergi ke Indonesia akan pulang tidak berapa lama lagi kerana menghadapi masalah daripada pihak berkuasa Indonesia, baik di peringkat nasional ataupun peringkat dari segi negeri. Kalau begitu adakah.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bercakap yang mana itu?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tentang perkhidmatan bomba.

**Tuan Pengerusi:** Ya?

**Tuan Lim Guan Eng:** Maksud Bekalan B.16.

**Tuan Pengerusi:** 16?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Itu ialah untuk hendak membekalkan utiliti, air, elektrik, telefon berikutan dengan tambahan balai yang baru.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, ini pengurusan.

**Tuan Pengerusi:** Kalau sekiranya yang di Indonesia itu tidak bersangkutan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, tetapi pengurusan semula, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya?

**Tuan Lim Guan Eng:** Pengurusan semula, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang mana itu?

**Tuan Lim Guan Eng:** Pengurusan semula organisasi.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, tetapi.....

**Tuan Pengerusi:** P.14, B.16 pun tidak ada itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** B.16, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, B.16 pun tidak ada.

**Tuan Lim Guan Eng:** B.16 tetapi di sini ialah pengurusan semula organisasi, so ini secara spesifik adakah perkara itu benar atau tidak dan kalau kita bercakap dari segi pengurusan semula organisasi, ia pun tidak diberitahu secara lengkap setakat mana pengurusan semula ini akan dijalankan.

**Tuan Pengerusi:** Tidak bersangkutan dengan yang ini. [Ketawa]

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, tetapi secara ringkas kerana pengurusan semula organisasi melibatkan kakitangan bomba dan 1,280 pun telah dihantar ke Indonesia, saya rasa sedikit sebanyak pun ada kena sedikit.....

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya. So ini secara ringkas kerana saya ada menerima maklumat bahawa mereka akan dihantarkan pulang dan dari segi perbelanjaan saya tidak tahu sama ada ini ada dimasukkan atau tidak. Kalau kita menghantarkan anggota bomba kita ke Indonesia, adakah pengurusan ini termasuk pengurusan semula dan adakah RM5 juta ini termasuk juga elaun tambahan

yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri bahawa mereka akan dibayar sekadar RM250 hingga RM300 setiap hari mereka berkhidmat di sana untuk memadamkan api di Indonesia dan saya harap bahawa kita boleh tahu apakah kemajuan terkini tentang usaha berani mereka dan juga memastikan bahawa ahli keluarga mereka boleh mendapat gaji, tidak harus menerusi suami-suami mereka supaya masalah yang dipaparkan dalam *The Star* di mana seorang isteri daripada ahli anggota bomba tidak ada cukup wang untuk membeli susu tepung tidak akan berulang lagi.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, perkara itu telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bagan tadi ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya tahu. Ini secara ringkas.

**Tuan Pengerusi:** Janganlah diulangkan ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, tetapi ini dari segi aspek lain.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya harap bahawa perkara ini tidak akan diulangi lagi kerana saya rasa ini - lebih-lebih lagi Tuan Pengerusi bila kita meminta derma daripada pihak orang ramai, itu saya rasa adalah satu perkara yang baik di mana dari segi amal dan dari segi rela hati orang ramai untuk menghargai usaha yang dibuat oleh kakitangan bomba tetapi pada masa yang sama ia pun memberikan gambaran bahawa pihak yang berkenaan seakan-akan telah tidak berapa menjaga kebajikan kakitangan bomba sehingga perlukan bantuan orang lain dan apa yang berlaku di mana seorang isteri tidak ada cukup wang membeli susu tepung saya rasa menonjolkan masalah ini. Oleh yang demikian, saya harap pihak kementerian bolehlah mengambil berat tentang masalah ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, minta kementerian menjawab.

6.27 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Menjawab ulasan ataupun ucapan daripada Yang Berhormat dari Seremban, ada dua perkara yang dibangkitkan iaitu mengenai projek-projek yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan yang tidak mengambil berat

mengenai perkara-perkara teknikal yang akhirnya mengakibatkan banjir-banjir kilat dan sebagainya. Ini berlaku di merata-rata tempat dan inilah yang kita akui kelemahan-kelemahan yang ada pada masa kini dalam majlis-majlis pihak berkuasa tempatan. Jadi, pihak kerajaan dan kementerian telah pun membuat keputusan untuk meningkatkan lagi profesion dan kerjaya anggota profesional dalam perkhidmatan pihak-pihak berkuasa tempatan di mana satu perkhidmatan khusus yang dianggotai oleh anggota-anggota teknikal akan diletakkan di bawah satu bumbung dan mereka ini boleh ditukarkan ke semua pihak-pihak berkuasa tempatan di seluruh negara dan pengalaman dan profesional yang diperolehi di satu bandar akan dapat digunakan untuk bandar-bandar lain.

Bermakna dari segi kualiti, keupayaan pegawai-pegawai teknikal akan dapat dipertingkatkan. Jadi, kita memang sedih dengan adanya seorang budak berumur dua tahun yang meninggal dunia, ini adalah satu perkara yang kita tidak suka berlaku di dalam negara kita. Kita akan beri arahan kepada semua pihak berkuasa tempatan supaya mengambil berat tentang segala apa perundangan yang telah diperuntukkan.

Pihak kerajaan dan kementerian pada tahun lalu telah pun membuat pindaan kepada Akta Perancangan Bandar di mana tiap-tiap perancangan untuk memajukan kawasan, pihak pemaju diminta menghantar bukan sahaja peta untuk perancangan projek berkenaan bahkan juga topo map yang menunjukkan topografi kawasan ataupun tanah yang berkenaan untuk diketahui curaman ataupun slope berapa tinggi, berapa rendah bukit ataupun kawasan-kawasan tinggi dan rendah bagi membolehkan kelulusan dipertimbangkan secara lebih terperinci.....

**Tuan Fu Ah Kiow:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Ya.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Pada amalan kita kini sesuatu projek pembinaan kita dapati pembinaan infrastruktur, khususnya pembinaan longkang dilakukan pada peringkat akhir. Ini bermakna sepanjang masa tempoh pembinaan tidak ada longkang yang dapat salurkan air ke tempat yang sesuai dan ini merupakan satu punca yang mengakibatkan banjir di kawasan berhampiran. Jadi saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Timbalan

Menteri, tidakkah boleh kita mensyaratkan pemaju-pemaju supaya pembinaan infrastruktur seperti longkang dan jalan dilaksanakan pada peringkat awal sebelum lain-lain peringkat pembinaan? Sekian, terima kasih.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, kalau kita tanya pemaju dan kalau kita tanya pihak-pihak jurutera yang mengendalikan projek, mereka kata, kalau kita buat longkang dahulu, akan rosak longkang sebelum projek itu siap, maka mereka akan cuba membina infrastruktur yang sesuai dengan keadaan tempat. Maka semua projek yang dimajukan dikehendaki diadakan kolam-kolam takungan air sementara untuk membolehkan air itu disalurkan ke kolam-kolam berkenaan, tetapi ada juga di tempat-tempat di mana pihak-pihak pemaju yang gagal membuat kolam-kolam berkenaan ataupun kolam-kolam yang tidak cukup, maka berlakulah banjir seperti ini. Kita akui kelemahan ini, Yang Berhormat, maka kita akan mempertingkatkan daya dan usaha.

Yang Berhormat dari Bagan menggunakan perkataan 'kami' - 'pasukan bomba kami', dia tidak ada di sini. Saya suka menggunakan perkataan 'bomba kita' oleh kerana pasukan bomba bukan hanya datang daripada kawasan Bagan, dia datang dari seluruh negara. Dia bertanya dari segi keberkesanan kebakaran hutan di Indonesia, di Sumatera dan mungkin Kalimantan yang katanya sudah meningkat dari segi jumlah kawasan yang terbakar, dari 16 ke-40 dan dia hendak tahu sama ada ini benar atau tidak. Sebenarnya ini hanya baru opinion dan conjecture sahaja, belum lagi dapat dipertentukan oleh kerana ruang udara yang tidak dapat ditembusi oleh gambar satelit, maka kita masih tidak dapat ketahui. Maka andaian Yang Berhormat dari Bagan mengatakan bahawa oleh kerana jumlah tempat kebakaran meningkat dari 16 hingga ke-40, dia mengatakan pasukan kita itu tidak berjaya dan tidak berkesan. Maka dari cara yang diucapnya, mengandaikan bahawa perbelanjaan kita itu seolah-olah membazir. Ini adalah satu andaian dan pendapat beliau sahaja. Sebenarnya kita membantu untuk mengatasi masalah jerebu ini walaupun kita berada di dalam dua negara yang berlainan, tetapi sebenarnya dari segi geografi kita berada dalam satu geografi yang sama. Maka dengan kerjasama pihak Indonesia, kita telah dapat dari kawasan-kawasan yang kita sendiri mengendalikan pembasmian kebakaran, 80% daripada kawasan yang diberikan kepada kita telah pun selesai kita menawan api dan membasmi kebakaran.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dari segi elaun harian, dibangkitkan oleh dua orang Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat dari Bagan dan Yang Berhormat dari Kepong. Sebenarnya rungutan ataupun laporan yang dibuat dalam surat khabar *Star* itu adalah terlalu spontan. Sebenarnya pasukan bomba bukan sahaja dari segi tindakan jabatan, bahkan Kelab Sukan Bomba sendiri ada memberi bantuan kepada keluarga. Cuma saya ingat keluhan dan masalah yang dihadapi oleh suri rumah tangga ini mungkin terlalu cepat dia mengambil tindakan dan kemungkinan berada juga seorang pemberita di situ, maka dia mengadu hal. Sebenarnya pengaduan hal peribadi itu kalau dipercepatkan kepada pihak atasan, isteri yang berkenaan tidak akan mengalami masalah. Sebenarnya masalah yang disebutkan tidak ketara, hanya berlaku mungkin kepada satu atau dua orang sahaja.

Yang Berhormat dari Kepong.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Dato' Yap Pian Hon:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ada dua orang peminat ini.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Oh, ada dua orang, allright.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dulu, Yang Berhormat Kepong. Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak beri siapa?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Saya beri kepada Yang Berhormat dari Serdang dulu, dia lama tak bercakap.

**Dato' Yap Pian Hon:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang dikatakan bantuan khas atau elaun khas akan diberi kepada ahli-ahli bomba yang bertugas di Indonesia. Bilakah elaun khas ini akan dikeluarkan kepada mereka dan jumlah kepada setiap ahli bomba ini? Terima kasih.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, saya tidak dapat memberi angka yang sebenar jumlahnya, tetapi jumlah bagi elaun harian adalah sepertimana yang diumumkan oleh pihak menteri. Sememangnya elaun harian yang diberi kepada anggota ini juga bukan sahaja kepada bomba bahkan diberi kepada anggota kita yang berkhidmat di Bosnia dan lain-lain.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Azmi bin Khalid:** 'Takdan' nak jawab Kepong lagi. Hendak tanya lagi?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya tidak akan bangkitkan mengenai keluarga dan sebagainya, cuma ini sahaja. Kita hantar lebih 1,000 orang anggota bomba kepada Republik Indonesia. Setakat ini adakah pihak Kementerian mengawal (monitor) keberkesanan kerja mereka untuk memadam kebakaran, sebab saya bangkitkan hal ini mereka itu dilatih untuk memadam kebakaran bangunan tetapi di sini kebakaran hutan yang membabitkan lebih 800,000 hektar dan di nusantara yang luas. Adakah kepakaran untuk memadam kebakaran ini ataupun kita setakat memenuhi semangat kejiranan sahaja?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, saya ingat Yang Berhormat dari Kepong ini tidak dengar apa yang saya sebut tadi. Saya sebutkan lebih dari 80% kawasan yang diberikan kepada anggota bomba Malaysia. Angka 80% ini pun pada minggu yang lalu, mungkin pada minggu ini lebih. 80% daripada kawasan yang diberikan kepada pasukan bomba Malaysia telah berjaya dihapuskan kebakaran. Jadi, sama ada pasukan kita dilatih untuk bangunan dan kebakaran, sebenarnya mereka dilatih untuk menghapuskan kebakaran, sama ada hutan atau bangunan. Jadi kalau mereka berjaya menghapuskan 80%, maknanya mereka mempunyai kepakaran.

**Tuan Lim Guan Eng:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Adakah itu sebabnya mereka akan dihantar pulang tidak lama lagi? Berapa banyak atas sebab-sebab lain, iaitu masalah daripada pihak berkuasa Indonesia?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, sebenarnya tidak ada masalah dengan pihak berkuasa. Mereka ini sudah keluar daripada negara lebih dari tiga minggu dan mereka ingin kembali kepada keluarga. Jadi, kita sebagai kerajaan yang prihatin tentang masalah peribadi manusia, kita menghantar mereka pulang dan kita menghantar pasukan yang baru bagi menggantikan mereka. Jadi, ini adalah satu tindakan kemanusiaan yang begitu prihatin yang saya rasa Yang Berhormat patut memberi sokongan.

Tuan Pengerusi, tentang latihan paramedic, sebenarnya pasukan bomba kita bukan sahaja

digelarkan Pasukan Bomba, tetapi Pasukan Bomba dan Penyelamat. Apabila seseorang itu mahu menyelamatkan seseorang daripada apa sahaja masalah, sama ada accident ataupun masalah dikatakan - perkataan 'accident' dalam bahasa Melayu pun sudah lupa.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kemalangan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Kemalangan jalan raya, maka kita akan berhadapan dengan seorang pesakit yang parah. Maka kita kena melatih anggota kita untuk menjaga the front line medical service, tidaklah begitu pakar seperti pakar kulit dan sebagainya [Ketawa] tetapi kita memberi medical aid yang pertama. Bukan itu sahaja bagi anggota kita, tetapi kita melatih mereka dalam pelbagai bidang supaya mereka menjadi anggota penyelamat yang multipurpose. Jadi, kita akan cuba memberi latihan untuk mereka menyelamatkan manusia dalam semua keadaan. Jadi, tidak ada persoalan sama ada mereka ini akan menjadi pakar dan sebagainya. Kalau mereka boleh menyelamatkan, maka kita akan berjaya dalam matlamat kita menubuhkan satu pasukan penyelamat dalam negara.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya bukan mempertikaikan kepelbagaian fungsi anggota bomba termasuk menangkap ular dan sebagainya. Tetapi yang saya soalkan di sini di dalam masa yang singkat, bagaimana kita dapat melatih seseorang itu menjadi seorang yang mahir di dalam hal perubatan untuk menyelamatkan nyawa terutamanya semasa temasya Sukom mereka akan dihantar untuk bertugas. Bagaimanakah kita dapat melengkapkan mereka dengan kemahiran untuk bertugas?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong seolah-olah bertanya sama ada mereka ini hendak dilatih sebagai doktor atau tidak. Yang Berhormat tahu perkataan 'paramedic'. Paramedic dalam Malaysia bukan sahaja daripada pasukan bomba, bahkan daripada pasukan Bulan Sabit Merah, pasukan St. John dan sebagainya. Saya dahulu pernah menjadi anggota St. John dan saya tahu sedikit sebanyak bagaimana hendak merawat pesakit daripada awal. Jadi, kalau mereka boleh mempertingkatkan dalam jangka masa yang singkat adalah baik, kalau tidak dapat,

kita beri lagi latihan untuk mereka mendapat kepakaran. Jadi, masa itu tidak menjadi satu masalah, cuma yang penting ialah dorongan kita untuk memberi latihan kepada anggota-anggota kita.

Tuan Pengerusi, mengenai soal sama ada kita mencukupi dari segi tenaga untuk mengawas kebakaran bangunan-bangunan tinggi, saya rasa dalam sebulan yang lalu - mungkin belum sampai sebulan kalau Yang Berhormat membaca surat khabar tempatan, sudah melihat bagaimana anggota kita telah memanjat bangunan yang paling tinggi di dunia dan turun dengan tali dan menggunakan cara-cara yang terkini bagi menyelamatkan. Jadi, kalau kita boleh mengendalikan sistem untuk menyelamatkan satu bangunan yang tertinggi pada hari ini di dunia atau antara yang tertinggi, maka saya rasa kita akan dapat mengawal kalau berlakunya kebakaran dalam bangunan-bangunan yang tinggi dalam negara.

Soalnya, sama ada cukup atau tidak cukup anggota, memang pihak bomba sedang mempertingkatkan keupayaan dari segi tenaga dan kepakaran. Kalau Yang Berhormat ingin tahu, saya maklumkan, dalam anggota bomba ada tenaga-tenaga teknikal yang tinggi, ada peguamnya, ada nuclear physicistnya, ada jurutera-juruteraanya. Jadi, saya ingin memaklumkan bahawa kepakaran dalam pasukan bomba adalah sedang meningkat dan menjadi satu pasukan yang profesional.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Soal ini telah saya bangkitkan dari setahun ke setahun, bukan sekarang sahaja. Saya sukalah mengucapkan tahniah kalau kepakaran sudah meningkat. Walau bagaimanapun, maksud saya tadi bukan setakat kebakaran sahaja, sama ada dengan struktur bangunan yang begitu banyak termasuk hotel-hotel yang akan digunakan oleh peserta-peserta Sukom, sama ada kita mempunyai keupayaan (capacity) untuk mengawal semua bangunan ini supaya kita tidak akan mengalami mala petaka seperti berlaku di Hotel Pattaya.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat dari Kepong, saya hanya dapat menjawab bahawa kita will try our best. Dalam kebakaran, prevention adalah lebih baik, lebih penting daripada to cure. Bermaknanya, kepakaran pasukan bomba untuk meneliti pelan-pelan bangunan yang dihantar oleh pemaju bangunan itu sendiri, kita sedang dalam usaha mempertingkatkan kualiti dari segi kepakaran pendawaian dan pemasangan peralatan pencegahan kebakaran dalam bangunan-bangunan. Kalau itu diperketatkan dan itu kita memberi satu keutamaan

(priority), maka kita akan dapat mengurangkan kebakaran yang berleluasa bagi jangka masa panjang.

Yang Berhormat juga membawa soalan mengenai lanskap (landscaping). Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, landscaping bukan hanya untuk decorative, untuk mencantikkan sahaja. Pada hari ini landscaping merangkumi bidang-bidang yang berkaitan dengan ekologi, penanaman pokok, untuk mencantikkan.....[*Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw memegang mikrofon*] Apa tangan itu? [*Ketawa*] Letak tangan di bawah. Saya tidak boleh bercakap tengok Yang Berhormat angkat tangan. [*Ketawa*] Landscaping perlu melihat dari segi ekologi. Kalau kawasan itu panas, kita perlu menanam pokok-pokok untuk meneduhkan kawasan dahulu. Sambil kita mencari pokok-pokok yang teduh untuk meneduhkan atau mengurangkan suhu (temperature) kawasan, bermakna di samping kita mencari pokok-pokok, kita carilah benih-benih yang cantik yang sesuai dengan keadaan. Dan bukan sahaja ekologi dari segi pokok, bahkan dari segi serangga, dari segi bunga dan dari segi burung-burung yang datang itu juga sebahagian daripada landscaping, maka kita perlu landscape research committee. Kita perlu komiti untuk mencari jalan bagaimana menyesuaikan pokok-pokok dengan alam sekitar yang ada sekarang.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi.....

**Dato' Azmi bin Khalid:** Hendak tanya apa lagi, buang masa sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri belum beri laluan lagi.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Ya, saya tak mahu berhujah. Okay, last chance.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, last chance. [*Ketawa*] Tuan Pengerusi, penjelasan. Yang Berhormat belum memahami apa maksud saya. Saya beri satu contoh, di sebelah depan Bangunan Parlimen, dua, tiga tahun yang lepas ada pakar daripada Universiti Putra Malaysia menebang pokok-pokok angšana yang besar itu dan digantikan dengan pokok rindih yang kecil, itu dari segi ekologi, tetapi itu tidak betul. Pokok angšana sudah besar, kita tebang, ini tidak betul, pantas boleh dan digantikan dengan pokok-pokok yang kecil. Ini saya khuatir dengan terlalu banyak pakar, mungkin akan wujud keadaan di mana tidak begitu praktikal. Itu yang saya maksudkan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Itu saya setuju, Yang Berhormat. Oleh kerana kalau saya tidak bersetuju,

banyak lagi Yang Berhormat akan bercakap. [*Ketawa*] Sememangnya itulah yang diperlukan research oleh kerana sekarang ada bermacam pendapat dari segi priority, tetapi pendekatan ini haruslah dibuat secara menyeluruh dan kita perlu mengadakan sedikit research dalam bidang lanskap untuk mempertingkatkan kualiti alam sekitar kita.

Yang Berhormat dari Gelang Patah membangkitkan mengenai kecantikan gerai-gerai, kesesuaian mereka yang menghidangkan makanan dan sebagainya. Memang ini sedang diusahakan oleh kementerian di mana arahan telah diberi kepada semua pihak berkuasa tempatan untuk menempatkan semula gerai-gerai yang tradisional kepada rupa bentuk gerai-gerai yang terkini dan yang lebih baik, lebih indah dari segi alam sekitar dan juga dari segi mereka yang mengendalikan makanan. Kursus-kursus juga telah dan sedang dikendalikan untuk peniaga-peniaga makanan.

Saya bersetuju dan kita ambil maklum tentang saranan Yang Berhormat agar sementara kita membina gerai-gerai yang tetap, kita memberi gerai-gerai di tempat-tempat yang sementara dan dibekalkan dengan peralatan yang mudah dan sebagainya.

Program Bersih dan Indah, kita bersetuju bahawa penglibatan masyarakat perlu dipertingkatkan. Saya rasa kementerian masih belum puas hati dengan penyertaan masyarakat pada umumnya. Usaha sedang dibuat untuk mempertingkatkan ke arah ini.

Mengenai masalah penjaja-penjaja Taman Ungku Tun Aminah, saya minta Yang Berhormat memberi maklumat yang lebih mendalam, terperinci, untuk kementerian ini menyiasat dengan lebih mendalam. Sememangnya tidak wajar bagi mana-mana pihak memaksa sesiapa membayar untuk apa-apa pun kalau pembayaran itu dibuat dengan cara paksaan.

Yang Berhormat dari Kuala Pilah membawa kes bahawa kementerian memberi arahan supaya membolehkan jawatankuasa teknikal meluluskan Sijil Kelayakan (CF). Ini, minta maaf, saya perlu mendapat penjelasan yang mendalam daripada kementerian dan pegawai yang ada di sini belum dapat akses kepada arahan yang berkenaan, kalau wujud. Saya akan siasat, terima kasih.

Dari segi joint-venture (JV) antara majlis-majlis daerah dan pihak-pihak berkuasa tempatan untuk memajukan projek-projek, kita pun bersetuju bahawa ada di antara kalangan ahli-ahli majlis yang dilantik oleh negeri-negeri yang tidak begitu faham dan tidak

begitu mengetahui selok belok perniagaan. Sememangnya kita anggarkan bahawa mereka sepatutnya mendapat bantuan daripada kerajaan negeri dan pihak-pihak yang berkaitan dalam kerajaan negeri, umpamanya seperti penasihat undang-undang, sebelum sesuatu projek besar, sebelum kontrak-kontrak ditandatangani. Kalaulah wujud lot sided dari segi kepentingan dan keuntungan, sewajarnya pihak kerajaan negeri sendiri mengambil perhatian dalam perkara ini.

Kita akan memberi arahan kepada semua pihak berkuasa tempatan dan kita akan cuba mengendalikan kursus-kursus kepada ahli-ahli majlis agar lebih termaklum mengenai selok-belok bisnes, bukan sahaja bisnes bahkan bagaimanakah perbandaran dan cara perancangan moden perlu untuk kita memasuki abad 21 di mana dalam 20 tahun lagi kemungkinan dari segi penduduk dalam negara, sekarang kita mempunyai 20 juta rakyat, dalam 23 tahun lagi dianggarkan rakyat seluruh negara menjangkau 40 juta manusia. Bermaknanya, dalam kita mengendalikan perancangan bandar-bandar di seluruh negara, kita harus mengambil perhatian bagaimanakah dan cara manakah masyarakat kita akan ditaburkan di seluruh negara.

Akhir sekali, Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya telah jawab bahawa kembalinya anggota bomba dari Indonesia bukan disebabkan oleh masalah dengan mana-mana pihak berkuasa bahkan ini adalah satu dasar kita untuk membawa mereka balik ke tanah air dan digantikan dengan orang-orang yang baru, bukan baru dari segi pengalaman tetapi fresh, yang dapat mengendalikan urusan dengan lebih berkesan berbanding dengan mereka yang telah berada di luar negara hampir sebulan.

Kemajuan terkini di Indonesia, saya telah memaklumkan bahawa 80% dari kawasan-kawasan yang diberikan kepada pasukan bomba Malaysia telah berjaya kita memusnahkan api. Dari segi masalah anak-anak dan isteri juga, saya telah pun menjawab kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sekian, terima kasih

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM5,415,700 untuk Maksud B.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM5,415,700 untuk Maksud B.16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM7,460,000 untuk Maksud P.14 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM7,460,000 untuk Maksud P.14 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1997.

**Maksud P.17 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1997] -**

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Maksud Pembangunan P.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas sekarang. Keping.

6.58 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, nampaknya tidak ada orang yang berminat dengan Sukom.....

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Ada, ada.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, itu pun terpolung kepada individu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, memang. Ini penyediaan Sukom, terutama Bukit Jalil. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan setakat mana kita bersedia untuk temasya Sukom ini di Stadium Bukit Jalil dan apakah kapasiti sekarang yang ditetapkan, sebab saya diberitahu oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tahun lepas bahawa kapasiti untuk penonton di stadium ini sudah pun ditambah. Dengan ditambah struktur untuk menampung bilangan penonton yang lebih, maka perbelanjaan sudah meningkat. Apakah jumlah perbelanjaan yang diperlukan sekarang dan adakah kerja projek ini mengikut jadual yang ditetapkan? Pada bulan Jun depan bolehkah stadium ini disiapkan untuk Sukom?

Tuan Pengerusi, sebenarnya di dalam usaha kita untuk menyiapkan stadium yang paling canggih di negara ini, selepas Shah Alam, maka kita berharap semuanya akan meningkat kepada tahap yang secocok dengan stadium antarabangsa, stadium Olimpik, sebab bagi saya, ini satu persiapan untuk menyediakan Malaysia supaya pada abad 21 kita boleh menganjurkan sukan Olimpik. Kalau kita boleh berjaya untuk mengadakan Sukom, maka saya tidak kluatir lagi kita pun berupaya untuk menganjurkan Sukan Olimpik. Cuma daripada segi teknik, daripada segi infrastruktur memang kita perlu pertingkatkan lagi.

Yang saya bimbangya bukan sahaja dengan stadium ini bahkan juga dengan kualiti dan standard para atlet, ahli-ahli sukan kita. Walaupun saya seronok juga dengar ada pingat-pingat, terutamanya pingat emas di Sukan SEA tetapi nampaknya tidak begitu cemerlang. Mungkin dalam tempoh satu tahun ini standard itu dapat ditingkatkan, kerana standard di Sukan SEA itu kalau berbanding dengan standard di Sukan Komanwel, maka standard ini sangat rendah sebab Sukan Komanwel ada yang mencatat standard Olimpik dan standard dunia pun ada. Sukan SEA itu memang setakat ini walaupun ada kemajuan sedikit, tetapi sangat ketinggalan. Adakah sejajar dengan stadium yang moden, ahli-ahli sukan yang moden pun dapat dilatih untuk Sukom. Ini memang satu perkara yang perlu kita timbang dengan sedalam-dalamnya, sebab walaupun kita memperuntukkan lebih RM100 juta untuk Sukom, ini tidak termasuk berbilion-bilion ringgit yang digunakan untuk menyiapkan prasarananya, cuma untuk Sukom sahaja dan 72% - mengikut angka yang dikeluarkan oleh pihak kementerian - 72% daripada belanjawan itu digunakan untuk Sukom ialah untuk ahli-ahli atlet dan sebagainya. Kalau wang yang begitu banyak digunakan, apakah pencapaian yang diramalkan untuk ahli-ahli sukan kita di masa ketika Sukom? Berapa pingat emas yang diramalkan, gangsa dan perak ataupun setakat menyertai di dalam sukan Sukom sahaja.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat hendak masuk?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tak boleh, hendak masuk stadium pun tak layak. *[Ketawa]* Cuma kita bukan.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat diingatkan bahawa sekarang ini kita berada dalam peringkat Jawatankuasa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang itu saya rasa, Yang Berhormat, cakap dasar. Sepatutnya Yang Berhormat hanya boleh menyentuh kepada butiran yang berkenaan, iaitu projek pembangunan yang berkenaan. Itu sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang butiran berkenaan - stadium. Ya, saya pun bincang dengan panjang lebar mengenai stadium. Cuma kalau setakat kita adakan stadium itu tidak cukup, mesti ada ahli sukan di dalam untuk pertandingan - memang berkaitan. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, saya mematuhi kepada peraturan. Cuma saya nampak, bagi sayalah, kalau

ikut perkembangan di stadium ini, saya nampak ada lambat sedikit fasa projek itu. Ini memang timbul masalah perbelanjaan. Bila kita lewat dengan fasa-fasa yang dijadualkan itu, maka kita terpaksa tambahkan giliran masa bekerja, night shift dan sebagainya. Kalau kita adakan giliran yang bertambah, maka kos akan meningkat, melambung ke langit. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan sama ada kelewatan ini dapat dielakkan supaya kita dapat menjimatkan perbelanjaan untuk stadium. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Bukit Mas.

7.06 mlm.

**Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil kesempatan sedikit sahaja. Saya ingin minta penjelasan daripada kementerian, khusus dengan tambahan sebanyak RM138 juta untuk menyediakan kemudahan-kemudahan di Stadium Utama Bukit Jalil, Stadium Tertutup Kompleks Renang dan menaik taraf lain-lain venue pertandingan serta bagi menyediakan kemudahan di kawasan persekitaran Bukit Jalil. Kalau boleh, terangkan dengan secara terperinci.

Saya juga ingin bertanya di sini, selain daripada menyediakan kemudahan-kemudahan untuk pertandingan tersebut, saya berharap adakah kementerian juga menyediakan ataupun mengambil kira dari segi kawalan keselamatan, khususnya di kawasan-kawasan pertandingan.

Tuan Pengerusi, daripada beberapa pengalaman kita pergi ke luar negara, saya rasa oleh kerana negara kita ini sebuah negara yang aman dan damai, banyak kali kita mungkin, dengan izin, take for granted on the security, tetapi apabila kita sebagai pegawai keluar dari negara kita ke negara lain, baru-baru ini misal kata, kita mengikuti rombongan Tan Sri Speaker ke Indonesia, kawalan keselamatan itu begitu rapi. Saya rasa kagum sedikit. Saya berharap oleh kerana pada tahun akan datang, Malaysia menjadi Tuan Rumah Sukan Komanwel. Kejayaan kita dan kegagalan kita untuk mengadakan sukan ini dari permulaan sampai akhirnya dan mengelakkan sebarang perkara yang tidak diinginkan berlaku, akan memberitahu ataupun menandakan kepada dunia luar bahawa 'Malaysia Boleh', seperti yang rakan saya katakan tadi, apakah salahnya kita mula daripada sekarang untuk menyediakan kemudahan-kemudahan ini bukan sahaja untuk Sukan Komanwel, mungkin Sukan Olimpik supaya selain daripada negara kita Malaysia yang sekarang ini

diharumi dari segi arena politik antarabangsa, dari sukan pun boleh dikatakan kita dapat pertingkatkan.

Saya juga ingin sedikit penjelasan mengenai persediaan kemudahan-kemudahan ini. Adakah persediaan kemudahan ini ada kaitan dengan sumbangan untuk latihan para atlet kita yang mengambil bahagian di dalam beberapa pertandingan.

Baru-baru ini saya sebagai anak Sarawak, Tuan Pengerusi, saya rasa sedikit dukacita apabila saya baca dalam surat khabar bahawa pencapaian Watson Nyambek menurun dalam pertandingan baru-baru ini, apakah sebabnya? Kita sebagai pemimpin ingin supaya mereka seperti Watson ataupun atlet-atlet yang lain, jangan mereka menurun dari segi prestasi, kebolehan mereka. Itulah sebabnya kita di sini menyokong segala usaha kerajaan untuk memperbaiki keadaan dan kemudahan untuk Sukan Komanwel.

Akhir sekali, mengenai lalu lintas di kawasan-kawasan tempat di mana pertandingan diadakan. Ini satu perkara yang kita mungkin ambil kira untuk masa depan, oleh kerana misal kata di dalam satu kawasan, banyak orang yang bertumpu ke kawasan itu, bagaimana kita dapat mengelakkan kesesakan lalu lintas? Mungkin ada kegiatan ataupun ada orang yang mengambil kesempatan untuk memburuk-burukkan nama negara kita. Dengan izin, they said, we cannot handle big crowds. Oleh kerana itu, saya berharap minta sedikit penjelasan daripada kementerian mengenai perkara ini.

Sekian dan terima kasih, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen diminta jawab.

7.12 mlm.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Bukit Mas kerana telah pun memberi perhatian kepada Kementerian Belia dan Sukan.

Buat sahabat karib saya dari Kepong, saya nampak daripada lenggok beliau, nampaknya puas hatilah dengan pencapaian persediaan kita untuk Sukom ini, sebab kalau tidak, Ahli Yang Berhormat dari Kepong approach masalah ini dengan cara lain. Saya boleh nampaklah, alhamdulillah, tidak banyak sangat beliau hendak komplek, jadi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Saya ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan hendak

menjemput Ahli Yang Berhormat sila datanglah kalau hendak tengok-tengok kompleks tersebut. Walau bagaimanapun, bagi menjawab.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia bangun sebelum menjawab.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Belum jawab lagi ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya terima jemputan itu sekarang. Berilah saya tahu tarikh, bila saya boleh pergi tengok di Bukit Jalil, saya akan pergi. Daripada segi aduan pun, saya ada banyak aduan juga, cuma disekatkan kerana stadium.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi ada bertanya tentang kenaikan kapasiti untuk stadium tertutup. Ingin saya maklumkan di sini bahawa ada pertambahan kapasiti dari 12,000 kerusi kepada 16,000 kerusi. Lain-lain pertambahan yang dibuat adalah footprint stadium tertutup sebanyak 30% lagi dan pertambahan kemudahan-kemudahan seperti kawasan untuk concessionaires, banqueting dan sebagainya untuk menjadi stadium tertutup ini lebih berdaya maju, iaitu commercially viable dan multipurpose. Dengan yang demikian, tidak terhadlah kepada penggunaan untuk sukan sahaja.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tentang penganjuran Olimpik, insya-Allah, satu masa nanti kita akan dapat menjadi tuan rumah. Jadi, saya inginlah memperingati Ahli Yang Berhormat bahawa siap sedialah ahli-ahli, juara-juara, johan sukan daripada Kepong. Tadi Ahli Yang Berhormat tanya apa yang kita buat, standard atlet, semua ini. Jadi saya hendak tanya balik kepada Ahli Yang Berhormat, apakah program yang Ahli Yang Berhormat buat untuk mereka yang bermastautin di Kepong. Kita hendak tahulah untuk menyungkil bakat terpendam yang ada di sana. Jadi, Ahli Yang Berhormat.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia bangun.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Saya minta maaf, Tuan Pengerusi, sebab masa lewat.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sehingga 9.30 malam.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kalau tidak beri jalan, sila teruskan.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Ya, banyak lagi, nanti kawan-kawan saya marah kepada saya,

Yang Berhormat ya, tetapi terima kasih atas perhatian yang diberi.

Jadi, untuk menjawab soalan-soalan yang dianjurkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Mas, pertama penerangan yang agak terperinci tentang penyediaan. Sepertimana yang saya katakan tadi ada beberapa perubahan yang dibuat untuk stadium tertutup. Selain daripada itu, kompleks renang kita telah pun membina bumbung di keseluruhan kompleks itu. Keduanya, pertambahan kemudahan-kemudahan untuk FINA, iaitu badan antarabangsa renang.

Akhir sekali, pertambahan yang dibuat untuk stadium utama, iaitu pertambahan satu lagi scoreboard. Kontrak asal hanya untuk satu scoreboard sahaja. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas kita ada buat beberapa ubahsuaian dan tambahan yang lain termasuklah plaza-plaza, walkway ke stesen LRT, kompleks penjaja makanan dan kerja-kerja kecantikan dan landskap. Saya ingin menyatakan di sini kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas bahawa insya-Allah, aspek keselamatan kita mengambil kira. Bagi pihak kementerian dan SUKOM ini adalah satu aspek yang kami memberi perhatian yang teliti. Kita faham tentang keadaan, insya-Allah semuanya akan berjalan dengan baik.

Begitu jugalah dengan soalan lalu lintas. Kita mempunyai satu jawatankuasa khusus untuk mengkaji tentang jika ada masalah lalu lintas yang mungkin akan menjejaskan Commonwealth Games ini kalau kita tidak mempunyai satu planning yang secara terperinci. Jadi, saya rasa itulah sahaja isu yang telah diutarakan. Buat semua saya ingin memberi jaminan bahawa insya-Allah pihak Kementerian Belia dan Sukan dan SUKOM akan menentukan semuanya dijalankan dengan sebaik mungkin. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM138,000,000 untuk Maksud P.17 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1997 di bawah Kementerian Belia dan Sukan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM138,000,000 untuk Maksud P.14 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1997.

#### **Maksud B.18 [Jadual] -**

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas. Bukit Bendera.

7.17 ptg.

**Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membahas tentang Maksud B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama, Butiran 0700 dan 110000 di mana sebanyak RM15,900,000 telah diperuntukkan.

Tuan Pengerusi, pada tahun 1980-an perusahaan getah telah dianggap sebagai satu 'sun set' industry. Ini adalah kerana pokok-pokok getah di ladang-ladang di negara Indonesia dan Thailand akan menjadi matang dan mengeluarkan getah dan memberi persaingan yang hebat kepada Malaysia. Tetapi nampaknya gambaran atau anggapan ini tidaklah betul dan perusahaan getah terus dikekal. Begitulah dengan perusahaan kelapa sawit. Jadi, saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang usaha-usaha yang dijalankan oleh Lembaga serta Institut Kemajuan Getah supaya negara Malaysia terus menjadi negara di hadapan dalam pengeluaran getah yang bermutu. Apakah kedudukan sebenarnya negara Malaysia dalam perusahaan getah jika dibanding dengan negara-negara asing seperti Brazil, Thailand dan Indonesia.

Saya ingin bertanya sama ada Malaysia dapat mengekal kedudukannya dalam hal ini? Saya percaya satu strategi yang penting adalah penyelidikan getah yang mesti dilaksanakan supaya Malaysia masih mempunyai satu competitive advantage dalam teknologi dan aplikasi getah. Ini adalah kerana upah pekerja dan sektor ini masih meningkat. Jadi, adalah mustahak untuk Malaysia memperoleh satu technology advantage dalam bentuk klon getah yang high yield, cepat matang serta sesuai untuk iklim Malaysia.

Tuan Pengerusi, dalam sejarah kemajuan getah Institut Penyelidikan Getah telah mengeluarkan banyak klon pokok getah yang telah ditanam di Malaysia dan di negara asing. Klon pokok getah adalah hasil daripada usaha-usaha penyelidikan yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Getah (RRIM). Saya ingin bertanya sama ada kebenaran mesti diperolehi oleh negara-negara asing sebelum klon-klon ini ditanam, dan sama ada Kementerian Perusahaan Utama telah mendaftarkan klon pokok getah ini sebagai satu hakcipta Malaysia di mana

sesiapa khasnya negara asing yang ingin menanam pokok klon itu mesti membayar royalti kepada Malaysia. Jika klon ini belum didaftarkan, apakah usaha yang telah dijalankan supaya klon hasil daripada penyelidikan serta kepunyaan Malaysia boleh terus menyumbang kepada kekayaan Malaysia. Saya yakin bahawa klon yang saya nyatakan itu boleh didaftarkan sebagai satu hakcipta Malaysia, kerana pengetahuan biotechnology melalui genetic code serta sistem perundangan yang sedia ada sekarang boleh membenarkan Malaysia berbuat demikian.

Tuan Pengerusi, dalam suasana krisis ekonomi dan kewangan yang dialami oleh Malaysia sekarang, sektor Perusahaan Utama boleh memainkan peranannya dalam usaha memulihkan ekonomi Malaysia dengan mengambil kesempatan di mana nilai mata wang Malaysia adalah rendah jika berbanding dengan mata wang Amerika Syarikat dan harga pasaran untuk kelapa sawit, bijeh timah dan getah permintaan pun sudah meningkat. Jadi, jika Malaysia dapat mengeksport lebih banyak kelapa sawit dan getah, kita dapat memperkukuhkan ekonomi Malaysia. Jadi, saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang usaha-usaha yang diambil oleh kementerian supaya satu disadvantage yang dialami oleh Malaysia sekarang boleh dijadikan sebagai satu advantage kepada kita. Oleh kerana sektor perusahaan utama menjadi satu perusahaan yang advantage kepada ekonomi Malaysia sekarang. Jadi, apakah penukaran its strategy yang akan dicadangkan oleh kementerian supaya satu redeployment of manpower, dengan izin, khasnya pekerja-pekerja asing dapat dilaksanakan supaya sektor perusahaan utama diberi keutamaan dalam pengagihan pekerja-pekerja khasnya pekerja asing di negara kita.

Jadi, pada kesimpulannya apakah sumbangan atau peranan Kementerian Perusahaan Utama kepada pemulihan ekonomi Malaysia dalam jangka yang pendek dan jangka yang panjang? Saya berharap peruntukan di bawah Maksud B.14 ini dapat mencapai sebahagian atau sepenuh daripada peranan atau sumbangan saya sebut tadi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kepong.

7.25 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, peruntukan yang diminta untuk Bahagian Pelesen dan Pengawasan Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia (MRELB) dan juga untuk

Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (MRRDB) adalah satu perkara yang penting memandangkan kita dalam perusahaan getah di Malaysia ini dalam satu keadaan di mana kita mesti melangkah ke hadapan untuk memperluaskan bidang ini, mempelbagaikan produk-produk getah. Sebab getah di Malaysia bukan sahaja getah semata-mata, bahkan kayu getah di Malaysia sudah menjadi satu bahan yang digunakan dengan luas, terutama untuk perabot, dan kita memang perlu satu strategi yang baru untuk memperkembang memajukan industri getah yang merupakan salah satu komoditi di negara ini yang penting walaupun pengeluaran getah berbanding dengan Thailand dan Indonesia kita sudah ketinggalan, tetapi penggunaan dan penyelidikan getah kita masih di tahap yang tinggi dan masih mendahului Indonesia dan Thailand.

Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, kita perlu membuat strategi baru termasuk saya nampak tanah Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah kalau tidak silap saya di Sungai Buloh ada lebih 350 hektar sudah pun diswastakan. Di sini saya berminat, oleh kerana di situ akan adakan satu bangunan baru, wisma baru untuk lembaga ini. Bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat mana kita berjaya untuk mewujudkan bandar raya getah? Kerana saya berminat bukan sahaja kerana saya pun dari kecil lagi ada kena-mengena dengan getah. Bahkan Sungai Buloh itu dekat dengan kawasan saya. Kalau ada bandar raya getah memang baik, saya mengalu-alukan. Cuma dari segi penggunaan dengan sepenuhnya, dari segi jimat-cermat saya hendak Yang Berhormat terangkan setakat mana kita berjaya untuk mewujudkan satu bandar raya yang akan menelan belanja mungkin RM1 bilion disebutkan dalam akhbar RM1 bilion oleh Yang Berhormat Menteri.

[Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Walau bagaimanapun, saya tidak tahu setakat mana perbelanjaannya. Cuma beberapa perkara yang hendak saya sebutkan di sini. Yang pertama, iaitu wisma getah di Jalan Ampang, apakah akan dibuat dengan wisma lama ini? Jalan Ampang luar daripada kawasan pilihan raya Yang Berhormat, tidak sampai ke sempadan. Walau bagaimanapun, kerana tanah di situ memang tanahnya emas, kalau dijual memang akan dapat harga yang sangat tinggi, tidak tahu berapa ratus juta ringgit akan didapati kalau kita jualkan tanah di mana terletaknya Wisma Getah di Jalan Ampang.

Seterusnya bilakah ibu pejabat Lembaga ini akan

dipindahkan ke Sungai Buloh, sebab di Sungai Buloh dalam rancangannya akan diwujudkan pusat penyelidikan, taman teknologi getah dan pusat pameran produk-produk getah dan juga taman untuk industri-industri yang berasaskan getah. Memang dari segi perancangan memang baik. Cuma dari segi pelaksanaannya itulah yang saya minat. Bagaimana pihak kementerian akan melaksanakan semua ini ataupun sekarang dengan penswastannya pihak kementerian tidak ada kuasa untuk mempengaruhi apa yang dibuat oleh pihak swasta untuk memajukan bandar raya getah.

Tuan Pengerusi, saya hendak sebutkan mengenai begitu pentingnya bagi kementerian untuk mempelbagaikan produk-produk getah. Setakat ini saya nampak ada sarung-sarung getah yang bermutu tinggi yang dikeluarkan di kilang-kilang di Malaysia, itu baik. Tetapi apakah tahap pencapaian dari segi produk-produk yang lain termasuk kasut, termasuk 'baldun', termasuk topi-topi renang dan juga produk-produk industri untuk mesin-mesin dan kereta-kereta. Yang pentingnya kita ada Proton Saga dan kereta-kereta nasional yang lain. Setakat mana produk-produk getah yang digunakan oleh kereta-kereta nasional ini datang kepada kilang-kilang Malaysia sendiri, itu penting. Ini satu ukuran, peratusan produk-produk getah tempatan yang digunakan oleh industri-industri termasuk motokar, ini memang penting.

Apakah perbelanjaan yang akan dikenakan untuk pusat pameran? Adakah pusat pameran ini akan dibukakan sepanjang tahun hanya untuk mempamerkan produk-produk getah ataupun setakat ada musim pameran dan sebagainya dan pusat ini boleh digunakan untuk maksud yang lain. Walau bagaimanapun, apakah perbelanjaan untuk pusat seumpama ini, yang penting kerana kita walaupun keluaran getah kita tidak boleh dibandingkan dengan negara Indonesia, tetapi dari segi yang lain kita masih mempelopori bidang ini. Dengan sedemikian, kalau kita ada pusat pameran untuk antarabangsa, maka ini satu langkah yang betul kita bukakan bukan sahaja kita hendakkan satu perniagaan future, perniagaan hadapan untuk getah di negara ini sebagai satu pusat antarabangsa, bahkan juga pameran produk-produk getah antarabangsa. Itulah yang dimaksudkan, dan saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab soalan-soalan yang telah saya timbulkan sini, dan kita sama-sama hendak menyaksikan industri getah dapat berkembang dan bermaju dengan pesat untuk secocok dengan Wawasan 2020 untuk menyahut abad yang ke-21. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

7.35 mlm.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein [Timbalan Menteri Perusahaan Utama]:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera dan juga Kepong yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini mengenai perkara-perkara yang berkaitan atau menyentuh Kementerian Perusahaan Utama khususnya dalam bidang industri getah. Bagi pihak kementerian, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Bukit Bendera bahawa industri getah bukanlah dengan izin, satu sun set industri. Kita bersetuju bahawa R&D atau P&P, penyelidikan dan pembangunan merupakan pendekatan yang paling penting dalam kita mengorak langkah ke hadapan. Kita juga bersetuju bahawa RRIM memainkan peranan yang begitu kritikal dalam usaha kita untuk membangunkan kaedah-kaedah dan juga produk-produk baru hiliran dan huluan dalam kita mengatur strategi untuk membangunkan industri ini.

Keempat, kami juga bersetuju bahawa penurunan nilai mata wang Ringgit membawa peluang keemasan kepada industri dan kepada kementerian kami yang bersandarkan kepada komoditi. Akhir sekali berkaitan dengan penurunan nilai mata wang Ringgit ini juga kita harus memikirkan isu, dengan izin, redeployment of manpower yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

Mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, buat pertama kalinya saya juga bersetuju bahawa kita harus mengorak langkah ke hadapan memikirkan kesan dan juga nilai sama ada dari segi susu getah mentah atau nilai daripada kegunaan kayu getah itu sendiri untuk pembangunan industri perabot di negara kita. Yang keduanya, betapa penting kita mempelbagaikan produk-produk getah supaya produk-produk ini yang dapat dikeluarkan dapat bersaing di dalam arena globalisasi, arena antarabangsa dengan tahap kualiti dan produktiviti yang begitu efisien dan juga kos efektif.

Maka perkara-perkara yang dibangkitkan oleh kedua-dua Yang Berhormat ini saya sangat bersetuju adalah termaktub di dalam kedua-dua dasar kerajaan. Pertamanya, di bawah dasar pertanian negara yang ketiga dan juga di bawah pelan induk perindustrian kami yang kedua, di mana strategi perkilangan kelas empat dan juga strategi

perindustrian yang berasaskan kelompok memberi penekanan kepada efisiensi dan produktiviti dan juga kualiti. Di bawah pelan induk perindustrian yang kedua ini, penumpuan aktiviti yang saling berantainya atau berkaitan, iaitu pembekal, perkhidmatan sokongan kritikal, prasarana dan institusi juga yang saling bergantung menjadi satu fokus kelompok industri ini. Penekanan pertumbuhan yang didorongi oleh produktiviti pula, peningkatan nilai ditambah dan juga R&D yang dibangkitkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini juga penting untuk memastikan perkilangan plus-plus, iaitu nilai ditambah sama ada upstream atau downstream, dengan izin.

Khusus kepada kumpulan industri yang berasaskan sumber, Tuan Pengerusi, teknologi asal tempatan seperti dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera dan juga rangkaian perindustrian yang sedia ada mempunyai potensi untuk berkembang maju sebagai kelompok perindustrian berasaskan sumber yang begitu hebat dan boleh bersepadu dan berdaya saing. Ini tidak ada siapa boleh menafikan. Walaupun kita memasuki era multi-media dan era teknologi canggih dan penekanan diberikan kepada industri-industri yang berintensifkan modal dan juga berintensifkan teknologi, tidak ada siapa yang boleh menafikan bahawa teknologi asal tempatan dan juga rangkaian perindustrian yang sedia ada dalam industri yang berasaskan sumber merupakan the state of the art and the cutting edge of R&D, dengan izin, dalam industri ini. Maka kelebihan yang ada di bawah P&P dalam kelapa sawit atau di dalam getah harus kita memperhebatkan lagi, memperkukuh dan juga memelihara dan mempelbagaikan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, kerana sektor-sektor ini yang ingin kita kembangkan supaya dapat bersaing dalam era globalisasi ada syarat-syaratnya, iaitu syarat untuk meluas dan menggalakkan produk nilai ditambah. Kita tidak boleh hanya memikirkan dan bergantung kepada susu getah mentah sahaja, tetapi memikirkan bagaimana kita boleh mengeluarkan klon-klon baru di mana kayu getah itu sendiri boleh digunakan sebagai industri sokongan kepada industri perabot downstream.

Peningkatan P&P dan teknologi walaupun kita ada teknologi asal tempatan dan juga rangkaian yang sedia ada, usaha sedang dijalankan untuk mempertingkatkan lagi usaha-usaha R&D ini. Kedua, peningkatan sumber manusia, dan akhir sekali memperbaiki rangkaian dalam pendekatan kedua-dua dasar tadi untuk meningkatkan daya saingan, efisiensi, kualiti dan produktiviti getah.

Mengenai isu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bendera mengenai RRIM. Saya, awal tadi menyatakan memang saya bersetuju sangat bahawa RRIM merupakan satu agensi yang paling kritikal dan memainkan peranan yang begitu penting dalam membangunkan produk-produk baru dan produk-produk downstream dalam industri getah ini. Tetapi RRIM hanya merupakan satu badan agensi yang di bawah MRRDB yang kita memohon peruntukan tambahan pada hari ini.

Di bawah sistem MRRDB ini terdapat badan yang menjalankan operasi seperti saya sebutkan tadi RRIM. Tetapi selain daripada RRIM wujud juga Machine Rubber Produces and Research Association yang mengendalikan Makmal Tun Abdul Razak Research Centre dan juga TARRCC di London dan Biro Getah Malaysia juga beroperasi - makmal-makmal - untuk menjalankan R&D bagi sektor hulu dan juga hiliran, manakala TARRCC tadi menjalankan R&D hiliran semata-mata. Bermakna ada banyak agensi-agensi yang telah diwujudkan, dan ini harus kita gembeng, harus kita fokus memberikan tumpuan, kerana seperti yang disebutkan peluang yang wujud sekarang dengan penurunan nilai mata wang Ringgit adalah peluang keemasan untuk kita menggunakan kelebihan yang ada dalam industri-industri berasaskan sumber ini untuk membantu ekonomi negara. Ini yang disebutkan oleh pucuk pimpinan, di mana fundamental ekonomi negara kita masih lagi kukuh, masih lagi kuat, masih lagi utuh dengan sebahagian besarnya ialah bergantung kepada industri yang bersandarkan kepada komoditi dan juga kepada pertanian. Sebagai contoh, Keluaran Negara Kasar bagi sektor pertanian ialah 13.5% dalam tahun 1995. Eksport komoditi nilai jumlahnya ialah RM35.6 bilion yang merupakan 22.4% bagi tahun 1995 dan juga dari segi penggunaan tenaga kerja bagi sektor komoditi ialah RM1.43 juta atau 18.1% jumlah tenaga kerja yang ada di negara kita. Tetapi yang lebih penting dalam industri ini bahawa peratusan komponen tempatan selain daripada buruh asing yang digunakan di plantation-plantation, dengan izin, kebanyakan ialah local input. Bermakna tidak ada komponen yang harus kita import, dan ini menjadi kelebihan dalam keadaan ekonomi kita sekarang, dan keduanya produk-produk yang kita jual dan juga harga-harga kelapa sawit telah melambung tinggi kerana kita mengeksportnya dan menjualnya dalam Ringgit US Dollar.

Ini adalah kelebihan-kelebihan yang membuatkan sektor ini amat penting. Kita harus menggunakan kesempatan yang ada ini untuk memperhebatkan

lagi kekuatan yang sedia ada. Mengenai redeployment of manpower, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah pun menyatakan bahawa beliau akan membentangkan cadangan ini kepada pihak Jemaah Menteri dalam Kabinet untuk menekankan supaya dalam kelebihan yang ada ini mungkin sedikit tumpuan atau sedikit kelonggaran diberikan kepada sektor komoditi dari segi masalah kekurangan tenaga kerja. Tetapi ini harus difikirkan di pihak Jemaah Menteri kerana seperti Yang Berhormat tahu sendiri bahawa banyak perkara yang harus diberi perhatian bukan sahaja dari segi pertumbuhan ekonomi kita, tetapi kesan sosial dan sebagainya dan tiap-tiap kementerian berhak untuk mengeluarkan pemikiran dan tumpuan dari isu tenaga buruh ini. Tetapi insya-Allah, Kabinet akan membuat keputusan tidak lama lagi dibawa oleh menteri kami, tetapi dari aspek Kementerian Perusahaan Utama, perkara ini dalam perhatian kita dan kelebihan dan peluang yang sedia ada kepada kami pada hari ini mungkin memberikan kita sedikit kekuatan dalam hujah kita untuk memberikan penumpuan sedikit kepada industri ini.

Inilah kelebihan Kerajaan Barisan Nasional bahawa kita begitu pragmatik dalam tindakan kita, dan sekiranya ada kelebihan dalam sektor-sektor tertentu, ini akan dimanfaatkan. Mulai permintaan Yang Berhormat dari Bukit Bendera untuk contoh-contoh bagaimana research and development tadi telah dibawa oleh RRIM tadi, dan bagaimana desakan Yang Berhormat dari Kepong untuk kita mempelbagaikan produk-produk getah. Ini hanya tiga minggu lalu sebagai contoh, RRIM telah mewujudkan satu kilang khas bagi penggantian R&D serta latihan kepada pengusaha produk getah, iaitu pada 29 September 1997. Kilang penyelidikan dan pembangunan ini khusus kepada getah memberikan tumpuan bukan sahaja kepada pengilang-pengilang besar-besaran, tetapi banyak juga pekebun-pekebun kecil yang ingin menggunakan kilang ini untuk kemudahan kita memproses atau melibatkan dalam keluaran sarung getah sebagai contoh yang disebutkan tadi. Ini adalah satu pendekatan baru di mana RRIM telah pun peka dan prihatin dalam perkara ini.

Mengenai Lembaga Getah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, suka saya maklumkan bahawa Akta Penubuhan Lembaga Getah ini diluluskan pada Julai 1996, dan apabila akta ini dikuatkuasa kelak, tiga agensi tadi, iaitu MRRDB, RRIM dan juga MRELB yang kita mohon peruntukan hari ini akan dibubar dan tempat fungsi agensi ini akan diambil alih oleh Lembaga Getah

Malaysia yang telah diluluskan oleh Parlimen. Pembubaran ketiga-tiga agensi getah ini supaya kita tidak ada pertindihan, dan kita harus ada proses right sizing supaya industri ini lebih efisien. Adalah pada awalnya lembaga dirancang untuk dikuatkuasakan pada 1 Julai tahun ini, tetapi mengenai masalah berkaitan dengan kakitangan yang berlebihan, kementerian berpendapat supaya ia dikuatkuasakan hanya pada 1 Januari 1998. Maka di atas penangguhan keberkuatkuasaan lembaga ini kepada Januari tahun depan, maka sebab itulah kita telah mohon peruntukan bagi ketiga-tiga agensi yang saya sebutkan di bawah permohonan kita pada hari ini, kerana sebelum ini peruntukan itu hanya dikhususkan kepada lembaga yang belum siap sedia untuk menerima pembubaran ketiga-tiga agensi tadi. Tetapi insya-Allah, 1 Januari 1998 lembaga ini akan berjalan dengan lancar dan perkara-perkara yang dibangkitkan secara terperinci oleh Yang Berhormat dari Kepong, apa yang kita akan buat dengan Wisma Getah bila lembaga sudah berpindah ke Sungai Buloh, bagaimana tindakan kita mengenai pusat pameran dan sebagainya, permasalahan kita dari segi lembaga ini ialah untuk memastikan bahawa proses pemindahan berjalan dengan lancar dan pekerja-pekerja di bawah ketiga-tiga agensi ini terbela dan mendapat pembelaan dalam proses pembubaran dan pengwujudan satu lembaga yang baru. Tetapi insya-Allah, 1 Januari ini seperti Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, saya sendiri akan bawa Yang Berhormat dari Kepong dan kita akan melawat pameran-pameran dan cadangan-cadangan yang diberikan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya memang terima, beri saya tarikh.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Cukuplah!

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tarikh, kita akan bincang di luar ya. Itu sahaja yang ingin saya bercadang menjawab pada malam ini. Perkara-perkara yang mungkin saya tidak perasaan atau tidak sempat memberi jawapan yang terperinci, saya akan berikan melalui tulisan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM15,900,000 untuk Maksud B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputukan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM15,900,000 untuk Maksud B.18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud B.19 [Jadual] -**

**Maksud P.19 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1997] -**

**7.51 mlm.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, B.19 mengenai Pembiayaan Untuk Skim Subsidi Baja Padi. Setiap tahun kerajaan memperuntukkan lebih kurang RM500 juta untuk subsidi padi, satu angka yang sangat tinggi bagi beras yang hanya dapat menampung keperluan 70% sahaja dan 30% beras kita terpaksa import. Bagi saya adalah masanya untuk kita untuk mempertingkatkan produktiviti bagi tanaman padi dan untuk menggalakkan penanam padi tanpa subsidi. Kerana subsidi bagi tanaman bukan sahaja padi, bahkan juga jenis yang lain memang meningkat dari setahun ke setahun dan kos pengeluaran subsidi memang meningkat. Apabila ada cadangan untuk menarik balik atau membatalkan subsidi ini, maka wujudlah bnatahan yang hangat. Memang bukan sahaja di Malaysia, bahkan di Prancis, Amerika Syarikat, United Kingdom dan negara-negara lain yang memberi subsidi kepada tanaman pertanian.

Sebab itulah saya percaya bahawa inilah masa untuk kita berfikir untuk jangka panjang bagaimana kita dapat menyekat kos pengeluaran beras di negara ini. Pertama, kita pun tahu dan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun seringkali sebut di dalam Dewan yang mulia ini banyak tanah tanaman padi tidak ekonomik di negara ini. Seterusnya kalau tidak ekonomik, bagaimana kita boleh jadikan lot-lot tanah ini lebih ekonomik. Satu cadangan yang pernah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah untuk mengumpulkan dan menggembelengkan tenaga dan untuk mengumpulkan tanah-tanah tanaman padi ini. Di sinilah saya hendak tanya setakat mana skim untuk menggembeleng tenaga dan untuk mengumpul tanah ini dapat dijayakan di seluruh negara, bukan sahaja yang sering disebutkan di Tanjong Karang kalau tidak silap saya, pernah disebutkan oleh Yang Berhormat dengan megah, dengan bangga wah! keluaran bertambah daripada 3.5 tan kepada 7 tan satu hektar, kerana skim menggembelengkan tenaga dan pengumpulan tanah ini. Walau bagaimanapun, itu Tanjong Karang sahaja. Saya berharap apa yang berlaku di Tanjong Karang dapat dilakukan di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat kerajaan bermaksud hendak dengan beransur-ansur membatalkan subsidi padi? Saya percaya sekarang tidak mustahil kerana bantahannya hangat. Tetapi dari segi jangka panjang, adakah rancangan untuk

secara beransur-ansur membatalkan subsidi? Yang kedua, apakah peruntukan untuk skim bagi menggembeleng tenaga petani dan juga mengumpulkan tanah selain daripada Tanjong Karang. Bila kita mengumpulkan tenaga dan mengumpul tanah ini, maka tanah-tanah ini lebih ekonomi dan boleh menggunakan mesin-mesin untuk menanam dan untuk mengeluarkan padi. Di sinilah letaknya satu perkara yang terpenting sekali untuk industri padi Malaysia.

Saya diberitahu bahawa kementerian sudah mengenalpastikan tanah yang boleh dimajukan sebagai tanaman padi secara komersial. Bukan sahaja di negara ini, bahkan juga pelaburan di negara asing. Bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat mana kita berjaya untuk mengenal pasti tanah-tanah di dalam negara ini dan pelaburan. Ada pernah disebutkan di Pulau Hainan kalau tidak silap saya untuk menanam padi di situ dan juga di Vietnam, pernah disebutkan dan saya hanya menanya secara susulan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di sini.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja soalan-soalan saya bangkitkan, sedikit-sebanyak saya harap dapat membantu pihak kementerian untuk memajukan industri padi, walaupun belum jadi industri lagi supaya jadi industri padi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta jawab, Timbalan Menteri.

**7.57 mlm.**

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong kerana masih lagi berminat mengenai industri padi. Sebagaimana kita ketahui padi adalah makanan asasi negara walaupun ia tidak begitu viable tetapi kita terpaksa mempertahankan pengeluaran padi. Jadi, dengan sebab itu kementerian saya telah merancang sekurang-kurangnya 65% mesti dikeluarkan walaupun dengan pemberian subsidi terpaksa dijalankan.

Memang betul sebagaimana Yang Berhormat menyatakan tadi bahawa subsidi padi lebih kurang RM500 juta setiap tahun dikeluarkan. Ini termasuk subsidi baja yang sedang kami pohon untuk tambahan. Subsidi baja hitung panjang RM100 juta setahun. Tetapi bagi tahun 1997 peruntukan tambahan diminta kepada RM43.42 juta bagi menampung kekurangan pada tahun-tahun yang lalu.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada masa ini kementerian tidak ada rancangan untuk

membatalkan subsidi, kerana kementerian mendapati bahawa belum sampai masanya penanam-penanam padi terdiri di atas kaki sendiri kerana memandangkan pendapatan hasil padi adalah tidak berapa menguntungkan kalau ianya tidak diberi pertolongan. Jadi, ini saya rasa tidak begitu hairan kerana penanam-penanam kacang soya di Amerika juga sampai kini masih diberi dengan subsidi yang agak besar kalau hendak dibandingkan dengan padi kita. Wal hal kacang soya bukan merupakan tanaman asasi, tetapi itu merupakan tanaman keperluan untuk sampingan.

Jadi, dengan sebab itu tidak timbullah wujudnya bantahan-bantahan dari penanam-penanam padi dan tidak timbul juga Ahli Yang Berhormat bertanya kepada saya bila agaknya subsidi ini akan dibatalkan kerana ini mungkin modal politik, kalau saya jawab barangkali berapa puluh tahun lagi, jadi mungkin Ahli Yang Berhormat baik tidak mengapa, tetapi Ahli-ahli DAP lain akan melihat *Hansard* besok dan akan pergi masuk kampung dan mengapi-apikan rakyat.

Jadi, sebab itu sehingga kini tidak ada apa-apa rancangan untuk membatalkannya. Insyaa-Allah, kita akan teruskan, tinggal lagi untuk menjadikan ianya tanaman yang viable, saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa kita terpaksa menambahkan produktiviti kita di atas bidang tanah yang ada di negara kita. Sebab itu, saya mengatakan tanaman padi ini tidak ekonomik kerana saiz tanah itu kecil iaitu sekitar satu hektar atau kurang daripada satu hektar pada satu petani.

Jadi, dengan sebab itu, Ahli Yang Berhormat bertanya sejauh mana skim mengemblemkan tanah dijalankan bagi menambahkan lagi ekonomik tanaman padi. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, bukan di Tanjong Karang sahaja, kita telah berjaya di kawasan MADA, di kawasan KADA dan juga di kawasan Barat Laut Selangor dan juga lapan buah jelapang padi yang lain yang ada di seluruh negara kita.

Walau bagaimanapun, memanglah menjadi keberatan kepada petani untuk menyerahkan tanah mereka dikerjakan oleh mana-mana pihak. Jadi, dengan sebab itu kementerian saya menerusi pertubuhan peladang dan pertubuhan-pertubuhan peladang kawasan akan terus mengadakan kempen supaya penyerahan tanah sawah untuk dikerjakan oleh pertubuhan-pertubuhan peladang akan dapat dipergiatkan lagi supaya dalam saiz yang lebih besar dan tidak ada batas-batas yang dapat mengganggu gugat daripada jentera ladang tadi, maka sudah pasti hasilnya akan berlipat kali ganda.

Kita telah cuba bahawa ada sampai sepuluh tan satu hektar, malah di Tanjong Karang sudah sampai ke 12 tan satu hektar, sedangkan average negara kita baru 3.6 tan, tetapi walaupun begitu ianya mestilah mempunyai saiz yang besar.

Soal-soal yang lain, saya rasa tidak begitu timbul dan saya percaya Ahli Yang Berhormat tentu menyokong penuh usaha yang dibuat ini adalah untuk kesejahteraan negara kita. Jadi, itu sahaja jawapan saya dan saya tidak hendak jemput Ahli Yang Berhormat melawat sawah-sawah padilah, kerana saya tahu mungkin akan mendatangkan penyakit gatal kulit dan sebagainya, [*Ketawa*] kerana banyak musuh-musuh padi yang akan mengesankan kepada kulit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun pula.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya pergi dan kerap kali juga.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Jadi, sebab itu biarlah kementerian-kementerian lain tadi memberi tawaran kepada Ahli Yang Berhormat. Kementerian saya tidak dapat memberi tawaran kerana saya kasihkan kepada Ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM43,426,100 untuk Maksud B.19 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM43,426,100 untuk Maksud B.16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM30 untuk Maksud P.19 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM30 untuk Maksud P.19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1997.

**Maksud B.22 [Jadual] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Bekalan B.22 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong.

8.04 mlm.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, tak baiklah tidak ada orang membahas kerana ini satu perkara yang sangat penting bagi B.22 yang diminta untuk ditambahkan peruntukannya ialah untuk promosi Sukan Komanwel di luar negara dan juga untuk pementasan dan pameran kesenian kebudayaan negara-negara peserta Sukan Komanwel dan juga untuk Persidangan ASEAN Tourism 1997.

Tuan Pengerusi, ini semua merupakan satu perkara yang sangat penting kerana kita nampak daripada pelancongan memang dapat meraih keuntungan dari segi tukaran asing kepada negara kerana pada tahun yang lepas kita mencatat satu amaun RM11.2 bilion daripada pelancongan. Sebab itulah semua yang dilakukan oleh pihak pelancongan adalah penting sekali. Walaupun buat ketika ini industri pelancongan kita telah terjejas dengan jerebunya.

Tuan Pengerusi, beberapa bulan yang lepas, ada satu peristiwa di mana Pengerusi Sukom hendak meletakkan jawatan dan salah satu perkara yang timbul ialah mengenai promosi Sukom. Saya nampak dua bulan yang lepas dari televisyen dan media cetak dan sebagainya tak banyak promosi dan ada baik sedikit dalam dua, tiga bulan ini di TV dan sebagainya dan saya tidak nampak promosi di luar negara, cuma dari segi peruntukan yang diminta RM20 juta sangat besar jumlahnya dan bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat mana dapat membuat promosi untuk Sukom bagi menarik para pelancong datang ke Malaysia dan juga mengenai RM10 juta yang digunakan untuk pementasan dan pameran kesenian kebudayaan negara-negara peserta Sukom 1998. Di manakah akan diadakan pementasan dan pameran ini, adakah di Kuala Lumpur ataupun di negara-negara masing-masing, sebab di dalam penjelasan Maksud B.22 tidak ada butiran yang lebih lanjut, sebab itulah saya bertanya di sini.

Akhir sekali, mengenai Persidangan ASEAN Tourism 1997 saya pun tidak tahulah setakat mana kita berjaya untuk mengadakan persidangan ini dan apakah yang dilakukan di dalam persidangan ini sehingga kita memerlukan RM4 juta untuk maksud

itu, apakah keuntungan yang didapati oleh Malaysia daripada wang yang telah dibelanjakan itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila jawab.

8.10 mlm.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]:** Tuan Pengerusi, bagi pihak kementerian, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Saya ingin menyentuh tentang Persidangan ASEAN Tourism 1997 dahulu, perbelanjaan sebanyak RM4 juta, wang ini telah kita belanjakan iaitu pada bulan Januari kita menjadi tuan rumah kepada persidangan ini di mana negara-negara ASEAN mengambil bahagian. Dalam persidangan ini kita ada menjemput wakil-wakil daripada negara-negara ASEAN untuk besidang. Bagaimana mencari jalan, persefahaman untuk mempertingkatkan lagi pelancongan di antara negara-negara ASEAN ini dan di sini juga kita mengadakan bengkel di mana kita menemukan pembeli dan penjual secara bertemu muka dan dalam persidangan ataupun bengkel-bengkel ini banyak kontrak dan juga pakej-pakej telah dapat dijanjikan dan dijual antara pembeli dan penjual.

Sudah tentunya acara yang berlaku setiap tahun ini ia diadakan bergilir-gilir di negara ASEAN membawa kebaikan di antara negara-negara ASEAN dalam bidang pelancongan terutamanya persefahaman masalah yang berkaitan dengan perjalanan pelancong antara satu tempat ke satu tempat.

Keduanya, mempertingkatkan lagi perdagangan pelancongan, kontrak-kontrak dan hubungan antara penjual dan pembeli secara terus dan daripada sini untuk kepentingan negara kalau kita melihat perangkaan kedatangan pelancong, setengah daripada jumlah pelancong-pelancong yang datang mengunjungi kita adalah daripada negara-negara ASEAN. Jadi, saya rasa memang membawa manfaat walaupun jumlah RM4 juta telah kita belanjakan untuk mengadakan persidangan ini.

Keduanya, ialah pertanyaan beliau tentang promosi Sukan Komanwel. Jadi, dengan peruntukan ini, maka kita membantu Sukom membuat promosi di luar negeri daripada segi cetak mencetak majalah dan juga menggunakan media elektronik dan membuat penerangan kepada mereka

yang terlibat di luar negeri. Mungkin wang yang lebih banyak membolehkan kita membuat promosi yang lebih berkesan, tetapi dengan adanya peruntukan yang begini, kita yakin juga satu kerja yang baik dapat kita lahirkan.

Saya ingin juga menerangkan tentang pameran kesenian kebudayaan negara-negara peserta Sukan Komanwel. Ini tajuk besarnya, tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bahawa tahun hadapan ialah Tahun Sukan dan Rekreasi di Malaysia ini dan tahun itu juga kita mengadakan pesta kebudayaan sepanjang tahun yang mana kita mengadakan pameran kebudayaan daripada negara-negara Komanwel, menjemput mereka datang ke sini dan membuat persembahan.

Kita tidak memberi tambang kepada mereka tetapi penginapan dan perbelanjaan mereka di sini memanglah ditanggung oleh kerajaan dan kita yakin dengan pameran kebudayaan dan kesenian daripada negara kita terutamanya dan juga peserta-peserta daripada negara lain yang berkemuncak dalam masa Sukan Komanwel itu berlangsung nanti akan memberikan suasana Sukan Komanwel itu lebih meriah dan dapat menarik minat pelancong-pelancong datang ke negara kita untuk tahun itu.

Kalau Ahli Yang Berhormat tidak sempat untuk mengikutinya, semasa Sukan Komanwel nanti, kita akan mengadakan pertunjukan yang berterusan di Dataran Merdeka, mungkin kalau Ahli Yang Berhormat berminat, saya juga boleh menjemput Ahli Yang Berhormat datang kerana di situ tidak ada pacat, tidak ada lintah, kalau pergi ke sawah ada. Jadi, saya rasa Ahli Yang Berhormat dapat faham dengan penerangan saya yang ringkas itu. Kita boleh memberi janji kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kita menggunakan perbelanjaan ini dengan cermat dan memastikan kepulangan daripada wang-wang yang kita belanjakan itu kerana kementerian tahu segala perbelanjaan itu adalah datangnya daripada wang rakyat.

Tuan Pengerusi, sekian sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM49,000,000 untuk Maksud B.22 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM49,000,000 untuk Maksud B.22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

#### **Maksud B.25 [Jadual] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Bekalan B.25 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Kepong.

**8.15 mlm.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, B.25 adalah mustahak dibahaskan kerana wang yang diminta sebagai tambahan ialah RM80 juta dan negara kita sudah menghantar satu pasukan angkatan tentera ke Bosnia-Herzegovina tetapi ketika ini pihak NATO sedang mempertimbang sama ada hendak menamatkan penghantaran pasukan-pasukan daripada NATO dan seterusnya saya percaya Malaysia pun kalau mereka tarik balik, Malaysia pun terpaksa tarik balik dan saya nampak tidak ada orang yang boleh menjawab hari ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** [Mengangguk]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh, mengganti. Jadi, dwi perananlah tugas sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri dan juga Kementerian Pertahanan. Saya percaya Kementerian Dalam Negeri, kerjanya pun tak boleh habis sekarang hendak ambil peranan yang lain pula, susah sedikit.

Walau bagaimanapun, ini satu perkara yang penting kerana negara ini sedang membincang untuk menarik balik pasukan mereka dan di Amerika mereka memang pasukan yang terbesar datang daripada Amerika Syarikat dan Bill Clinton pun sedang mempertimbangkan sama ada hendak menarik balik sekarang ataupun terus menghantar pasukan Amerika ke Bosnia-Herzegovina, sebab memang perkara dan peristiwa di Bosnia-Herzegovina masih tidak stabil, walaupun ada pilihan raya dan sebagainya termasuk di Bosnia dan juga bahagian-bahagian di pihak Serb dan sebagainya dan pihak Croatia tetapi saya nampak keputusan pilihan raya dan juga pertikaian dan percanggahan dan juga perang bukan senjata masih berterusan di kawasan Bosnia-Herzegovina dan dengan pergolakan sedemikian adakah pihak Kerajaan Malaysia, pihak Kementerian Pertahanan mempertimbangkan hendak menarik balik pasukan Malaysia di Bosnia-Herzegovina.

Sebenarnya, pasukan kita adalah di bawah pasukan pemerintahan NATO, dengan sedemikian apakah pendirian pihak Malaysia mengenai pasukan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat, diminta jawab.

8.18 mlm.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang telah bangun untuk berucap bagi perbahasan peruntukan tambahan Kementerian Pertahanan.

Kalau tadi beliau mengatakan bahawa saya tak habis kerja di Kementerian Dalam Negeri sudah ambil pula bahagian dalam Kementerian Pertahanan, tetapi saya pun ingin juga mengucapkan tahniah kepada beliau. Nampaknya di kalangan anggota pembangkang ini Kepong seorang sahajalah yang nampaknya berminat, yang lain bukan sahaja tidak mengambil bahagian, muka pun tidak nampak dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita sedia maklum, angkatan tentera kita telah dihantar ke Bosnia-Herzegovina dan kita sedia maklum bahawa kalaulah tentera Malaysia tidak dihantar ke Bosnia-Herzegovina kemungkinan negara itu akan mengalami satu mala petaka yang lebih besar dan oleh kerana kehadiran angkatan tentera kita di Bosnia, maka akhirnya negara ini telah dapat mencapai keadaan yang lebih selesa dan keamanan telah dapat dipulihkan di negara ini.

Tuan Pengerusi, oleh itu, saya merasakan bahawa permohonan peruntukan yang dipohon oleh kementerian, walaupun sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat tadi agak banyak, tetapi memandangkan kepada sumbangan yang telah dapat kita buat di Bosnia ini, maka saya merasakan bahawa peruntukan yang kita pohon ini adalah amat sesuai dan telah dibelanjakan dengan baik.

Berkenaan dengan kedudukan tentera kita di Bosnia-Herzegovina, pendirian kita ialah kita hanya akan menarik balik tentera kita dari sana apabila mendapat arahan ataupun signal daripada NATO.

Tuan Pengerusi, kita terpaksa berbuat demikian kerana kita juga mahu supaya bak kata pepatah Melayu, 'alang-alang kita menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan'. Jadi, oleh kerana kita telah pun berada di sana dalam keadaan yang lebih teruk daripada ini dan sekarang keadaan di negara ini lebih aman dan kita berhasrat untuk kekal di sana selagi peranan kita diperlukan dan kalau misalnya yang lain-lain menarik diri keluar dari sana dan kita dapati bahawa penarikan kita tidak akan menggugat kestabilan dan keamanan Bosnia, maka kita juga akan turut berbuat demikian.

Berkenaan dengan peranan ini juga NATO sedang berbincang berkenaan dengan hendak menarik balik tentera dari Bosnia, begitu juga dengan pihak Amerika. Kerajaan Malaysia masih belum memutuskan lagi sama ada untuk menarik balik anggota tentera kita, ini bergantung kepada keadaan di Bosnia dan juga sejauh mana peranan yang hendak dimainkan oleh NATO di sana.

Jadi, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kita akan menarik balik tentera kita, seandainya kita dapati bahawa kalau kita berbuat demikian, keadaan Bosnia ini selamat dan stabil. Kita tidak mahu dengan penarikan diri kita daripada Bosnia, maka rakyat di Bosnia ini akan menghadapi satu mala petaka yang mungkin lebih teruk daripada apa yang telah mereka alami dahulu.

Tuan Pengerusi, saya rasa oleh kerana apa yang kita bincang ini merupakan 'kalau', jadi, apabila sampai masanya saya yakin kita akan dapat membuat keputusan yang bukan sahaja boleh menarik perhatian dunia tetapi juga mendapat sokongan daripada rakyat Malaysia sendiri termasuk Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM80,000,000 untuk Maksud B.25 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM80,000,000 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud B.26 [Jadual] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Bekalan B.26 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Ya, Bukit Mas.

8.23 mlm.

**Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Di sini saya ingin bertanya sedikit sahaja tentang perbelanjaan yang telah diperuntukkan untuk Kementerian Pendidikan sebanyak RM33,390,000 dikehendaki untuk membiayai Program Skim Latihan Akademik Bumiputera bagi tahun 1997, sekiranya boleh minta Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri menerangkan tentang Skim Latihan Akademik Bumiputera ini secara terperinci dengan sejelajelasnya tentang pencapaian, adakah ini khas untuk

menggalakkan atau mendorong bumiputera untuk berkecimpung di arena pendidikan, memandangkan di dalam negara kita kebanyakan penduduk adalah daripada bahagian luar bandar dan juga di bandar-bandar adalah bumiputera dan oleh kerana itu, saya ingin supaya menteri yang bertanggungjawab dapat menerangkan dengan secara terperinci. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Kepong.

8.25 mlm.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, saya nampak setiap tahun ada timbul masalah perbelanjaan dan pembiayaan untuk program Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan tahun ini tidak dikecualikan.

Walau bagaimanapun, saya tidak akan panjang lebar untuk memperbincangkan skim ini, cuma bolehkah Yang Berhormat terangkan dengan secara kasarlah apakah latihan yang telah pun diberi kepada pihak akademik bumiputera dan bilakah skim ini akan diberhentikan, kerana kalau skim ini dapat kejayaan pada tahap yang tertentu, besar kemungkinan pihak kementerian akan membatalkan dan wujudkan skim latihan untuk semua rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

8.26 mlm.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Kementerian Pendidikan, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan peruntukan untuk Kementerian Pendidikan di peringkat Jawatankuasa ini.

Pertama, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas telah bertanyakan tentang konsep SLAB dan kesannya. Memang sejak ia ditubuhkan beberapa tahun dahulu, tidak boleh dinafikan bahawa skim ini telah berjaya dengan menarik minat dan memberi latihan kepada beberapa orang ahli akademik bumiputera yang sekarang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada universiti-universiti, malahan ada beberapa calon-calon yang telah diberi latihan dalam skim ini, sekarang sudah jadi tokoh akademik untuk universiti-universiti tempatan.

Jadi, kita berasalah melalui SLAB ini, universiti-universiti tempatan telah dengan jayanya bukan sahaja menarik minat rakyat bumiputera kepada universiti-universiti tempatan sebagai pensyarah dan profesor dan sebagainya tetapi juga telah dengan jayanya mempertingkatkan kemahiran mereka supaya universiti-universiti tempatan itu boleh muncul sebagai pusat kecemerlangan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah bertanya apakah latihan yang diberi. Di bawah konsep SLAB ini kita pilih calon-calon untuk mengikuti program latihan di universiti-universiti kenamaan sama ada dalam negeri atau di luar negeri, di bidang-bidang yang kita perlukan seperti sains dan teknologi, perubatan dan sebagainya dan kita perlukan calon-calon itu mengikuti program latihan sampai ke peringkat Ph.D untuk calon-calon bukan perubatan dan sampai peringkat kepakaran yang boleh diiktiraf oleh Majlis Perubatan untuk mereka di bidang perubatan.

Dan Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah bertanya bilakah skim ini boleh diberhentikan. Untuk Kementerian Pendidikan, saya rasa soalan ini kita selalu kaji kesannya sebagai peruntukan untuk menarik bumiputera kepada universiti sebagai pensyarah dan sebagainya. Jadi, bagi Kementerian Pendidikan ini adalah satu peruntukan yang baik untuk tentukan bahawa universiti-universiti tempatan kita boleh terus ada staf yang cemerlang untuk berkhidmat di universiti-universiti.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Sebagai jawapan atau keterangan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, SLAB ini bukan ertinya calon-calon bukan bumiputera tidak mempunyai peluang untuk mendapat latihan dari pihak tertentu untuk dijadikan sebagai pensyarah dan sebagainya. Selain dari SLAB ini, universiti-universiti tempatan pun ada program-program lain di mana mereka memberi misalnya study leave dan misalnya bantuan sokongan kewangan kepada pensyarah-pensyarah yang lain untuk mengikuti program-program sehingga mereka dapat Ph.D dan sebagainya. Jadi, SLAB ini adalah khas untuk bumiputera. Universiti-universiti tempatan juga ada program-program yang lain itu di mana mereka memberi latihan lanjutan kepada semua pensyarah yang sedang berkhidmat di universiti tersebut.

Saya sekali lagi ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan peringkat Jawatankuasa ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM33,390,000 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM33,390,000 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud B.28, B.29, B.30, B.31 dan B.32 [Jadual] -**

**Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1997] -**

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.28 hingga B.32 dan P.28 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

8.31 mlm.

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud Bekalan B.29 di mana adalah dinyatakan bahawa tambahan sebanyak RM66,377,000 adalah dikehendaki untuk membiayai subsidi harga bahan-bahan petroleum.

Di sini saya ingin tahu butiran yang lebih terperinci macam mana tambahan ini akan diagihkan dan macam mana pengguna-pengguna boleh mendapat faedah daripada subsidi harga bahan-bahan petroleum kerana apa yang saya tahu bahawa dengan harga petroleum sekarang sepatutnya pihak kerajaan dengan menjual harga petroleum dengan lebih tinggi, bukanlah rugi tetapi sebaliknya boleh dikatakan untung.

Ini adalah kerana apabila kalau kita melihat harga setong minyak semasa Perang Teluk pada tahun 1990/1991, harganya dalam lingkungan US\$40, tetapi harga pasaran dan harga runcit petroleum yang dijual adalah sekadar RM1.10 ataupun RM1.13, tidak ada banyak perubahan. Sungguhpun sekarang lima tahun kemudian, harga petroleum sudah turun daripada US\$40 se tong sudah turun kepada kira-kira US\$20 atau lebih sedikit setong sekarang.

Sungguhpun ia telah turun hampir 50% tetapi adalah diperhatikan bahawa harga runcit petrol, kalau turun pun adalah sekadar tiga sen atau empat sen seliter. Oleh yang demikian, saya hendak bertanya macam mana kita perlukan tambahan untuk subsidi untuk harga bahan petroleum, adakah ia merangkumi harga bahan-bahan petroleum yang dijual atau harga-harga minyak yang dijual untuk

kegunaan orang ramai ataupun hanya khusus untuk barang-barang industri sahaja kerana sebaliknya kerajaan patut mendapat tambahan, bukan membuat imbuhan. Saya rasa ini haruslah diperjelaskan dengan lebih lanjut dan saya pernah menyatakan perkara ini berkali-kali, tetapi nampaknya pihak berkenaan, pihak kementerian lebih suka membuat satu penjelasan secara kasar dan am, tanpa memberikan penjelasan yang lanjut dan saya rasa ini tidak akan membantu perbahasan dalam Dewan yang mulia ini dan juga tidak akan membantu usaha kita mencapai akauntabiliti dan ketelusan dengan lebih meningkat lagi.

Tuan Pengerusi, pada masa yang sama, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyeru tentang subsidi ini bahawa pihak kerajaan haruslah membenarkan kuasa-kuasa pasaran untuk menentukan harga petroleum, kalau dengan harga sedunia petrol sekarang, sebenarnya harga runcit seliter yang dijual adalah lebih tinggi daripada harga dunia untuk petroleum.

Kalau kita boleh mengurangkan harga runcit petrol, ia akan membantu kita untuk menyekat kenaikan inflasi dan ia akan mempunyai kesan yang paling ketara dan secara langsung dalam usaha mengurangkan inflasi kerana tidak boleh dinafikan bahawa pergerakan ekonomi dipengaruhi oleh minyak dan kalau harga minyak turun, yang merupakan bahan kos utama banyak barangan dan perkhidmatan. Saya rasa usaha kerajaan mencapai inflasi sifar tidak akan menjadi angan-angan seperti yang berlaku sekarang, hanya menjadi angan-angan sahaja dan memang saya rasa sekarang, kerajaan pun tidak berapa minat tentang Kempen Inflasi Sifar kerana jarang dilaung-laungkan seperti yang pernah dibuat sebelum ini, malah Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen tidak menyebut sekali pun inflasi sifar, tetapi sebelum ini pernah berkali-kali menyebut inflasi sifar. Jadi, nampaknya Kempen Inflasi Sifar sudah mencapai tahap, rekod kejayaannya atau prestasinya telah diakui oleh kerajaan sudah sifar, sudah tidak akan berjaya lagi.

Oleh yang demikian saya harap kalau kita benar-benar hendak membanteras atau menyekat inflasi, kita harus memulangkan simpanan daripada pengurangan harga petroleum kepada para pengguna dan bukan seperti yang dibuat sekarang, kerajaan tetap menerima keuntungan daripada pembayaran oleh para pengguna untuk harga petrol yang lebih tinggi daripada harga petrol sedunia dan saya rasa tidak ada sebab mengapa kerajaan tidak boleh berbuat demikian, lebih-lebih lagi apabila yang

akan mendapat keuntungan adalah terdiri daripada pengguna.

Dan ini juga akan membantu usaha seperti usaha kerajaan untuk beralih kepada sistem penggunaan sebagai asas percukaian (consumption base tax), kalau kita hendak beralih ke satu sistem percukaian berdasarkan penggunaan, saya rasa ia akan lebih berkesan kalau diiringi oleh satu prosedur yang boleh memulangkan faedah kepada pengguna dan bukan sebaliknya dan saya rasa rakyat tidak mahu melihat keadaan di mana apabila harga sesuatu barangan naik, kenaikan itu akan diikuti dengan serta merta. Tetapi, apabila sebaliknya berlaku, iaitu apabila harga sesuatu barangan turun, ia tidak turun langsung. Jadi, dengan sebab itu, saya dengan izin, it cannot be elastic on the way up but inelastic on the way down, ini saya rasa akan menimbulkan anomali dalam pasaran perbekalan dan permintaan dan juga tidak adil kepada pihak pengguna. Sekian, teima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kepong.

8.39 mlm.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, saya tidak akan mengambil masa yang panjang, cuma kerana peruntukan tambahan yang diminta di sini ialah lebih RM12.5 bilion, sangat besarlah jumlahnya dan memandangkan penjelasan di dalam Kertas Perintah 16 ini adalah tidak lengkap, misalnya Maksud B.28 tambahan sebanyak RM10 juta adalah dikehendaki untuk sumbangan kerajaan bagi Yayasan Laporan Kewangan dan Lembaga Piawaian Pracana Malaysia, bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah yayasan laporan kewangan yang dimaksudkan di sini sebab kita tidak tahu apakah perbelanjaan untuknya dan juga piawaian perakaunan Malaysia, sebab Yang Berhormat tidak pernah menerangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, mengenai Maksud B.30 - Eksport Import Bank of Malaysia Exim Bank dan saya nampak RM300 juta dikehendaki sebagai pinjaman kepada Exim Bank untuk membiayai skim kemudahan pembiayaan semula kredit eksport yang diambil alih dari Bank Negara Malaysia.

Tuan Pengerusi, sukalah saya sebutkan di sini, saya tidak menyangkal bahawa kita perlu satu bank eksport, Exim Bank, tetapi mengapa kita perlu begitu banyak wang untuk dipinjamkan sebagai soft laon kepada Exim untuk membiayai skim kemudahan pembiayaan semula kredit eksport, apakah skim kredit ini digunakan, sama ada itu untuk mensubsidi,

memberi kredit kepada negara, di mana kita eksport misalnya minyak kelapa sawit di eksport ke Pakisan yang merupakan salah satu negara yang menggunakan minyak kelapa sawit dengan banyak dan kita berharap lebih banyak negara lagi akan menggunakan minyak kelapa sawit Malaysia.

Walau bagaimanapun, adakah pembiayaan semula kredit eksport ini untuk maksud-maksud yang telah saya sebutkan tadi dan seterusnya mengenai pinjaman kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) kepada Bank Negara Malaysia di bawah Skim ASB dan PPRT dan walaupun pernah dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini tetapi bolehkah Yang Berhormat menerangkan seterusnya apakah pinjaman ini mungkin pinjaman soft loan juga untuk PNB, untuk maksud yang telah saya sebutkan dan saya meminta satu butiran selanjutnya yang diberi kepada Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

8.43 mlm.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini.

Terutamanya, saya ingin menjelaskan di sini bahawa di bawah B.29 - Subsidi Bahan Petroleum, kita ketahui bahawa harga barangan petroleum adalah dikawal oleh Kerajaan Malaysia melalui mekanisme harga barangan petroleum dan tujuan utama mekanisme ini adalah untuk mengawal serta menstabilkan harga barangan petroleum supaya kadar inflasi dapat dikawal.

Jadi, komponen-komponen utama yang digunakan untuk mencapai tujuan ini adalah cukai dan subsidi, jadi, juga kos barangan menurun, kadar cukai akan dinaikkan dan sebaliknya jika kos naik dan cukai di paras minimum, subsidi perlu diberi dan pada masa ini kerajaan hanya memberi subsidi bagi LPG. Cuma saya pun pada mulanya pagi tadi keliru juga seperti Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, rupa-rupanya LPG yang dimaksudkan di sini ialah mengenai tong gas masak di rumah iaitu tong yang di bawah daripada 14 kilogram sahaja. Jadi, kerajaan telah memutuskan supaya harga runcit LPG bagi Semenanjung Malaysia dikekalkan kepada paras 118 sen sekilogram dan bagi Sabah, Sarawak sebanyak 126 sen sekilogram. Disebabkan kos

barangan, kos operasi dan kadar keuntungan yang dibenarkan berubah-ubah maka kadar subsidi pun turun naik, adalah sukar untuk membekalkan peruntukan yang perlu dengan tepat. Jadi, kita minta di sini peruntukan berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya ada product posting terendah purata di Singapura. Ini secara kronologinya bahawa dahulu di Pulau Bukom yang banyak petroleum dan sebagainya, jadi, kita mengikut posting yang ada di sana, posting ini adalah harga LPG sekilogram. Jadi, kalau posting kita lihat pada 1 Julai 1997 sehingga 21 Julai 1997, LPG postingnya ialah 75.53 sen, jadi, kos operasi kita 37.94, kadar keuntungan 11.35, komision pengedar 21.42 sen, cukai memang tidak ada dan oleh kerana itu kita kena beri subsidi.

Begitu juga pada Sabah, postingnya ialah 75.53 di Singapura dan kos operasi 40.01 sen, kadar keuntungan 11.35, komisen pengedar 21.67 dan cukainya tidak ada, jadi kita bayar subsidi.

Begitu juga di Sarawak, postingnya seperti tadi saya katakan 75.53, jadi kos operasinya 40.57 sen, kadar keuntungan 11.35, komisen pengedar 21.67, cukai tiada dan oleh itu kita beri subsidi.

Yang Berhormat, ini hanya untuk LPG iaitu tong gas di rumah 14 kilogram ke bawah dan mengenai apa yang diperkatakan mengenai B.28 oleh Yang Berhormat dari Kepong, ini yayasan laporan kewangan dan lembaga piawaian perakaunan Malaysia. Saya rasa Yang Berhormat, saya kena ingatkan balik bahawa undang-undang baru kita luluskan tahun lepas - 1996 - Rang Undang-undang Laporan Kewangan 1996. Di sini kita hendak menubuhkan yayasan dan dalam perbahasan yang lepas, saya masih ingat Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan tentang standard. Jadi, dalam usaha untuk menyediakan akaun secara konsisten, benar, munasabah, mudah diperbuat perbandingan, satu piawaian perakaunan amat diperlukan oleh pihak yang menyedia dan mengaudit akaun agar kekeliruan tidak berlaku. Jadi, inovasi yang berterusan di dalam bidang kewangan dan perdagangan yang begitu pesat juga menyebabkan perlunya akaun yang jelas bagi membolehkan pengguna membuat penilaian dan perbandingan terhadap prestasi dan kedudukan kewangan sesebuah entiti itu.

Jadi, perkembangan pasaran modal juga memerlukan laporan kewangan dan penzahiran maklumat yang berkualiti tinggi dalam sektor korporat. Oleh itu, kita tidak menafikan buat masa ini tidak terdapat satu badan tunggal yang berkuasa

untuk menggubal piawaian perakaunan ini. Walau bagaimanapun, Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Persatuan Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MACPA) telah mengisi kekosongan ini setakat kemampuan yang begitu terhad. Jadi, sungguhpun usaha kedua-dua badan ini patut dipuji tetapi sistem yang sedia ada mempunyai masalah mengenai pematuhan dan juga tidak mendapat kepercayaan daripada kalangan yang bukan ahli profesional perakaunan.

Oleh itu, kita telah mengadakan satu rang undang-undang tahun lepas dan telah dipersetujui oleh Dewan ini termasuk Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Jadi, mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 November 1996, ketika membincangkan cadangan ini telah pun melancarkan geran berjumlah RM30 juta yang disumbangkan sama rata di antara Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Saham Kuala Lumpur. Jadi, sebanyak RM10 juta untuk diuruskan oleh FRF bagi membolehkan MASB memulakan operasinya pada Julai 1997. Dengan adanya B.28 ini Yang Berhormat, kita akan dapat satu perakaunan yang begitu canggih dan standard.

Mengenai B.30, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa skim ASB PPRT ini telah dilancarkan pada tahun 1992 lagi dengan peruntukan sebanyak RM500 juta yang disalurkan oleh Bank Negara Malaysia kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) untuk dipinjamkan kepada rakyat termiskin bumiputera. Jadi, ini untuk membolehkan mereka melabur dalam unit ASB. Peruntukan ini telah ditambah dan akhirnya berjumlah RM800 juta. Mesyuarat telah bersetuju bahawa penangguhan pembayaran balik akan membolehkan golongan termiskin memperolehi dividen dan bonusnya selama tempoh empat tahun. Jadi, dalam masa empat tahun orang-orang miskin ini tidak payah bayar balik hutang kepada ASB tetapi empat tahun itu mereka dapat bonus dan hasil bonus itu nanti mereka dapat membayar balik. Jadi, pada 8 Oktober 1996, pembayaran balik pinjaman ditangguhkan selama empat tahun ini berkuatkuasa mulai 1996 supaya membolehkan pembayaran bonus dan dividen semuanya untuk tempoh empat tahun berkuatkuasa dari pembayaran balik dividen dan bonus itu. Jadi, inilah dia tujuannya dan apabila wang itu dibayar balik nanti ke dalam revolving fund, dengan izin, maka bolehlah kita menjalankan terus skim ASB PPRT ini.

Mengenai Exim Bank, Bank Negara Malaysia telah mencadangkan kepada kerajaan supaya skim - Export Credit Refinancing Scheme (ECR) ataupun

Skim Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport yang telah dimulakan oleh Bank Negara Malaysia sejak 1997 dipindahkan kepada Exim Bank. Alasan utama ialah sebelum ini tidak ada bank yang menguruskan hal ehwal eksport dan import. Oleh itu, dengan tertubuhnya Exim Bank pada 29 September 1995, Bank Negara Malaysia berpendapat adalah wajar tanggungjawab mentadbir Skim ECR diambil oleh Exim Bank dan telah diluluskan peruntukan sebanyak RM300 juta untuk memulakan skim ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM10,000,000 untuk Maksud B.28; RM66,377,000 untuk Maksud B.29; RM12,370,000,000 untuk Maksud B.30; RM10,749,200 untuk Maksud B.31 dan RM200,000,000 untuk Maksud B.32 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10,000,000 untuk Maksud B.28; RM66,377,000 untuk Maksud B.29; RM12,370,000,000 untuk Maksud B.30; RM10,749,200 untuk Maksud B.31 dan RM200,000,000 untuk Maksud B.32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.28 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1997.

#### **Maksud B.34 [Jadual] -**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Ya, sila Sipitang.

**8.52 mlm.**

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di bawah Kementerian Kesihatan sejajar dengan keperluan negara pada masa ini iaitu ke arah negara maju dan juga kita akan mengadakan beberapa acara besar di negara ini seperti Sukan Komanwel dan beberapa persidangan antarabangsa dan juga

pelancongan sebagai aktiviti ekonomi utama, saya ingin meminta penjelasan daripada Kementerian Kesihatan, apakah program pendidikan kesihatan yang dirancang untuk persediaan ke arah ini.

Ini penting kerana kita lihat pada masa ini soal cara hidup sihat walaupun ditekankan tetapi tidak begitu menonjol, yang pertama. Yang kedua, mengenai dengan premis-premis makanan. Kalau kita lihat tempat-tempat makan khususnya makan bertaraf sederhana dan murah, tidak termasuk dalam kawasan lima bintang atau hotel-hotel yang besar bahawa kawasan ini kalau kita lihat sehingga ke hari ini, terutamanya restoran-restoran, kedai-kedai makan, gerai, pasar dan juga kawasan-kawasan yang seumpamanya, keadaan kebersihan adalah begitu mengecewakan dan kadang-kadang kita berfikir dua kali untuk makan di kawasan-kawasan ini. Apa lagi kalau musim keramaian nanti di mana kesibukan dan juga pelanggan-pelanggan yang banyak, soal-soal kebersihan ini langsung tidak dipedulikan. Ini memberi gambaran negatif kepada negara kita khususnya apabila pelancong-pelancong yang datang dari luar negara untuk makan ataupun mengubah selera di kawasan-kawasan ini. Jadi, apakah rancangan dan tindakan kerajaan terhadap gerai-gerai dan juga tempat-tempat makan yang murah ini.

Memang kita tahu setiap pekerja diperlukan pemeriksaan kesihatan, tetapi saya rasa itu tidak cukup. Seharusnya mesti ada satu program yang khusus misalnya pekerja-pekerja restoran ataupun pemilik-pemilik restoran ini mesti mempunyai satu kursus khas, walaupun mungkin dibuat pada masa ini tetapi tidak begitu ditekankan iaitu pemilik-pemilik restoran ini mesti menghadiri kursus khas mengenai kebersihan penyediaan makanan dan juga kebersihan tempat makan yang sesuai untuk keperluan masa kini dan diterima sebagai satu standard yang boleh diterima. Sebagai keperluan mungkin sesuatu restoran ataupun pekerja-pekerja itu tidak boleh diberi kelulusan ataupun fitness certificate selagi mereka belum menghadiri kursus untuk menjaga kebersihan ataupun mereka tahu mengenai cara-cara menjaga kebersihan dan juga cara-cara jangkitan penyakit melalui makanan. Jadi, inilah yang perlu.

Bagi pekerja-pekerja pasar pula yang misalnya di tempat-tempat penjualan sayur dan sebagainya, juga perlu kursus ataupun penerangan pendidikan kesihatan ini supaya mereka tahu menjaga kebersihan di kawasan tersebut.

Kumpulan ketiga yang menjadi sasaran seharusnya pekerja-pekerja majlis daerah, pekerja-

pekerja majlis perbandaran. Kalau kita lihat bahawa pekerja-pekerja ini bila mereka memungut sampah, mereka seolah-olah tidak tahu apa itu kebersihan, mereka tidak memikirkan bahawa sampah yang mereka pungut dan kumpul itu mestinya dikumpul secara teratur dan kemas. Kalau kita perhatikan, mereka mengumpul sampah itu dan banyak lagi yang berselerak dan tercicir di kawasan-kawasan perumahan, di kawasan-kawasan restoran dan sebagainya. Sebenarnya yang tertinggal itu juga sampah walaupun sebilangan besar yang dikutip itu sampah tetapi yang tertinggal itu juga adalah sampah dan kalau kita lihat ciciran sampah ini begitu mengaib dan menjijikan di kawasan-kawasan tertentu.

Jadi, saya memohon kementerian memberi penjelasan dan juga cadangan-cadangan untuk kementerian mengenai program khususnya persediaan ke arah negara maju dan juga persediaan menghadapi persidangan dan acara-acara besar di negara ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, kementerian menjawab.

**8.58 mlm.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sipitang yang mengambil bahagian dalam perbincangan bagi kementerian saya iaitu Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat yang berkenaan ada menyebut perkara berkenaan dengan persediaan kementerian saya dengan sukan antarabangsa seperti Sukan Komanwel di negara kita dan premis-premis makanan dan macam mana kita ada beri training kepada food handlers.

Kementerian saya ada sediakan dengan facilities dan boleh digunakan oleh semua orang semasa persidangan antarabangsa iaitu Sukan Komanwel. Kita ada sediakan satu hospital yang baru tetapi saya fikir kita tidak boleh habis hospital Selayang di Kuala Lumpur dan lain-lain facilities kita ada beri training atau emergency treatment dan lain-lain semua kita sediakan - nombor dua.

Nombor tiga, pegawai-pegawai dari kementerian saya ada dalam jawatankuasa di mana kita cari cara macam mana kita deal perkara-perkara emergency dan semua ada dijalankan oleh kementerian saya. Dengan premis-premis makanan, kementerian saya ada ambil beberapa tindakan dan pegawai-pegawai ada buat beberapa serbuan dengan semua kedai yang kotor yang beberapa kedai ada yang tutup pada masa sekarang.

Dengan food handlers, memang kita ada buat satu training dan ini ada jalan tetapi saya tidak ada angka berapa orang kita ada training. Memang kementerian saya ambil berat dengan perkara makanan-makanan yang diberi kepada semua orang yang mengunjungi. Saya merayu di sini orang ramai yang kunjungi kedai-kedai makan, kita pergi kita tengok kalau makanan ada baik, kita tengok keadaan tempat itu. Kalau orang tidak pergi ke tempat atau kedai yang kotor saya ingat kedai itu tutup. Itulah yang jadi masalah kita. Oleh itu kita fikir kita dapat kerjasama dengan semua orang yang terlibat dalam perkara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM4,902,600 untuk Maksud B.34 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM4,902,600 untuk Maksud B.34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud B.36, B.37 dan B.39 [Jadual] -**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.36, B.37 dan B.39 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Ya, Jelebu.

**9.00 mlm.**

**Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]:** Tuan Pengerusi, suka saya hendak menyatakan sokongan kepada Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Tamb.) (Bil. 2) bagi Maksud Bekalan B.37 - Jabatan Imigresen.

Sebanyak RM9,462,600 telah pun dipohon untuk diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini di atas perbelanjaan yang telah pun dilakukan kepada soal-soal pembelian alat-alat penguatkuasaan dan lain-lainnya.

Tuan Pengerusi, kita mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Dalam Negeri terutamanya kepada Jabatan Imigresen di atas pencapaian dan kejayaan yang telah pun diperolehi bagi mengatasi masalah-masalah semasa di Imigresen. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, banyak perkara yang perlu ditekankan di dalam jabatan ini yang harus diambil perhatian yang sewajarnya. Misalnya, masalah penguatkuasaan anggota-anggota penguatkuasaan yang pada saya begitu daif bilangannya, yang perkara ini telah pun disuarakan begitu lama. Sejak tahun-tahun yang lalu perkara ini telah pun disuarakan. Oleh kerana

kekurangan pegawai-pegawai penguatkuasaan di unit penguatkuasaan dan keselamatan Jabatan Imigresen ini, saya kluatir masalah-masalah pendatang tanpa izin, masalah-masalah yang lain yang berkaitan dengan perundangan ataupun peraturan akta ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan baik.

Kita dapat perhatikan bahawa masalah-masalah pendatang tanpa izin ini masih berkeliaran. Kalau kita lihat di kawasan-kawasan pedalaman negara kita masih ramai lagi. Apa yang kita kluatirkan ialah oleh kerana kemudahan-kemudahan yang ada di dalam jabatan ini terutamanya di unit penguatkuasaan dan juga keselamatan ini berkurangan, maka minat dan keinginan kakitangan untuk menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan penguatkuasaan ini akan luntur. Kalau kita perhatikan masalah tambahan kakitangan tidak pun berlaku, kalau ada pun tidak sebagaimana yang dikehendaki, pengisian kekosongan tidak dibuat dengan memberikan keutamaan kepada masalah-masalah pengisian jawatan-jawatan berkenaan.

Di seluruh negara kita mempunyai jabatan ini yang begitu banyak pejabat-pejabat, baik di negeri-negeri ataupun di kawasan-kawasan Sabah dan Sarawak, namun kakitangan ini tidaklah begitu membanggakan dan amat berat tanggungjawab mereka ini untuk menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan dan sebagainya. Begitu juga dengan peralatan-peralatan yang diperlukan oleh unit ini yang tidak begitu canggih dan saya berharap apabila perkara-perkara ini diambil perhatian di masa-masa akan datang, keutamaan haruslah diberikan dan ditumpukan kepada unit penguatkuasaan dan juga keselamatan ini.

Saya ingin bertanya, setakat hari ini berapakah kekosongan sebenarnya yang berlaku di dalam unit penguatkuasaan dan keselamatan ini bagi jawatan-jawatan pegawai penguatkuasaan dan sebagainya dan keperluan sebenarnya untuk Jabatan Imigresen menjalankan tugas sebaik mungkin bagi seluruh negara supaya dapat menjamin Akta Imigresen ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Dengan mengambil kira juga kemudahan-kemudahan lock-up yang disediakan bagaimanakah kedudukan lock-up yang sedia ada, kemampuan-kemampuan untuk pesalah-pesalah dapat dimuatkan. Kalau kita lihat di bangunan Ibu Pejabat Imigresen, dengan kemampuan lock-up yang begitu terhad telah memuatkan lebih daripada 20 orang bagi satu lock-up untuk lelaki dan wanitanya yang tidak begitu selesa bagi mereka. Jadi, saya ingin

bertanya keperluan sebenarnya lock-up ini dan keperluan yang sedia ada. Kemudahan-kemudahan yang sedia ada yang telah disediakan. Begitu juga dengan tambahan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan di bahagian penguatkuasaan ini, Tuan Pengerusi, apakah strategi kementerian ataupun jabatan bagi benar-benar dapat melaksanakan tugas penguatkuasaan ini di seluruh negara kerana pegawai-pegawai penguatkuasaan yang sedia ada ini, kalau tidak silap saya hanya ditumpukan kepada pejabat di ibu pejabat sahaja, malah di pejabat-pejabat negeri, kakitangan ini tidak dibekalkan dengan sepenuhnya dan tidak dapat mengatasi masalah-masalah yang berlaku yang kebanyakannya berlaku di kawasan-kawasan pedalaman dan di negeri-negeri.

Jadi, saya ingat itu sahaja perkara yang dapat saya utarakan dalam usaha menyokong perbekalan ini dan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kepong.

9.07 mlm.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, cuma satu perkara B.39 mengenai kad pengenalan bermutu tinggi (KPT) dan penyelenggaraan peralatan KPT. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan setakat ini berapa rakyat Malaysia sudah mendapat KPT dan berapa lagi masih tunggu mengenai kad KPT ini dan selepas beberapa tahun menjalankan penukaran kad pengenalan ini, maka saya nampak pihak kementerian baru sahaja hendak beli peralatan untuk KPT. Hairan juga! Berapa tahun sudah dijalankan untuk menukar KPT baru sahaja hendak beli peralatan baru, macam mana ini berlaku. Sebenarnya kalau itulah peralatan yang digunakan untuk KPT dibelikan dua, tiga tahun yang lepas?

Walau bagaimanapun Tuan Pengerusi, saya hendak mengetahui bilangan yang masih belum lagi memohon untuk KPTnya. Kalau mereka yang lewat, apakah hukumannya? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Gelang Patah.

9.09 mlm.

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan. Saya ingin bahas tentang Jabatan Imigresen yang mana ada peruntukan di CIQ Gelang Patah iaitu berkaitan dengan laluan kedua. Memang kalau sesiapa melawat kawasan CIQ bangunan baru itu memang satu bangunan yang cukup canggih dan moden dan saya harap bila laluan kedua mula beroperasi pada

2 Januari tahun depan dan perkhidmatan Kastam, Imigresen dan Kuarantin di sana akan sampai satu tahap yang cukup profesional seperti bangunan canggih itu dan tidak ada masalah tentang selalu kita dapat aduan tentang kerja Imigresen, kadang-kadang kita dapati ada yang lambat tetapi bila laluan itu ada, akan dapat menyelesaikan masalah sekarang yang serius di Tambak Johor yang mana datang satu masalah kepada penduduk-penduduk di Johor Bahru sekarang yang mana pegawai penguatkuasa daripada Polis, JPJ serta Kastam telah memperketatkan pemeriksaan kepada lori-lori menyebabkan kesesakan lalu-lintas di kawasan sana yang mana penduduk-penduduk pun susah hendak keluar dari rumah-rumah mereka dan ramai pelawat daripada Singapura masuk ke Johor Bahru untuk membeli barang-barang kerana mata wang berbeza besar itu. Ini sudah menjadikan satu masalah yang cukup serius dan saya harap pihak Imigresen, Kastam dan pihak Imigresen, Kastam Singapura, dua-dua pihak dapat berunding bagaimana boleh menyelesaikan masalah terkini tentang kesesakan lalu-lintas di sana.

Satu perkara lagi saya ingin bawa untuk makluman Kementerian Dalam Negeri iaitu bahagian pekerja asing yang pada masa dahulu di bangunan Imigresen Blok A Wisma Persekutuan sudah tukar ke satu tapak di Taman Imigresen iaitu quaters pegawai dan staf Imigresen yang mana saya dapati tempat itu pada asalnya adalah Dewan Gelanggang Badminton diubahsuai untuk digunakan sebagai pejabat bahagian buruh asing dan ini sudah menjadikan staf Imigresen di quarters sana sudah tiada tempat untuk sukan badminton dan keadaan ubahsuai dewan itu dijadikan pejabat buruh asing pun saya nampak dalam keadaan yang tidak selesa untuk pegawai-pegawai Imigresen bekerja di sana dan baru-baru ini saya ada kunjungi kawasan sana dan pegawai atasan pun minta saya sebagai wakil rakyat kalau boleh tolong mereka, kalau boleh, melalui peruntukan kepada Kelab Pegawai Imigresen untuk membekalkan komputer kerana kekurangan komputer.

Saya harap pihak Kementerian Dalam Negeri dapat ambil perhatian tentang kes ini supaya Jabatan Imigresen dan bahagian buruh asing di tempat itu dapat dibekalkan dengan komputer yang cukup untuk mereka menjalankan kerja dan selain daripada itu saya harap jika boleh untuk rancangan masa panjang, Jabatan Imigresen melalui Kementerian Dalam Negeri kalau boleh mengadakan satu pejabat baru untuk bahagian buruh asing ini. Tempat yang digunakan iaitu, dewan gelanggang badminton saya

harap sementara sahaja, bukan untuk selamanya kerana tempat itu pun susah untuk orang cari kerana di kawasan dalaman Taman Imigresen itu.

Dengan kata-kata demikian, saya sekali lagi ucap terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kementerian menjawab ya.

9.15 min.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Parlimen dari Jelevu, Kepong dan juga Gelang Patah yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan berkenaan dengan peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Dalam Negeri. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jelevu kerana telah membangkitkan berkenaan dengan kekurangan jawatan untuk penguatkuasaan di Jabatan Imigresen.

Sebenarnya pihak Jabatan Imigresen telah pun menambah jawatan unit penguatkuasaan yang telah diisi di semua pejabat di seluruh negara yang mempunyai 188 orang anggota dan yang menjadikan masalah kepada kita ialah kita telah diminta untuk membuka lebih banyak lagi pintu masuk ke negara kita. Setakat hari ini kita ada lebih kurang 117 pintu masuk dan insya-Allah, tidak berapa lama lagi kesemua pintu masuk kita ini, akan kita adakan 'on-line' dengan Ibu Pejabat Imigresen di Kuala Lumpur dan kalau ini dapat kita laksanakan, maka kita akan dapat mengawal keadaan kemasukan warganegara asing ke negara kita.

Selain daripada itu juga, berkenaan dengan peralatan yang disebut tadi, kita akan membelanjakan hampir-hampir RM204 juta untuk kita mengkomputerisasikan jabatan Imigresen. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi 117 pintu masuk ini akan kita adakan 'on-line' ke Jabatan Imigresen di Kuala Lumpur.

Selain daripada itu kita juga ada lebih kurang 30,000 orang penduduk Malaysia yang bekerja di Singapura yang setiap pagi akan pergi ke Singapura dan sebelah petangnya akan masuk balik ke Johor dan kita sedang mengkaji beberapa kaedah supaya mereka yang bekerja di Singapura ini akan memakai smart card yang tidak perlu dislide, cuma dipakai ianya akan berfungsi seperti juga Plus Tag iaitu kita hanya lalu melalui laluan yang telah ditetapkan dan kalau misalnya kad yang dipakai tadi bukan kad yang tepat ataupun yang sebetulnya, maka alarm akan

berbunyi. Ada juga ditimbulkan berkenaan dengan kad ini digunakan oleh orang yang tidak sepatutnya menggunakan dan kita akan mengadakan 100% check misalnya, setiap 50 orang yang lalu mengikut laluan ini. Jadi, insya-Allah tidak berapa lama lagi Jabatan Imigresen akan ada 'on-line' kepada 117 pintu masuk dan kita juga akan mengeluarkan smart card untuk mereka yang bekerja di Singapura.

Berkenaan dengan tambahan kepada pegawai-pegawai, sebagaimana kita sedia maklum pihak kerajaan telah pun mengarahkan supaya kita tidak menambah begitu banyak pegawai. Jadi, oleh kerana kita tidak menambah pegawai, apa yang kita laksanakan ialah kita memperhebatkan dari segi teknologi - penggunaan alat-alat yang lebih canggih di Jabatan Imigresen. Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pendatang-pendatang dari luar negara yang masuk ke negara kita, sebenarnya walau bagaimana kuat sekali pun kawalan yang kita buat, mereka ini tetap akan masuk, kalau sekiranya dengan masuk ke negara kita mereka akan mendapat pekerjaan. Oleh itu, kita memohon kerjasama daripada rakyat negara ini untuk memastikan bahawa mereka yang masuk ke negara kita secara haram dan tidak mempunyai permit kerja agar mereka ini tidak dapat bekerja di negara ini. Kalau ada, misalnya orang-orang seumpama ini bekerja, maka kita merayu kepada rakyat negara kita terutama sekali wakil-wakil rakyat dan juga pemimpin-pemimpin masyarakat untuk melaporkan perkara ini kepada pihak yang berkenaan supaya tindakan akan dapat diambil. Seandainya pendatang asing datang ke negara kita dan mereka tidak dapat bekerja secara haram, saya yakin bahawa Malaysia tidak akan lagi menjadi sebuah negara yang menarik bagi mereka untuk datang secara tidak diizinkan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan berkenaan dengan kad pengenalan bermutu tinggi. Setakat hari ini kita telah pun menyiapkan sehingga September 1997 sebanyak 14,465,015 kad pengenalan dan yang masih belum siap sehingga September 1997 ialah 2,495,067. Jadi bermakna kita masih lagi ada hampir-hampir 2.5 juta kad pengenalan yang perlu kita bereskan dan dalam pada itu, Jabatan Pendaftaran Negara juga sedang merancang untuk mengeluarkan kad pintar (smart card) yang mana apabila seseorang itu lahir ianya akan diberi nombor. Misalnya, kalau seseorang itu lahir pada 14 Oktober 1997, maka nombornya ialah 971014 bermakna 141097, kalau dianya dilahirkan di Wilayah Persekutuan 08 dan mungkin nombornya ialah 0001. Jadi, nombor ini akan digunakan sebagai

nombor Sijil Kelahiran apabila umurnya 12 tahun, ianya akan digunakan sebagai nombor kad pengenalan, apabila beliau mendapat lesen mobil ataupun kereta, ini juga akan digunakan sebagai nombor lesen kereta dan kad ini juga akan digunakan sebagai kad kesihatan dan ianya juga akan digunakan sebagai electronic purse. Ini dalam kajian dan belum lagi muktamad. Mungkin seseorang yang berumur bawah daripada 18 tahun, ianya akan diberi RM200 dan yang lebih 18 tahun mungkin kalau mampu mereka boleh pergi untuk mendapatkan sehingga RM1,000. Ini dalam kajian untuk pelaksanaan.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat, Mersing.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, dari sebanyak 14 juta kad pengenalan baru (KPT) yang telah dikeluarkan, adakah pihak kementerian dapat mengesan ada di antaranya telah dipalsukan? Kalau macam sebelum ini kita lihat kad pengenalan yang lama ada pihak memalsukan dengan memasukkan gambar ke dalam kad pengenalan lama, jadi saya ingin tahu sama ada perkara ini juga terjadi kepada KPT ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kad pengenalan, walau sebagaimana canggih pun kad pengenalan yang kita keluarkan, maka pemikiran ataupun manusia akan lebih canggih lagi pemikirannya untuk mengatasi kad-kad canggih yang telah kita keluarkan. Jadi, bagaimana canggih kad yang kita keluarkan, kalau misalnya manusia hendak menipu ataupun menyelewengkan kad ini, mereka akan dapat menyelewengkan tetapi kalau kita keluarkan kad yang canggih, maka tidak ramai orang yang boleh menyelewengkan kad ini kerana untuk menyelewengkan kad ini memerlukan pemikiran ataupun kecerdikan, kepintaran yang sama pintar dengan kad pintar ini. Jadi, itulah sebabnya kita terpaksa mengeluarkan kad yang canggih supaya mengurangkan tahap ataupun mengurangkan kadar penyelewengan yang boleh dilakukan oleh orang-orang yang tertentu tetapi kalau kita hendak keluarkan satu kad yang kita boleh katakan 100% full proof tidak boleh dipalsukan, ini yang sedang dicari oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada yang bangun.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin minta penjelasan daripada

Dato' Menteri di sini mengenai kad pengenalan KPT yang bermutu tinggi, yang canggih - adakah kementerian bercadang, misal kata sekarang ini di bidang ekonomi kita sentiasa memakai kad kredit dan untuk menentukan bahawa kad kredit itu dimiliki, misal kata oleh saya sendiri, kebanyakan yang perlu pengedar-pengedar membuat kad itu, ada satu kod misal kata dan untuk mengenalpasti bahawa bearer, mereka yang memegang kad itu adalah betul-betul mereka sendiri, kita pakai kod itu seperti credit card, lepas itu kita tekan kod itu, itu yang dapat menentukan. Saya setuju tadi bagaimana kita ingin meningkatkan mutu itu, susah. Asalkan kita tidak ada cara yang lain seperti magnetic code, adakah kementerian bercadang pergi ke arena seperti begini untuk kad pengenalan?

**Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Pengerusi, saya tidak mahu cuba untuk mendalami perkara ini oleh kerana perkara ini masih lagi dalam kajian pihak Jabatan Pendaftaran Negara tetapi pelbagai cara sedang difikirkan termasuk misalnya menggunakan thumb print dan kita juga ada misalnya chip yang dimasukkan ke dalam kad ini dan chip ini boleh, misalnya, ada berkenaan dengan kewangan, ada berkenaan dengan pendaftaran, ada berkenaan dengan lesen dan juga ada berkenaan dengan kesihatan dan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, mungkin ini salah satu perkara yang boleh difikirkan juga oleh Jabatan Pendaftaran Negara tetapi setakat ini yang disebut-sebut oleh Jabatan Pendaftaran Negara, mungkin untuk memasukkan thumb print tadi ke dalam kad pengenalan baru yang hendak dikeluarkan ini dan kad pengenalan ini pun mungkin tidak dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, ianya mungkin diswastakan kepada pihak luar yang akan memasukkan semua butiran berkenaan dengan kesihatan, berkenaan dengan bank, berkenaan dengan lesen memandu dan juga berkenaan dengan kad pengenalan.

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara yang saya hendak sebutkan di sini bahawa peruntukan yang telah dipohon oleh Jabatan Pendaftaran Negara ini tidak melibatkan pembelian alat baru, cuma pembelian untuk base stock iaitu bahan salut kepada kad pengenalan KPT kita yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah membangkitkan berkenaan dengan - saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Gelang Patah kerana beliau telah memberikan kata-kata yang baik dan bersemangat berkenaan dengan pejabat Imigresen yang baru dan saya yakinlah bahawa di pejabat Imigresen yang baru ini, bukan

sahaja keadaan pejabatnya selesa dan cantik tetapi kita juga berharap supaya khidmat yang kita berikan juga setimpal dengan keadaan bangunan yang cantik kerana kita juga akan masukkan ke dalam pejabat di sini peralatan komputer yang canggih supaya dengan cara ini, ianya akan dapat melicinkan lagi perjalanan di antara Singapura dengan Tanah Besar Malaysia.

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM5,000,000 untuk Maksud B.36; RM9,462,600 untuk Maksud B.37 dan RM5,155,000 untuk Maksud B.39 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM5,000,000 untuk Maksud B.36; RM9,462,600 untuk Maksud B.37 dan RM5,155,000 untuk Maksud B.39 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud B.42 [Jadual] -**

**Tuan Pengerusi:** Maksud Bekalan B.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Ya, sila Jelebu.

9.27 mlm.

**Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai dengan Maksud Bekalan B.42 Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara mengenai dengan Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli. Kita tahu bahawa sebanyak lebih kurang RM14.6 juta telah pun dibelanjakan untuk JPN - Jabatan Orang Asli dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat tetapi apa yang wajar diperlihatkan lagi, Tuan Pengerusi ialah mengenai pembangunan untuk orang-orang Asli ini. Saya ingin tahu setakat hari ini, berapa ramaikah yang dikenalpasti oleh pihak kementerian ataupun jabatan Orang-orang Asli yang telah pun dibentuk sebagai peniaga yang berjaya, usahawan dan sebagainya. Dan bagaimanakah kedudukan, peratusan pencapaian anak-anak Orang Asli di dalam institusi pengajian tinggi. Golongan yang telah lulus di dalam institusi pengajian tinggi dan yang telah menjawat jawatan di dalam jabatan-jabatan kerajaan. Kerana kita dapati setakat hari ini memang ada lagi lulusan-lulusan institusi pengajian tinggi masih tidak

bekerja kerana mungkin kekurangan pengetahuan dan juga panduan bagaimanakah mereka untuk mendapatkan pekerjaan dan sebagainya dan saya tidak nampak lagi apakah bentuk bimbingan yang telah dilakukan oleh Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli kepada mereka yang telah lulus di dalam pengajian mereka dan menunggu untuk mendapat jawatan di dalam jabatan-jabatan kerajaan.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, mengenai dengan golongan Orang Asli yang memeluk agama Islam. Sebagaimana yang telah saya bangkitkan dahulu, kerana terdapat pelbagai permasalahan hingga sekarang ini, Orang-orang Asli yang telah memeluk agama Islam masih belum diberikan bimbingan yang sewajarnya oleh pihak-pihak yang berwajib - pihak Jabatan Orang Asli mahupun Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Negeri dan juga daerah dan kedudukan mereka ini seolah-olah terpinggir oleh masyarakat Orang Asli itu sendiri dan juga masyarakat orang Islam dan.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Ada sedikit lagi, Tuan Pengerusi. Satu perkara lagi.

**Tuan Pengerusi:** Satu lagi ya.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Ya. Terdapat dengan kemasukan ataupun mereka ini memeluk agama Islam seolah-olah satu persengketaan telah berlaku di kalangan yang memeluk agama Islam dan juga keluarga mereka. Jadi, saya ingin tahu apakah peranan pihak Jabatan Orang Asli dan juga Jabatan Agama Islam Daerah dan juga negeri di dalam soal untuk meneruskan bimbingan kerana terdapat di kalangan pemeluk agama Islam ini yang lari semula masuk ke agama asal mereka dan duduk bergaul semula dengan keluarga dan juga bekas suami mereka sendiri. Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, besok kementerian menjawab mengenai perkara ini.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang besok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 9.30 malam.*